



© Pejabat Perdana Menteri 2017

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pejabat Perdana Menteri.

Dokumen Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia diterbitkan dalam bahasa Inggeris, bahasa Malaysia dan Bahasa Tamil. Sekiranya wujud sebarang percanggahan atau kandungan yang tidak konsisten antara versi bahasa Inggeris, versi bahasa Malaysia dan versi bahasa Tamil, kandungan versi bahasa Inggeris tersebut mengatasi versi bahasa Malaysia dan Bahasa Tamil dan adalah diterima pakai.

Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia

Diterbitkan oleh:
Sekretariat Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia
Pejabat Perdana Menteri
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
www.mib.my

**Pelan Tindakan
Masyarakat**

**India
Malaysia**

PRAKATA



Sejak beberapa dekad kebelakangan ini, perubahan yang disebabkan terutamanya oleh penghijrahan keluar masyarakat India secara besar-besaran daripada kawasan perladangan jelas tercermin dalam cabaran-cabaran kini yang dihadapi keluarga-keluarga masyarakat India di serata negara. Sejak tahun 2009, Kerajaan telah pun memberi komitmen teguh dan mengerakkan pelbagai inisiatif demi mengatasi cabaran-cabaran tersebut. Pelan Tindakan ini bertujuan untuk menyelaras dan mengoptimumkan kesemua sasaran dan usaha ini di bawah satu pelan yang padu dan efektif yang bertumpukan kepada golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah. Tambahan pula, Pelan Tindakan ini menekankan bahawa dasar dan mekanisme pelaksanaan yang khusus diperlukan untuk mengurus perdanakan dan meningkatkan tahap sosio-ekonomi kaum India Malaysia secara komprehensif.

Malah, beberapa dasar dan mekanisme sudah dilaksanakan di bawah naungan Jawatankuasa Khas Kabinet Bagi Mengenalpasti Dan Memantau Penyertaan Masyarakat India di dalam Program dan Projek-Projek Kerajaan (CCIC). Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan (SITF), Unit Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-Sekolah Tamil dan Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED), masing-masing untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat India Malaysia berkaitan kewarganegaraan dan dokumentasi, sekolah Tamil dan keusahawanan. Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) pula ditubuhkan untuk membiayai program-program yang membawa impak positif secara langsung kepada masyarakat India Malaysia.

Penubuhan unit-unit tersebut serta sokongan sumber dan peruntukan yang disasarkan serta ketara merupakan anjakan daripada usaha-usaha Kerajaan sebelum ini. Ini adalah pendekatan Kerajaan baharu yang berpaksikan kerjasama bersama masyarakat untuk mengatasi cabaran dan mencapai aspirasi mereka. Hasil yang telah dicapai melalui pendekatan ini adalah memberangsangkan,

dengan lebih setengah juta masyarakat India Malaysia mendapat manfaat secara langsung melalui program dan projek-projek Kerajaan sejak tahun 2009. Kejayaan ini juga merupakan hasil dedikasi badan bukan kerajaan dan pemimpin komuniti yang telah tampil ke hadapan dan bekerjasama dengan penjawat awam dalam menyampaikan perkhidmatan dan membawa perubahan yang positif secara terus kepada keluarga kaum India di seluruh negara. Pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan bersama-sama dengan rakan kongsi dalam komuniti telah mempelajari dan membangunkan *best practices* dalam tempoh 8 tahun yang lalu. Pendekatan tersebut kini perlu disusun dan dilaksanakan ke arah penyampaian hasil positif yang menyeluruh, terutamanya bagi keluarga yang dalam keadaan terdesak. Bagi mencapai objektif tersebut, kita akui bahawa banyak lagi perlu dirancang dan dilaksanakan. Ini termasuk menyatupadukan kesemua pendekatan baru dan inovatif yang dilaksanakan beberapa tahun kebelakangan ini ke dalam arus perdana mekanisme penyampaian Kerajaan.

Etos dalam membangunkan Pelan Tindakan ini, selain daripada memanfaatkan apa yang telah dicapai dan belajar dari apa yang telah tercicir, juga tertumpu kepada penilaian yang telus, bottom-up dan data-driven terhadap keadaan semasa dan keperluan sebenar serta aspirasi masyarakat. Tambahan pula, pasukan saya yang terdiri daripada pemimpin politik, kepimpinan Kerajaan dan komuniti dari pelbagai sektor telah memastikan pembangunan Pelan Tindakan ini mengambil pendekatan inklusif dengan melibatkan interaksi bersama pelbagai pihak berkepentingan sepanjang dua tahun yang lepas. Hasil daripada pelbagai kajian, perbincangan, seminar dan bengkel yang telah diadakan adalah Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia yang komprehensif, dan terdiri daripada empat tunggak utama: pertama, Memenuhi Keperluan Asas, kedua, Merealisasikan Potensi Setiap Kanak-Kanak yang meliputi aspek pendidikan dan latihan kemahiran, ketiga, Meningkatkan Pendapatan dan Kekayaan iaitu berkenaan keusahawanan dan pekerjaan dan yang terakhir, Peningkatan Penyertaan Sosial yang meliputi kewarganegaraan, dokumentasi, keperluan agama serta imej komuniti.

Komitmen Kerajaan ke arah ketelusan dan akauntabiliti jelas terserlah melalui penetapan KPI kepada semua Kementerian dan Agensi Kerajaan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang telah ditetapkan. Mekanisma pelaksanaan dan pemantauan baru di bawah Jabatan Perdana Menteri telah diluluskan dengan sumber dan tenaga kerja yang diperlukan bagi menyelaras, melaksana dan memantau kesemua sasaran yang tersenarai dalam Pelan Tindakan ini. Bermula tahun 2018, hasil pencapaian sasaran pelaksanaan tersebut akan diterbitkan dalam laporan prestasi tahunan. Dalam hal ini, saya yakin Kerajaan akan meneruskan rekod penyampaian seperti tahun-tahun sebelum ini dan mencapai semua sasaran yang telah ditetapkan dalam Pelan Tindakan bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Adalah harapan saya bahawa Pelan Tindakan ini, yang dibina berteraskan kepada kepercayaan, atau Nambikei, di antara Kerajaan dan masyarakat India Malaysia, akan membawa kepada pelan teguh berunsurkan pelaksanaan demi peningkatan taraf sosio ekonomi masyarakat India Malaysia yang komprehensif, di samping menyerlahkan potensi masyarakat India Malaysia ke arah membantu Malaysia mencapai matlamat menjadi antara 20 negara teratas, seiring dengan hasrat TN50.

1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”



(DATO' SRI MOHD NAJIB)



Isi Kandungan

B A B

01

Pengenalan

08

Pengenalan

02

**Memenuhi
Keperluan Asas**

30

**Memenuhi Keperluan
Asas Kehidupan Moden**

03

**Merealisasikan Potensi
Setiap Kanak-kanak**

54

**Pendidikan
& Asuhan**

04

**Meningkatkan
Pendapatan & Kekayaan**

92

**Guna tenaga &
Keusahawanan**

05

**Peningkatan
Penyertaan Sosial**

114 **Rasa Kekitaan & Identiti
dalam Masyarakat
Berbilang Budaya di
Malaysia**

06

**Pelaksanaan Pelan Tindakan
Masyarakat India Malaysia**

138

**Implementasi
& Tadbir Urus**



BAB 1

Pengenalan



Gambaran Keseluruhan Keadaan Semasa, Isu-isu Utama & Skop Pelan Tindakan


Masyarakat India Malaysia merupakan salah satu kaum utama di negara ini yang membentuk sistem kemasyarakatan negara. Sejarah membuktikan bahawa kaum India Malaysia telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kekayaan budaya di negara ini. Kehadiran masyarakat India Malaysia turut dirasakan dalam pelbagai aspek kehidupan daripada landskap kepada masakan, pertuturan dan interaksi peribadi seharian.




Seiring dengan pembangunan sosioekonomi negara, kaum India Malaysia telah bergerak ke hadapan demi mencapai kemajuan. Dalam tempoh 44 tahun, iaitu bermula dari tahun 1970 hingga 2014, pendapatan penengah bulanan purata isi rumah Malaysia telah meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.8%, sementara pendapatan penengah bulanan purata isi rumah bagi kaum India telah meningkat pada kadar 7.5% dalam tempoh yang sama.¹

Kini, kaum India Malaysia pada keseluruhannya mempunyai pendapatan penengah bulanan purata bagi isi rumah golongan pertengahan adalah sebanyak RM4,627 berbanding dengan RM4,214 bagi golongan Bumiputera dan RM5,708 bagi kaum Cina.²

Pendapatan Penengah Bulanan Purata
Isi Rumah Malaysia




Pendapatan Penengah Bulanan Purata
Isi Rumah Kaum India




¹ Kajian Pendapatan Isi Rumah 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia

² Ibid

Pendapatan Median Berasaskan Etnik, 1970-2014



Pendapatan Min Berasaskan Etnik, 1970-2014



◆ Bumiputera
 ◆ Cina
 ◆ India
 ◆ Nasional



Berdasarkan kaji selidik yang sama oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS), min atau purata pendapatan bulanan bagi isi rumah golongan pertengahan kaum India Malaysia adalah sebanyak RM6,246 berbanding dengan RM5,548 bagi golongan Bumiputera dan RM7,666 bagi kaum Cina.³

Namun demikian, masyarakat India di Malaysia masih menghadapi isu-isu yang serius. Pencapaian sosioekonomi secara keseluruhannya memperlihatkan perbezaan antara kumpulan etnik,⁴ yang mencerminkan kepelbagaian subkumpulan dan titik tolak permulaan sejarah mereka yang berbeza di negara ini. Perbezaan ini boleh mencetuskan rasa ketidakadilan dan perasaan terpinggir jika berterusan kepada beberapa generasi.

Walaupun majoriti masyarakat India Malaysia mempunyai persepsi yang positif terhadap mobiliti sosial, namun demikian tahap optimisme mereka jauh lebih rendah berbanding dengan kumpulan etnik yang lain: 64% daripada ibu bapa masyarakat India Malaysia yakin bahawa anak-anak mereka berada dalam keadaan yang lebih baik daripada diri mereka berbanding dengan 74% ibu bapa masyarakat Bumiputera dan 74% ibu bapa kaum Cina.⁵

Sejak kebelakangan ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menangani isu-isu ini. Julung kali dalam sejarah negara, sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Mengenalpasti dan Memantau Penyertaan Masyarakat India di dalam Program dan Projek-Projek Kerajaan (CCIC) telah ditubuhkan pada 2008 untuk memastikan isu-isu ini mendapat perhatian pada peringkat tertinggi. Usaha ini memperlihatkan pencapaian yang besar berbanding dengan status quo sebelum ini, pendekatan baru diperlukan bagi menyelesaikan isu-isu ketidaksaan dan mobiliti sosial yang telah wujud sejak sekian lama, dan untuk menyatupadukan intervensi yang berkaitan ke dalam aliran utama, supaya memastikan mekanisme penyampaian kerajaan yang tidak berasaskan perkauman dalam jangka masa panjang.

³ Ibid.

⁵ Climbing the Ladder: Socioeconomic Mobility in Malaysia. Khazanah Research Institute, October 2016

⁴ Untuk butiran lanjut, rujuk kepada subseksyen 'Cabaran Ekonomi' dalam bab ini

KONTEKS

Pada tahun 2016, kaum India yang berwarganegara Malaysia berjumlah 1.99 juta atau 7% daripada 31 juta penduduk di Malaysia.⁶ Masyarakat India Malaysia membentuk kumpulan etnik minoriti yang kedua terbesar di Malaysia, selepas masyarakat Cina.



Masyarakat India Malaysia terdiri daripada beberapa subkumpulan yang bertutur bahasa yang berbeza dan menganuti agama yang berbeza yang mencerminkan asal usul tempat mereka. Sebahagian besar mereka merupakan orang Tamil yang berasal dari benua kecil India dan selebihnya terdiri daripada orang Telugu, Malayali, Punjabi, Gujarat, Sindhi, Sinhala, Tamil Sri Lanka dan lain-lain. Majoriti orang Tamil di Malaysia beragama Hindu. Agama lain yang turut dianuti oleh masyarakat India termasuklah Kristian, Islam, Buddha, Sikh dan Jainisme.

Kaum India Malaysia berinteraksi dengan penduduk di Kepulauan Melayu sejak beberapa abad yang lalu melalui perdagangan dan penaklukan. Hubungan tersebut boleh dikesan seawal abad kedua sebelum Masihi, sebagaimana yang tercatat dalam tulisan penulis Cina, dan boleh juga dilihat pada tinggalan arkeologi yang ditemui di tempat-tempat tertentu seperti di Lembah Bujang yang bertarikh abad keempat selepas Masihi.⁷ Pada abad kelima belas selepas Masihi, ramai pedagang India datang ke Melaka untuk berdagang.

Majoriti kaum India Malaysia yang bermastautin pada hari ini di Semenanjung Tanah Melayu adalah keturunan yang berhijrah ke sini pada akhir abad ke-19. Mereka dibawa oleh British ke Semenanjung Tanah Melayu untuk menanam getah dan teh di ladang-ladang.⁸ Walaupun kisah kaum India pada era penjajahan lebih berfokus pada sektor perladangan sebagai kegiatan ekonomi utama kumpulan itu, namun demikian kaum India juga turut terlibat dalam sektor pengangkutan - banyak jalan raya dan landasan kereta api di Semenanjung Malaysia telah dibina oleh kaum India. Selain itu, mereka juga merupakan pegawai kesihatan profesional kelas pertama yang menerima latihan di India dan di United Kingdom, menawarkan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan di hospital-hospital besar, hospital-hospital daerah dan klinik-klinik swasta di seluruh negara. Dalam sektor pentadbiran, kaum India yang berpendidikan Inggeris menyandang pelbagai jawatan kanan dalam sektor perkhidmatan awam di Tanah Melayu.⁹

⁶ Termasuk warganegara bukan Malaysia, cth: pekerja asing. Sumber: Anggaran Penduduk, Jabatan Perangkaan, Malaysia.

⁷ Moorthy, Ravichandran (2016) "Ethnic Indians in Malaysia: History and Issues of Development" in Denison, J & Nathan, KS (Eds.) Contemporary Malaysian Indians, Bangi: KITA, pp. 39-56.

⁸ Ibid.

⁹ Ibid.

Menjelang abad ke-20, masyarakat India Malaysia boleh dikategorikan kepada dua kumpulan yang berbeza. Pertama, kelompok masyarakat yang tahap sosioekonominya jauh lebih rendah dan berada atau tinggal di ladang-ladang atau estet. Kedua, kelompok masyarakat yang tahap sosioekonominya berada antara pertengahan bawah dengan tinggi yang tinggal di pusat-pusat bandar. Sebahagian besar daripada kelompok sosioekonomi yang berada di bahagian rendah ini terus berada dalam kemiskinan. Pergerakan mobiliti sosioekonomi kumpulan ini yang menjadi fokus utama dalam Pelan Tindakan ini.

Semasa pentadbiran British, majoriti yang berada dalam kumpulan sosioekonomi yang lebih rendah ini berkhidmat sebagai buruh kontrak di ladang-ladang dan, mereka “berpuas hati dengan keperluan asas yang disediakan seperti kemudahan perumahan dan utiliti yang percuma... sekolah rendah aliran Tamil... sebuah kuil Hindu di mana aktiviti keagamaan, sosial dan politik diamalkan.”¹⁰ Di samping itu, “tempat tinggal mereka yang berada di ladang-ladang getah menyebabkan mereka tersisih secara semulajadi dari segi geografi dengan kumpulan etnik yang lain.”¹¹ Cara hidup yang terpinggir dengan fikiran yang tidak terbuka ini berterusan untuk beberapa generasi, meskipun British telah lama meninggalkan negara ini. Oleh sebab mereka tidak mahir dalam pekerjaan lain, para buruh di ladang getah ini tidak berupaya untuk membebaskan diri mereka daripada belenggu kemiskinan.¹²



Selepas kemerdekaan, beberapa dasar awam diperkenalkan bagi menyediakan ruang untuk perubahan - “melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan, lebih ramai kaum India Malaysia menerima pendidikan dan menjadi golongan terpelajar dan ini memberi ruang kepada mereka untuk mendapat peluang dari segi ekonomi dan pekerjaan”.¹³ “Malangnya, dasar awam ini tidak tersebar luas menyebabkan ramai yang kekal miskin dan tidak dapat membebaskan diri mereka daripada belenggu kehidupan masa lampau.”¹⁴

Pada tahun 1966, 67.8% daripada tenaga buruh India masih berkhidmat dalam sektor perladangan dan 2.6% dalam sektor perlombongan yang membentuk 70.4% daripada keseluruhan tenaga buruh India.¹⁵ Walau bagaimanapun, kedua-dua sektor ini mengalami perubahan dan penurunan yang drastik. Pembahagian dan penjualan ladang milik warga asing kepada unit-unit kecil telah menyebabkan ramai pekerja India kehilangan pekerjaan. Mereka yang kekal bekerja, menerima upah yang rendah dan keadaan bertambah buruk apabila mereka tidak mendapat kemudahan asas yang baik.¹⁶

Di ladang-ladang getah yang lain, tanaman dipelbagaikan daripada getah kepada kelapa sawit, yang menyebabkan keperluan tenaga buruh yang lebih rendah dan ini bermakna lebih ramai pekerja kehilangan pekerjaan. Baki pekerjaan yang sedia ada diberikan kepada buruh Indonesia yang dibayar dengan upah yang rendah.¹⁷ Pertukaran ladang-ladang getah kepada ladang-ladang kelapa sawit menjadi lebih pesat pada tahun 1980-an dan 1990-an apabila industrialisasi dan kemajuan dalam pembangunan negara yang menyebabkan perubahan ladang-ladang kepada kawasan perindustrian dan bandar-bandar baharu.¹⁸

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid.

¹³ Ibid.

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Marimuthu, T (2016) “The Malaysian Indian Community: Continuing Concerns” in Denison, J & Nathan, KS (Eds.) *Contemporary Malaysian Indians*, Bangi: Institute of Ethnic Studies UKM, pp. 95-107.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid.



Penghijrahan secara besar-besaran pekerja India dari ladang –ladang getah dianggarkan dalam jumlah ratusan dan ribuan, kesan daripada pembangunan telah meninggalkan kesan trauma, kerana “mereka bukan sahaja kehilangan pekerjaan tetapi juga tempat tinggal, kemudahan asas, kemudahan sosiobudaya dan sokongan daripada masyarakat.”¹⁹

Kaum India Malaysia yang dipaksa keluar telah berhijrah ke pekan-pekan dan bandar-bandar utama. Walau bagaimanapun, mereka tidak dapat mencari pekerjaan yang sesuai sebab kurang mahir dan tidak mempunyai kelayakan. Masalah tersebut bertambah buruk dengan kehidupan yang terpencil pada masa lalu, jahilan, buta huruf dan kesukaran untuk mendapatkan kad pengenalan biru, kerana masih ramai lagi yang tidak memohon untuk kad pengenalan biru²⁰ yang diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan.²¹ Akibatnya, ramai yang menjadi buruh kasar.

Kos sara hidup yang tinggi di bandar-bandar besar memaksa mereka untuk mendirikan rumah-rumah setinggan di pinggir-pinggir bandar. Selepas beberapa tahun, mereka ditempatkan semula di rumah pangsa murah yang menyebabkan wujudnya kelas bawahan di bandar-bandar besar.²² Akibat daripada terpinggir, tidak berpendidikan, dan terabai, penduduk di kawasan ini terdedah kepada pelbagai masalah sosial seperti keluarga berpecah belah, keadaan perumahan yang buruk, pengangguran, keganasan, gejala gangsterisme, hidup bergelandangan dan penyalahgunaan dadah.²³ Oleh sebab kurangnya sokongan daripada masyarakat, remaja India Malaysia dari kawasan ini dilaporkan terlibat dalam kegiatan maksiat dan jenayah.²⁴

Sebenarnya, terdapat dua bentuk kemunduran dalam kalangan kaum India Malaysia. Pertama, sindrom kelas bawahan di bandar yang secara relatifnya disebabkan oleh penghijrahan dari kawasan ladang dan yang kedua, anggota masyarakat India yang masih menetap di luar bandar, dan masih terlibat dalam kerja-kerja perladangan atau aktiviti-aktiviti pertanian utama yang lain. Meskipun tiada penyelesaian yang segera dan mudah bagi permasalahan yang dihadapi oleh kaum India Malaysia dalam kategori sosioekonomi yang lebih rendah, masanya telah tiba untuk mengkaji semula keadaan kumpulan ini serta cabaran yang dihadapi oleh mereka.

19 Nagarajan, S (2009) “Marginalisation and Ethnic Relations: The Indian Malaysian Experience” in Lim, TG; Gomes, A & Rahman, A (Eds.) *Multiethnic Malaysia: Past, Present and Future*, Petaling Jaya: SIRDC.

20 Moorthy, op. cit.

21 Marimuthu, T, op. cit.

22 Ibid.

23 Ibid.

24 Moorthy, op. cit.

CABARAN SEMASA

Cabaran yang dihadapi oleh masyarakat India Malaysia, terutama bagi mereka yang berada dalam kategori bawah 40% (B40), bersifat multidimensi dan saling berkaitan. Untuk memudahkan pemahaman, mereka dikategorikan kepada tiga dimensi utama, iaitu cabaran ekonomi yang merangkumi pendapatan dan kekayaan, cabaran dalam pendidikan, bermula dari peringkat rendah ke peringkat pendidikan yang tinggi, dan cabaran sosial yang merangkumi isu-isu utama yang dihadapi oleh masyarakat India di negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Cabaran Ekonomi



Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, secara keseluruhan pendapatan isi rumah kaum India Malaysia adalah setanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia. Walau bagaimanapun, agihan pendapatan tertumpu kepada kaum India yang berada dalam lingkungan 20% teratas (T20) dan 40% pertengahan (M40) bagi segmen pendapatan Malaysia. Kaum India dalam kedua-dua segmen pendapatan ini memperoleh kira-kira 83% daripada keseluruhan jumlah pendapatan yang diperoleh oleh etnik itu.²⁵ Baki 17% daripada keseluruhan jumlah pendapatan diperoleh oleh kaum India dalam segmen pendapatan B40.²⁶

Seawal tahun 2012, ketidaksamaan pendapatan dalam kalangan masyarakat India Malaysia agak tinggi – pada tahun tersebut pekali Gini²⁷ bagi kaum India mencapai 0.44 manakala kadar perbezaan pendapatan dalam kalangan masyarakat Bumiputera dan Cina berjumlah 0.42.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan statistik pendapatan isi rumah terkini yang dikeluarkan pada tahun 2014, ketidaksamaan dari segi pendapatan dalam kalangan masyarakat India Malaysia telah berkurangan dan kini setanding dengan masyarakat Bumiputera, iaitu pada 0.39 manakala kadar ketidaksamaan pendapatan dalam kalangan etnik Cina adalah yang tertinggi, iaitu 0.41²⁸ (hal ini mungkin disebabkan oleh pembayaran Bantuan Rakyat Malaysia atau BR1M dan bukan disebabkan oleh peningkatan dalam struktur, gaji atau pendapatan yang lain).²⁹

Terdapat kira-kira 227,600 isi rumah kaum India Malaysia dalam segmen pendapatan B40 ("IB40") dengan purata pendapatan bulanan berjumlah RM2,672.³⁰

²⁵ Data diperoleh daripada Laporan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014 yang diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Wahid Omar, dalam jawapan bertulis kepada Ahli Parlimen Ampang MP Zuraida Kamaruddin. Sebagaimana dilaporkan dalam "Bumis majority of top earners - but disparity widest, too" (2015, November 26) Malaysiakini. Diakses di: <https://www.malaysiakini.com/news/321081>

²⁶ The Economic Report 2015/2016 indicates the following as the minimum and maximum ranges for Malaysia's income segments: Bottom 40% earn below RM3,855; Middle 40% earn between RM3,855 and RM8,319; and Top 20% earn above RM8,319

²⁷ Pekali Gini ialah indeks daripada 0 hingga 1 untuk mengukur ketidaksamaan pendapatan: lebih tinggi jumlahnya maka lebih tinggi atau lebih besar kadar ketidaksamaanya


²⁸ Kajian Pendapatan Isi Rumah 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia.

²⁹ International studies such as Joumard I, Pisu M, Bloch D (2012), Tackling Income Inequality: The role of taxes and transfers, OECD Journal and the Malaysia Economic Report 2016/2017 have noted that cash transfers (BR1M) has its impact in reducing income inequality as well as partly contributing to the reduction in the share of households in the low-income group.



³⁰ Kajian Pendapatan Isi Rumah 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia

SEGMENT PENDAPATAN MALAYSIA: SEPINTAS LALU



SEGMENT PENDAPATAN BERASASKAN ETNIK




Min Pendapatan
Bulanan Berasaskan
Kumpulan-Kumpulan
Etnik Utama dalam T20



Min Pendapatan
Bulanan Berasaskan
Kumpulan-Kumpulan
Etnik Utama dalam M40



Min Pendapatan
Bulanan Berasaskan
Kumpulan-Kumpulan
Etnik Utama dalam B40





Kira-kira 57,624 atau 10% daripada isi rumah kaum India Malaysia berpendapatan di bawah RM2,000 sebulan, 71,148 atau 12% daripada isi rumah kaum India Malaysia memperoleh pendapatan antara RM2,000 dengan RM3,000 sebulan dan 112,896 atau 19% daripada semua isi rumah kaum India memperoleh antara RM3,000 dengan RM4,000 sebulan.³¹ Dianggarkan 3,528 atau 0.6% daripada isi rumah kaum India Malaysia diklasifikasikan di bawah paras kemiskinan.³²

Kini, 89% daripada masyarakat India Malaysia tinggal di kawasan bandar, manakala hanya 11% masih berada di luar bandar.³³ Tumpuan masyarakat India Malaysia di kawasan bandar membuktikan bahawa pendapatan yang rendah dan kemiskinan menyumbang kepada masalah ini.

Namun demikian, “tiada kajian terperinci tentang masalah kemiskinan di kawasan bandar secara umum dan tentang masyarakat India kelas bawahan di bandar secara khusus. Masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang telah mendapat perhatian daripada ahli akademik dan penyelidik berbanding dengan masyarakat kelas bawahan di bandar.³⁴ “Dengan perkataan lain, wujud keperluan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat India yang miskin di bandar dan melaksanakan dasar atau program untuk menangani masalah mereka.

³¹ Ibid.


³² Ibid.

³³ Banci Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia.

³⁴ Marimuthu, op. cit.

MASYARAKAT INDIA B40, SEKILAS PANDANG


ISI RUMAH MASYARAKAT INDIA BERASASKAN SEGMENT PENDAPATAN



BILANGAN ISI RUMAH DALAM IB40

227,600

JULAT PENDAPATAN IB40



Nota: Had pendapatan tinggi bagi B40 ialah RM3,579

KATEGORI PEKERJAAN UTAMA



**OPERATOR KILANG
DAN MESIN**



**PEMASANG
PENGELUARAN**



**PEKERJA-PEKERJA
PERKHIDMATAN & JUALAN**

Sumber : Kajian Pendapatan Isi Rumah 2014 (angka di atas diambil daripada Kajian Pendapatan Isi Rumah 2012)

Seperti yang dijangka, tahap pendidikan dan latihan kemahiran yang rendah merupakan faktor utama bagi pendapatan mereka yang rendah. Dalam kalangan masyarakat India Malaysia yang bekerja, 50% daripada mereka berpendapatan rendah dan bekerja sebagai pekerja jualan dalam sektor perkhidmatan (17.4%), sebagai pengendali kilang/ mesin serta operator pengeluaran (22.5%) dan kakitangan bawahan mencatat (10.2%) dalam sektor pembuatan, sektor pengangkutan, pemborong dan perniagaan runcit.³⁵ Pekerja-pekerja ini menghadapi ancaman dan persaingan berganda dari segi lebih pekerja – ramai yang perlu bersaing dengan pekerja asing untuk mendapat pekerjaan manakala yang lain masih berada dalam pekerjaan “lama”. Hal ini bermaksud, pekerja-pekerja ini akan digantikan dengan sistem yang berintensifkan pengetahuan, proses, dan teknologi pada tahun-tahun yang akan datang.³⁶

Dari sudut yang lain, pengangguran dalam kalangan masyarakat India Malaysia agak tinggi. Purata kadar pengangguran bagi lelaki India berada pada kadar 4.0% berbanding dengan 2.9% untuk kaum lelaki di Malaysia secara keseluruhan. Purata kadar pengangguran bagi kaum wanita India pula berada pada kadar 5.2% berbanding dengan hanya 3.2% bagi kaum wanita di Malaysia secara keseluruhan.³⁷

³⁵ Laporan Kajian Tenaga Buruh, 2014

³⁶ Professor Mahendhiran Nair (2014) “Equitable & Inclusive Economic Development: The Current State of Socioeconomic Development of Malaysian Indians”

³⁷ Lin, Mui Kiang (2016) “Millennium Development Goals & The Indian Community: Focus On The Bottom 40 Percent” in Denison, J & Nathan, KS (Eds.) Contemporary Malaysian Indians, Bangi: Institute of Ethnic Studies UKM, pp. 239-262.



Pengangguran dalam kalangan belia India Malaysia amat membimbangkan. Dalam kalangan belia Malaysia yang menganggur, belia India menyumbang sebanyak 10% dalam lingkungan umur 15-19, dan 9% dalam lingkungan umur 20-24.³⁸ Catatan statistik yang agak tinggi bukan sahaja membuktikan bahawa kadar keciciran tinggi di sekolah tetapi juga mendedahkan senario yang membimbangkan seperti penglibatan mereka dalam gejala gangsterisme, jenayah dan tiada pengintegrasian dengan masyarakat di peringkat arus perdana Malaysia.

Selain pekerjaan, pendapatan yang rendah juga mencerminkan tahap keusahawanan yang rendah dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Daripada semua individu yang bekerja, dianggarkan 14.3% kaum India merupakan usahawan berbanding dengan 22.4% masyarakat Bumiputera dan 23.2% kaum Cina.³⁹ Kebanyakan syarikat yang diusahakan oleh mereka agak kecil. Sepanjang tempoh 2005-2013, 37,896 syarikat India Malaysia dianggap sebagai 'aktif' oleh Pendaftaran Pertubuhan Syarikat, 91% daripada mereka menguruskan perniagaan dalam skala yang kecil atau mikro.⁴⁰ Syarikat India Malaysia berskala besar yang memiliki saham dan tersenarai adalah sekitar 1.5% -1.6% pada dekad yang lalu. Jumlah ini menunjukkan masyarakat India jauh ketinggalan di belakang berbanding dengan kumpulan etnik yang lain dengan margin yang besar. Pemilikan saham dalam syarikat-syarikat, terhad kepada beberapa orang individu elit kaum India Malaysia dalam bidang perniagaan.⁴¹

Dari segi kekayaan dan pemilikan aset, pada tahun 2010, hanya 56% daripada isi rumah kaum India Malaysia yang memiliki tempat kediaman.⁴² Angka ini jauh lebih rendah berbanding dengan kadar pemilikan rumah dalam kalangan masyarakat Bumiputera, iaitu sebanyak 62% dan 61% masyarakat Cina. Bagi kumpulan B40, pada tahun 2007, kaum Cina mencatat kadar tertinggi pemilikan rumah, iaitu pada kadar 12%, berbanding dengan masyarakat Bumiputera yang hanya mencatat sebanyak 7% dan kaum India pula hanya 3%.⁴³

Untuk meningkatkan pendapatan dan kekayaan, golongan pekerja dan usahawan dalam kalangan kaum India Malaysia perlu ditingkatkan, khususnya mereka yang berada dalam kategori IB40. Beberapa program telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memenuhi keperluan bagi mereka yang berada dalam kategori B40; sehubungan dengan itu, Pelan Tindakan ini bertujuan untuk memastikan agar masyarakat India Malaysia terbela dalam inisiatif tersebut.

38 Kadar Pekerjaan Berdasarkan Etnik Dan Kumpulan Umur 2015 oleh Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

39 Laporan Kajian Tenaga Buruh, 2014

40 Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), 2009 - 2013

41 Malaysian Indian Economic Development Report For RMK-11 by SEED Steering Committee.

42 Kajian Ciri-Ciri Isi Rumah, Jabatan Perangkaan Malaysia 2010

43 Muhammed Abdul Khalid, PhD, UKM, (2011) "NEP to NEM: Who Cares? Wealth Distribution in Malaysia"

Cabaran Pendidikan



Pendidikan dan latihan kemahiran yang baik membentuk kecekapan bernilai tinggi, asas bagi mobiliti sosial. Dengan mengecualikan kanak-kanak yang menghadapi isu-isu dokumentasi, pada hari ini, Malaysia boleh dikatakan telah mencapai had dividen mobiliti sosial melalui peningkatan akses kepada pendidikan. Hal ini dikatakan demikian apabila kita mengambil kira pendaftaran murid-murid di sekolah rendah, yang hampir sama di seluruh negara. Sebagaimana yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, tumpuan kini adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan seterusnya pencapaian mereka dalam bidang pendidikan.

Bagi masyarakat India Malaysia secara umum dan kanak-kanak India secara khusus, cabaran utama adalah dalam pencapaian pendidikan rendah. Remaja India Malaysia menunjukkan contoh yang ketara, iaitu 9% daripada kaum India dalam kumpulan umur 20-24 memiliki pencapaian pendidikan rendah (hanya sehingga peringkat sekolah menengah rendah), berbanding dengan 6% masyarakat Melayu dan 5% daripada masyarakat Cina. Begitu juga, bagi golongan belia yang berumur antara 25-29 tahun 13% daripada kaum India dalam kumpulan umur ini memiliki pencapaian pendidikan rendah (iaitu hanya sehingga peringkat sekolah menengah rendah), berbanding dengan 9% masyarakat Melayu dan 7% masyarakat Cina.⁴⁴

Hakikatnya, cabaran ini bermula pada peringkat awal pembangunan pendidikan. Beberapa kajian telah membuktikan bahawa pendidikan awal memainkan peranan dalam menentukan kejayaan dalam tahap seterusnya.⁴⁵ Walau bagaimanapun, hanya kira-kira 55% daripada kanak-kanak India Malaysia yang berumur antara 5 hingga 6 tahun yang menghadiri prasekolah,⁴⁶ iaitu suatu jurang yang agak ketara berbanding dengan sasaran pendaftaran prasekolah sejagat pada tahun 2020.⁴⁷ Bagi kanak-kanak yang berada dalam kategori IB40 khususnya, mereka tidak menerima pendidikan awal dan ini bermakna mereka bakal menghadapi halangan apabila berada di Sekolah Kebangsaan akibat masalah penguasaan bahasa.⁴⁸



Walaupun bagaimanapun, bagi majoriti kecil kanak-kanak India Malaysia, masalah atau penguasaan dalam bahasa mungkin akan berpanjangan untuk beberapa tahun. Pada tahun 2011, 56% daripada kanak-kanak India telah mendaftar di Sekolah Rendah Tamil ("SJKT") manakala 38% telah mendaftar di Sekolah Rendah Kebangsaan ("SRK") dan 6% di sekolah rendah aliran Mandarin ("SJKC").⁴⁹

⁴⁴ Ciri-ciri Pendidikan dan Sosial berdasarkan populasi (2010) Jabatan Perangkaan Malaysia

⁴⁵ Bennett, J (2008) Early Childhood Services in the OECD Countries: Review of the literature and current policy in the early childhood field: UNICEF Innocenti Research Centre and Duncan, JG, Magnuson, K (2013) Investing in Preschool Programs: Journal of Economic Perspectives Vol.27 No.2 pp. 109-132 (24)

⁴⁶ Pelan Tindakan Sekolah-Sekolah Tamil (PTST) 2014

⁴⁷ Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

⁴⁸ Temubual bersama Prof. Datuk Dr. NS Rajendran (PTST & SEDIC)

⁴⁹ Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025



Keadaan daif di sekolah SJKT telah menjadi isu sejak sekian lama. Hal ini telah mendorong Kerajaan untuk memperuntukkan sebanyak RM800 juta antara tahun 2009-2016 untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan di SJKT.⁵⁰ Pada tahun 2012, kerajaan telah menubuhkan satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tujuannya adalah untuk melihat hasil yang nyata daripada peruntukan yang diberikan, terutama sekali di sekolah bantuan kerajaan.⁵¹ Kini, keadaan di kebanyakan SJKT telah bertambah baik dan ini menyebabkan populariti sekolah ini meningkat dalam kalangan masyarakat India Malaysia, meskipun beberapa buah sekolah masih memerlukan perhatian daripada kerajaan.

Walaupun ada penambahbaikan, namun demikian murid-murid di SJKT secara umumnya akan menghadapi masalah dari segi bahasa dan untuk menyesuaikan diri apabila mereka masuk ke sekolah menengah kebangsaan. Hal ini demikian kerana Bahasa Malaysia merupakan bahasa pengantar dan bahasa yang digunakan oleh majoriti warga sekolah. Murid-murid di SJKT yang telah gagal dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam peperiksaan UPSR akan dihantar ke kelas peralihan' pada tahun pertama mereka berada di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, kelas peralihan ini menyumbang kepada lebih banyak kesan negatif berbanding dengan kesan positif.⁵²

Melihat kepada pencapaian dalam bidang pendidikan secara keseluruhan, Pelan Tindakan ini mendapati bahawa prestasi pelajar India Malaysia adalah jauh lebih rendah daripada prestasi pada purata kebangsaan. Pada tahun 2015, hanya 54% daripada pelajar India yang lulus dalam semua mata pelajaran dalam peperiksaan UPSR berbanding dengan jumlah 66% kelulusan pada peringkat kebangsaan. Seterusnya, hanya 44% pelajar India yang lulus dalam semua mata pelajaran dalam peperiksaan SPM berbanding dengan 55% pada peringkat kebangsaan.⁵³ Terdapat kemungkinan yang besar bahawa peratus lulus yang rendah diperoleh oleh kanak-kanak dan belia yang berada dalam kategori IB40.



Sejajar dengan itu, pelajar India Malaysia juga mencatat peratus keciciran yang tinggi. Adalah dianggarkan bahawa murid-murid India menyumbang sebanyak 13% atau kira-kira 1,000 orang daripada jumlah keciciran secara keseluruhan di sekolah rendah.⁵⁴ Bagi sekolah menengah, kadar tersebut lebih seimbang, iaitu pada kadar 8% atau sekitar 4,300 orang pelajar,⁵⁵ meskipun usaha yang serius telah dilaksanakan untuk mengurangkan jumlah keciciran ini. Hal ini penting bagi mengelakkan mereka daripada terus melibatkan diri secara serius dalam gejala gangsterisme dan jenayah seumur hidup.

50 Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini tidak melibatkan peningkatan perbelanjaan operasi bagi gaji kakitangan pengajar

51 Sekolah bantuan Kerajaan merupakan sekolah-sekolah yang dibangunkan dan dikendalikan oleh pihak berkepentingan bukan kerajaan tetapi disokong separa oleh dana kerajaan. Sekolah kerajaan dibangunkan dan dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia

52 Nagappan, R; Maniam, M; Periasamy, S; Rao, R; Devarajoo, K & Velu, J (2012) Exploring Remove Classes in Malaysia: A Study to Evaluate Their Effectiveness

53 Kementerian Pendidikan Malaysia

54 Statistik Pendaftaran Kanak-Kanak India dalam Sekolah-Sekolah yang Berdaftar dengan Kementerian Pendidikan 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia

55 Ibid



Berdasarkan situasi tersebut, adalah tidak menghairankan jika bilangan masyarakat India Malaysia yang mendaftar di institusi-institusi pengajian tinggi adalah amat rendah. Secara perbandingan, hanya 4.5% masyarakat India yang memohon ke institusi pengajian tinggi awam daripada keseluruhan jumlah permohonan ke institusi pengajian tinggi awam manakala 74% terdiri daripada masyarakat Bumiputera dan sejumlah 13% terdiri daripada pemohon berbangsa Cina.⁵⁶ Tambahan pula, graduan berbangsa India kurang diterima berbanding dengan graduan Melayu dan Cina. Hal ini demikian kerana kelemahan mereka dalam aspek bahasa, kemahiran teknikal, kemahiran komputer serta kemahiran insaniah.⁵⁷

Tahap pencapaian pendidikan masyarakat India Malaysia telah meningkat secara berperingkat-peringkat. Namun demikian, jurang yang ada kini jika dibandingkan dengan kumpulan etnik yang lain masih tinggi. Sekiranya pencapaian pendidikan tidak dititikberatkan dalam kalangan golongan B40, maka akan wujud jurang pendapatan yang lebih luas dalam kalangan masyarakat India. Maka golongan berpendapatan sederhana dan tinggi akan terus maju manakala golongan B40 akan terus berada dalam takuk yang sama. Merapatkan jurang pencapaian pendidikan dengan meningkatkan prestasi pendidikan golongan B40 merupakan sasaran utama dalam Pelan Tindakan ini.

⁵⁶ Instituti-institusi pendidikan tinggi awam juga dirujuk sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

⁵⁷ Ismail, Noor Azina (2011) "Graduates' Characteristics and Unemployment: A Study Among Malaysian Graduates", *International Journal of Business and Social Science*, Vol. 2 No. 16, p. 94.

Cabaran Sosial



Masyarakat India Malaysia menghadapi banyak cabaran sosial akibat daripada tiga faktor utama yang saling berkait. Faktor pertama ialah sejarah penghijrahan kaum India ke Tanah Melayu sebelum merdeka, sebagai pekerja ladang. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, masyarakat India yang tinggal di ladang hidup secara terpinggir dan terpisah dengan masyarakat luar. Pengasingan ini disebabkan mereka tidak mempunyai sijil atau dokumen kewarganegaraan. Keadaan ini telah berterusan untuk beberapa generasi sehingga menjadikan keluarga tersebut seolah-olah tidak 'stateless'. Meskipun majoriti imigran India telah didaftarkan sebagai rakyat Malaysia selepas kemerdekaan, namun demikian masih terdapat beberapa segmen yang masih tidak memperolehi kewarganegaraan dan tidak direkodkan disebabkan oleh kejahilan, buta huruf dan cabaran-cabaran lain yang wujud dalam bentuk prosedur

Kini, dianggarkan kira-kira 25,000 kaum India mempunyai masalah dokumentasi dan kewarganegaraan.⁵⁸

Implikasi ini amat serius khususnya bagi kanak-kanak dan remaja kerana sebagai individu yang bukan warganegara mereka secara rasmi 'tidak boleh mendapat kemudahan dari segi kebajikan, pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Selain itu, ia amat mencabar juga bagi seseorang yang tidak memiliki kerakyatan untuk mendapat pekerjaan yang formal atau lesen perniagaan. Justeru, kitaran kemiskinan akan berkekalan.

Cabaran lain secara langsung berpunca daripada sejarah penghijrahan penempatan semula pekerja ladang yang telah dipindahkan dan/atau yang telah menjadi tua. Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, penjualan dan pertukaran estet kepada kawasan perumahan atau perindustrian, beberapa dekad yang lalu, memaksa ribuan pekerja ladang yang telah diberhentikan untuk berpindah ke kawasan setinggan di bandar atau ke rumah-rumah panjang untuk sementara waktu.⁵⁹ Meskipun jumlah tersebut telah menurun disebabkan oleh kemasukan pekerja asing, namun demikian pada masa kini masih terdapat kira-kira 36% pekerja ladang, iaitu sekitar 16,000 isi rumah yang merupakan kaum India.⁶⁰ Dengan mengambil kira pembangunan semula, keluarga tersebut pada hakikatnya menghadapi risiko untuk dipindahkan dari tempat kediaman mereka, sama ada dalam jangka masa pendek atau jangka masa panjang, melainkan jika terdapat pakej penempatan semula yang terancang, dirunding dan disediakan.⁶¹ Pekerja ladang yang semakin tua juga menghadapi risiko jika dipindahkan, meskipun ladang tersebut terus diusahakan.



⁵⁸ Berasaskan latihan pemetaan dan pengenalanpastian oleh 'Development of Human Resources for Rural Areas' (DHRRA) sebuah NGO, seorang individu yang tidak bernegara, tidak memiliki dokumentasi kewarganegaraan; seseorang yang mempunyai permasalahan berkaitan dengan dokumentasi memiliki dokumen pengenalan sementara (Kad pengenalan merah). Walaubagaimanapun, ia menghadapi masalah untuk membuktikan kewarganegaraanya dan untuk mendapatkan dokumen pengenalan yang kekal

⁵⁹ Berikut perhatian yang diberikan oleh masyarakat awam, terdapat peningkatan usaha sejak beberapa tahun kebelakangan ini oleh syarikat-syarikat perladangan dan kerajaan-kerajaan negeri untuk menempatkan semula pekerja ladang di perumahan kos rendah yang baru. Perkara ini lazimnya melibatkan proses perundingan yang berlanjutan dengan pelbagai pihak pemegang taruh dan kejayaan yang dicapai sepenuhnya menurut sesuatu kes

⁶⁰ Bilangan Pekerja Ladang Berasaskan Etnik (2015), Jabatan Tenaga Kerja

⁶¹ Terdapat juga masyarakat India yang masih tinggal di kawasan setinggan dan rumah panjang sementara. Penempatan semula mereka ini tidak diurus sejak berdekad. Jumlah atau bilangan sebenar tidak diketahui tetapi pekerja lapangan percaya bahawa jumlahnya menyusut disebabkan dasar "setinggan sifar" oleh Kerajaan

Faktor kedua ialah tekanan daripada masyarakat moden. Tekanan ini digiatkan lagi oleh status sosioekonomi yang memberi cabaran kepada unit sosial yang paling asas, iaitu keluarga. Dianggarkan bahawa lebih daripada 100,000 masyarakat India di Malaysia berada dalam keluarga yang bermasalah, iaitu keluarga yang menghadapi isu-isu keganasan rumah tangga, perceraian dan keruntuhan perkahwinan, penyalahgunaan alkohol atau dadah, kegiatan jenayah dan bunuh diri.⁶² Pada tahun 2014, keluarga India mencatat sebanyak 21% daripada keseluruhan jumlah kes keganasan rumahtangga yang dilaporkan. Pada tahun yang sama, sejumlah 518 orang kanak-kanak India atau 12% daripada semua kes yang dilaporkan diklasifikasikan sebagai kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan.⁶³ Statistik ini menunjukkan permasalahan umum bagi sesebuah keluarga yang tidak lagi berfungsi atau pincang dan terputus daripada ikatan kekeluargaan.



Cabaran bagi sesebuah keluarga yang pincang mewujudkan satu lagi masalah sosial yang ketara bagi masyarakat India Malaysia, iaitu golongan belia yang berada dalam risiko jenayah. Ketiadaan sokongan daripada institusi kekeluargaan yang lemah mewujudkan ketidakstabilan dalam kehidupan kanak-kanak dan ini merupakan sebab utama yang menyebabkan kesan buruk dalam usia muda mereka. Dianggarkan bahawa 70% daripada kumpulan samseng di negara ini merupakan kaum India.⁶⁴ Walaupun sesetengah daripada mereka meninggalkan kumpulan gangsterisme selepas tamat zaman persekolahan, pakar-pakar dalam bidang lapangan berpendapat bahawa sebilangan besar daripada mereka, terutama sekali mereka yang datang dari keluarga yang kurang bernasib baik dan berpecah belah, akan terus terlibat dengan kumpulan-kumpulan samseng dan melakukan jenayah yang lebih serius.⁶⁵ Menurut statistik yang dikeluarkan oleh PDRM pada tahun 2014, tangkapan berkaitan dengan jenayah adalah yang tertinggi dalam kalangan kaum India Malaysia iaitu sebanyak (31%) untuk populasi sebanyak 7%, berbanding dengan kaum Melayu (51%) dan kaum Cina sebanyak (11%).⁶⁶

Faktor ketiga ialah menjadi kumpulan minoriti di negara yang majoriti penduduknya ialah Melayu Muslim. Meskipun Malaysia sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik yang hidup dalam harmoni, namun demikian situasi tersebut memberi cabaran kepada masyarakat minoriti. Salah satu cabaran adalah yang berkaitan dengan agama dan kebudayaan. Penggunaan dewan oleh penganut agama Hindu untuk tujuan upacara keagamaan sering ditentang atau dihalang dan ini menimbulkan perasaan seolah-oleh mereka dipinggirkan atau terasing.

Pembinaan kuil dan tempat-tempat suci, terutama sekali yang tidak didaftarkan, boleh mewujudkan konflik apabila tanah itu akhirnya dituntut untuk tujuan penempatan atau pembangunan. Perobohan dan penempatan semula kuil besar boleh menimbulkan ketegangan atau kemarahan jika tidak ditangani dengan baik. Masyarakat India Malaysia mempunyai kuasa untuk memastikan agar hak-hak agama mereka terpelihara dan pada masa yang sama berusaha memenuhi keperluan dan sensitiviti kumpulan majoriti. Pada masa yang sama, institusi agama seperti kuil perlu meningkatkan sumbangan mereka kepada masyarakat India dalam beberapa bidang seperti pendidikan, nilai-nilai murni dan kebajikan.

Akhir sekali, walaupun wujudnya perasaan bangga sebagai masyarakat India di negara ini, namun demikian, penglibatan dalam jenayah, gangsterisme, penyalahgunaan alkohol, keganasan, taraf pendidikan yang rendah dan kemiskinan – telah mewujudkan tanggapan yang negatif terhadap keseluruhan imej masyarakat berkenaan. Selain berasa tersisih, tanggapan stereotaip terhadap kaum India Malaysia dalam banyak keadaan boleh mengurangkan peluang mereka dalam kehidupan, sebagai contoh melalui diskriminasi yang berlaku di sekolah dan dalam sektor pekerjaan. Tanggapan yang stereotaip juga boleh menyebabkan masyarakat India mempercayai dan menerima segala tompahan negatif terhadap diri mereka. Pelan Tindakan ini bertujuan menangani isu-isu ini dengan melaksanakan pelbagai inisiatif yang digariskan dalam bab-bab yang berkaitan selepas ini.

⁶² Tenth Malaysia Plan Recommendations: Malaysian Indians & The New Economic Model, Institute of Ethnic Studies (KITA), University Kebangsaan Malaysia (UKM)

⁶³ Laporan Statistik 2014, Department of Social Welfare Malaysia

⁶⁴ Sumber daripada pengarah CID Bukit Aman, sepertimana yang dilaporkan dalam "Indian gangs originated from Chinese triads" (2013, August 27) The Sun Daily. Diakses di: <http://www.thesundaily.my/news/808352>

⁶⁵ Temu bual bersama PDRM

⁶⁶ Jenayah yang melibatkan pembunuhan, cubaan membunuh, rogol, sumbang mahram, rompakan bersenjata. Nota: Etnik lain merangkumi 7% daripada baki tangkapan jenayah

Nilai Pelan Tindakan

Jika dibiarkan tanpa dipantau, cabaran-cabaran ekonomi, pendidikan, dan sosial yang telah dinyatakan akan mengukuhkan lagi kewujudan subkelas masyarakat India yang terus terpinggir dan terkecuali daripada arus perdana Malaysia. Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan berlakunya pembaziran dari sudut keupayaan manusia, tetapi turut melibatkan kos dari segi ekonomi dan akan menimbulkan ancaman terhadap keharmonian antara pelbagai etnik dalam negara.



Sejak tahun 2008 lagi, kerajaan secara beransur-ansur telah mengambil langkah-langkah untuk menangani beberapa cabaran utama ini. Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Mengenalpasti dan Memantau Penyertaan Masyarakat India di dalam Program dan Projek-Projek Kerajaan (CCIC) telah ditubuhkan selain dari mewujudkan empat unit khas di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menangani bidang fokus tertentu. Unit-unit ini ialah Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan (SITF) yang telah memainkan peranan penting dalam menyelesaikan sejumlah besar kes kewarganegaraan dan dokumentasi; Unit Pelan Tindakan Masa Hadapan Sekolah Tamil (PTST) yang ditugaskan untuk menyediakan pelan tindakan yang menyeluruh untuk pembangunan total dan mampan Sekolah-Sekolah Tamil di Malaysia; Sekretariat Khas untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED) yang menyediakan perkhidmatan sokongan kepada usahawan dan peniaga kaum India; dan akhirnya Unit Khas Program Pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat India (SEDIC) yang membiayai pelbagai program intervensi pembangunan sosial, ekonomi dan kebudayaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan menyedari bahawa banyak yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan status sosioekonomi masyarakat India Malaysia, terutama sekali yang berada dalam kategori IB40. Bagi mencapai matlamat tersebut, Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia merupakan pendekatan yang lebih menyeluruh dan bersifat multi dimensi yang dirangka oleh kerajaan untuk menangani isu-isu yang berkaitan serta merapatkan jurang antara masyarakat India Malaysia dengan kumpulan etnik yang lain.

Pelan tindakan ini berpandukan prinsip-prinsip yang berikut:

Untuk menangani kelemahan semasa serta mobiliti sosial merentasi generasi.

Memastikan usaha meningkatkan penyertaan kaum India dalam dasar kerajaan, program dan inisiatif secara ketara, di samping memperkenalkan inisiatif baru mengikut keperluan dan berkesan.

Memastikan usaha diambil untuk merapatkan jurang antara masyarakat India Malaysia dengan purata nasional dijadikan saluran utama dalam sasaran semua kementerian serta agensi kerajaan yang berkaitan dalam jangka masa panjang ; dan

Berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan yang berterusan dalam penyampaian perkhidmatan awam berpaksikan rakyat yang berkesan , iaitu dengan membangunkan pangkalan ilmu berlandaskan data melaksanakan inisiatif berinovatif dan berkesan dan meningkatkan amalan terbaik dalam kaedah penyampaian.

Struktur Pelan Tindakan

Pelan Tindakan ini bertujuan mencapai hasil-hasil yang berikut bagi masyarakat India di Malaysia:

- Peningkatan pendapatan dan tahap kekayaan yang lebih baik, dari segi nilai sebenar dan relatif, terutamanya dalam kalangan IB40
- Peningkatan pendidikan yang lebih ketara tanpa jurang antara kumpulan etnik yang ketara.
- Peningkatan kesedaran penyertaan dalam fabrik sosial berkaitan dengan rangkuman atau keterlibatan sepenuhnya dalam asas sosial Malaysia dalam kalangan masyarakat India Malaysia.

Untuk mencapai matlamat yang telah dinyatakan, Pelan Tindakan ini merangka pendekatan, pemikiran, dan inisiatif berasaskan empat tonggak utama:



A Memenuhi Keperluan Asas

Dalam usaha untuk melibatkan diri secara bermakna dalam ekonomi dan masyarakat, keperluan asas mesti dipenuhi dahulu. Tonggak ini merangkumi pembinaan kehidupan moden, termasuklah dengan memastikan akses kepada bantuan kebajikan bagi golongan yang terdedah kepada cabaran. Demikian juga dengan memastikan tempat tinggal dan perumahan disediakan terutama bagi mereka yang berisiko seperti pekerja ladang yang telah berusia selain membantu keluarga mengekalkan persekitaran rumah yang sihat dan stabil

'Memenuhi Keperluan Asas' dibincangkan dalam Bab 2 Pelan Tindakan ini.



B Merealisasikan Potensi Setiap Kanak-kanak

Pendidikan dan latihan kemahiran kekal sebagai kaedah yang paling berkesan untuk bebas daripada belunggu kemiskinan dan membentuk kehidupan yang lebih baik. Tonggak ini merangkumi isu-isu utama dalam pencapaian pendidikan oleh masyarakat India Malaysia, bermula dari pendidikan rendah sehingga peringkat pengajian tinggi. Tonggak ini juga melibatkan cabaran untuk membantu dan memulihkan belia berisiko tinggi.

'Merealisasikan Potensi Setiap Kanak-kanak' dibincangkan dalam Bab 3 Pelan Tindakan ini.



C Menambahbaik Kehidupan dan Kekayaan

Intervensi peningkatan jumlah pendapatan dan penjaanaan kekayaan dapat membantu IB40 untuk memiliki daya tahan terhadap perubahan yang berlaku dalam ekonomi Malaysia dan menjadi relevan dalam ekonomi yang lebih berintensifkan pengetahuan dan pendapatan tinggi. Tonggak ini merangkumi latihan kemahiran, penempatan pekerjaan dan keusahawanan sebagai satu cara untuk keluar daripada lingkaran kemahiran dan pendapatan yang rendah.

'Menambahbaik Kehidupan dan Kekayaan' dibincangkan dalam Bab 4 Pelan Tindakan ini.



D Meningkatkan Penyertaan Sosial

Masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India Malaysia boleh menyemarakkan rasa terpinggir dan tersisih. Cabaran-cabaran seperti masalah dokumentasi dan kewarganegaraan, pengamatan keagamaan, dan imej komuniti India pada pandangan rakyat Malaysia perlu ditangani, jika masyarakat India Malaysia ingin merasakan bahawa mereka benar-benar diterima dan disepadukan dalam asas sosial negara ini.

Tonggak ini merangkumi banyak isu yang berkaitan dengan kesedaran tentang penyertaan sosial dan ini dibincangkan dalam Bab 5 Pelan Tindakan ini.

PELAN TINDAKAN MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

4 Tonggak Utama



- Kebajikan untuk kumpulan yang paling mudah terjejas
- Peruntukan perumahan kos rendah dipenuhi
- Keluarga yang bermasalah diberikan sokongan



- Menambah baik pencapaian pendidikan dan kemahiran pada semua peringkat umur
- Menangani isu belia yang berisiko



- Pembelajaran kemahiran baharu atau yang ditambah baik/program-program yang ditingkatkan

- Pemadanan kerja
- Keusahawanan



- Dokumentasi
- Bebas daripada jenayah
- Pematuhan kepada ajaran agama
- Imej masyarakat



Pelaksanaan Pelan Tindakan ini perlu dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh, sebagaimana ianya telah dibangunkan. Setiap tonggak mempunyai sasaran tertentu yang perlu dicapai dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan Pelan Tindakan, iaitu bermula dari tahun 2017 hingga tahun 2026. Di samping itu, komponen yang terlibat dalam pelaksanaan dinyatakan dalam Bab 6 Pelan Tindakan ini.

Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia ini bertujuan menyalurkan maklumat dan mendokong usaha-usaha kerajaan dengan mengumpulkan gambaran menyeluruh cabaran-cabaran yang dihadapi selain mengenal pasti dasar atau program 'generasi kedua' yang akan menangani cabaran tersebut dengan menetapkan sasaran yang dapat dinilai kejayaannya.

Adalah diiiharapkan agar Pelan Tindakan ini dapat menyediakan hala tuju yang kukuh bagi merapatkan jurang sosioekonomi dalam kalangan masyarakat India Malaysia, terutama sekali bagi mereka yang berada dalam kategori IB40, dan memastikan penyertaan lebih ramai kaum India Malaysia dalam visi negara untuk menjadi sebuah negara yang maju.



BAB 2

Memenuhi Keperluan Asas



Memenuhi Keperluan Asas Kehidupan Moden

Sebelum seseorang individu berupaya melibatkan diri dalam masyarakat dan ekonomi dengan lebih berkesan, asas kehidupan moden dan keperluan asas mestilah dipenuhi. Oleh yang demikian, 'Memenuhi Keperluan Asas' menjadi keutamaan dalam Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysian (Malaysian Indian Blueprint) ("MIB") untuk membantu segmen masyarakat India yang berpendapatan 40% terendah atau IB40 yang terdedah kepada cabaran hidup.

Perkara pertama yang perlu dilakukan dalam Memenuhi Keperluan Asas' adalah memastikan isi rumah Masyarakat India Malaysia yang ditakrifkan sebagai miskin, iaitu berpendapatan pada atau di bawah garis kemiskinan negara, menerima bantuan yang secukupnya untuk memenuhi keperluan asas mereka.⁶⁷ Penyataan bahawa Malaysia hampir membasmi kemiskinan tegar adalah amat memberangsangkan.⁶⁸ Tugas kita juga adalah untuk memastikan keperluan bagi segmen terdedah kepada cabaran hidup yang seterusnya dipenuhi, menyediakan asas untuk mereka berusaha ke arah mobiliti sosioekonomi jangka panjang. Selain itu, kita juga bertanggungjawab untuk melengkapi kumpulan ini dengan keupayaan yang diperlukan untuk melindungi mereka daripada kejutan ekonomi iaitu dengan membina jaringan keselamatan.

Perkara kedua dalam Memenuhi Keperluan Asas' adalah menangani isu tempat perlindungan dan perumahan untuk kumpulan terdedah kepada cabaran hidup dalam kalangan kumpulan IB40. Selain cabaran menyediakan perumahan kos rendah untuk golongan miskin (melibatkan semua golongan etnik), isu perumahan yang spesifik berkenaan IB40 adalah berkaitan dengan penempatan semula pekerja estet. Masyarakat India yang masih bekerja di estet dianggarkan seramai 16,000.⁶⁹ Bagi kebanyakan mereka, estet merupakan satu-satunya persekitaran sosioekonomi yang diketahui. Memandangkan estet kini bertukar menjadi tempat pembangunan harta tanah, pekerja-pekerja ini mengalami risiko terpinggir dari segi fizikal dan sosial. Melainkan mereka ditempatkan semula secara teratur, termasuk melengkapkan mereka untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial dan ekonomi yang baru, profil kemiskinan tegar yang dipaparkan oleh majoriti isi rumah IB40 di Malaysia akan berterusan.



Perkara ketiga dalam 'Memenuhi Keperluan Asas' adalah dengan membantu isi rumah IB40 yang bermasalah (disfungsi) untuk menangani tingkah laku yang memudaratkan dan mewujudkan persekitaran keluarga yang lebih stabil terutamanya bagi keluarga yang mempunyai anak-anak. Tingkah laku berbahaya boleh meliputi kecuaian kecil sehingga ancaman yang lebih serius seperti penderaan dan ketagihan alkohol. Meskipun perkara ini pada kebiasaannya tidak dianggap sebagai satu keperluan asas, dapatan kajian menunjukkan bahawa kestabilan atau kekurangan ketidakstabilan keluarga merupakan teras kepada beberapa isu yang signifikan yang terangkum dalam Pelan Tindakan ini seperti pencapaian pendidikan, belia yang berisiko dan jenayah.⁷⁰ Oleh yang demikian, MIB berpendapat bahawa kestabilan keluarga merupakan satu keperluan asas untuk membolehkan isi rumah IB40 meningkatkan status sosioekonomi semasa dan merentas generasi.

⁶⁷ Kerajaan Malaysia mentakrifkan kemiskinan sebagai kekurangan dari segi kewangan untuk menampung keperluan asas termasuk komponen makanan dan bukan makanan, sewa rumah, pakaian, pengangkutan dan rekreasi. Garis kemiskinan ditetapkan berdasarkan keperluan perbelanjaan minimum kumpulan barangan yang merangkumi komponen tersebut. Sumber: 'Urban Poverty and Inequality in Malaysia: Empowerment of Malaysian Indians through the Neighbourhood-Based Social Service Programme' oleh Chamsuri Siwar dalam bukunya 'Contemporary Malaysian Indians'

⁶⁸ Kemiskinan tegar ditakrifkan sebagai ketidakmampuan yang kronik untuk menampung keperluan ikhtiar hidup. Menurut sejarah, ini merupakan separuh daripada garis kemiskinan yang telah ditetapkan, iaitu RM465. Sumber: Rancangan Malaysia Ke-11

⁶⁹ Bilangan Pekerja Estet Berdasarkan Etnik (2015), Jabatan Tenaga Kerja

⁷⁰ Wawancara bersama pegawai Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan yang lain



Memenuhi Keperluan Asas: Sasaran

Untuk melengkapkan sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan oleh Kementerian dan agensi berkaitan, MIB beriltizam untuk mencapai perkara-perkara berikut:

A. Membasmi Kemiskinan

- Memastikan semua isi rumah IB40 di bawah garis kemiskinan didaftarkan dalam pangkalan data eKasih dan menerima bantuan kebajikan yang diperlukan.
- Memastikan purata pendapatan bulanan isi rumah masyarakat India Malaysia yang miskin adalah dua kali ganda daripada PLI kebangsaan semasa (RM950)⁷¹
- Memastikan sekurang-kurangnya 50% daripada isi rumah miskin yang berdaftar dapat meningkatkan simpanan mereka dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan MIB⁷²

B. Perumahan

- Memastikan isi rumah IB40 menerima bahagian yang sewajarnya dalam sektor perumahan kos rendah dan mampu milik awam di kawasan bandar
- Memastikan kes-kes lama penempatan semula pekerja estet masyarakat India diselesaikan dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan MIB⁷³
- Memastikan kes-kes penempatan semula pekerja estet masyarakat India pada masa depan diselesaikan dengan segera dan adil

C. Kestabilan Keluarga

- Merapatkan jurang antara indeks isi rumah masyarakat India Malaysia dengan purata kebangsaan Indeks Kesejahteraan Keluarga
- Memastikan kes-kes penderaan dan keganasan rumah tangga dalam isi rumah masyarakat India Malaysia yang dilaporkan semakin berkurangan⁷⁴

⁷¹ Selaras dengan sasaran Rancangan Malaysia Ke-11 untuk menggandakan min dan median pendapatan bulanan isi rumah B40 menjelang 2020n and median monthly income of B40 households by 2020

⁷² Garis dasar akan ditetapkan dalam 2017 berdasarkan tinjauan tahap simpanan isi rumah masyarakat India miskin Malaysia yang berdaftar dalam pangkalan data e-Kasih

⁷³ Kes-kes yang berlaku sebelum tahun 2017

⁷⁴ Berdasarkan garis dasar pada akhir tahun 2016

A. Mengurangkan Kadar Kemiskinan

Kemiskinan ditakrifkan sebagai ketidakmampuan dari segi kewangan untuk memenuhi keperluan asas manusia seperti makanan, pakaian, tempat berlindung dan keperluan asas yang lain. Peningkatan yang progresif dalam pendapatan dan KDNK sejak Kemerdekaan telah memperlihatkan penurunan yang ketara dalam kemiskinan mutlak – hampir 100% isi rumah di Malaysia mampu untuk memenuhi keperluan hidup yang paling asas.⁷⁵

Walau bagaimanapun, kesan inflasi dan tekanan kehidupan di bandar telah meluaskan lagi takrif kemiskinan pada hari ini. Dalam konteks kehidupan moden, maksud keperluan asas turut merangkumi keperluan pendidikan, penjagaan kesihatan, pengangkutan dan komunikasi.⁷⁶ Dalam bahagian ini, isi rumah di Malaysia dapat memenuhi keperluan tersebut akan dibincangkan.

Perumahan



RM 960 (bandar) dan
RM 910 (luar bandar)
Layak menerima
bantuan kebajikan



Bantuan Kewangan



Kini, Malaysia menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI) - tahap pendapatan yang diperlukan bagi isi rumah bersaiz sederhana untuk memenuhi keperluan asas seperti di atas-pada RM950 sebulan.⁷⁷ Nilai ambang pendapatan bagi golongan miskin di bandar adalah lebih tinggi, iaitu pada kadar RM960 sebulan, berbanding golongan luar bandar pada kadar pendapatan di bawah RM910 sebulan. Isi rumah berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan ditakrifkan sebagai isi rumah miskin dan layak menerima bantuan kebajikan termasuk bantuan kewangan, perumahan dan yang lain-lain bergantung pada jenis dan tahap keperluan.⁷⁸

⁷⁵ Kemiskinan tegar mewakili 0.1% daripada jumlah isi rumah. Sumber: Rancangan Malaysia Ke-11

⁷⁶ Perkara ini tergambarkan dalam anjakan ke arah Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Rancangan Malaysia Ke-11

⁷⁷ Saiz purata isi rumah ialah 4.3 orang. Sumber: Unit Koordinasi Perlaksanaan


⁷⁸ Beberapa faktor berhubung pendapatan Garis Kemiskinan: setiap isi rumah adalah berbeza menurut lokasi, saiz isi rumah dan corak penggunaan. Satu isi rumah mungkin berpendapatan melebihi garis kemiskinan negara tetapi masih dianggap miskin iaitu di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan, bergantung pada ciri-ciri isi rumah tersebut.



0.6% atau kira-kira 3,500 isi rumah masyarakat India Malaysia ditakrifkan sebagai miskin.⁷⁹ Pada masa yang sama, hampir 22,700 isi rumah masyarakat India Malaysia (berpendapatan kurang daripada) RM1,000 sebulan – kumpulan terdedah kepada cabaran hidup yang seharusnya turut diberikan perhatian.⁸⁰

Masalah kemiskinan masyarakat India Malaysia kebanyakannya merupakan masalah di bandar; 80% daripada isi rumah masyarakat India Malaysia yang berpendapatan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan tinggal dan bekerja di kawasan bandar.⁸¹

Kombinasi taraf pendidikan yang rendah, kekurangan kemahiran, penghijrahan dari estet dan keterpinggiran adalah asas kewujudan isi rumah miskin masyarakat India Malaysia yang berterusan. Untuk memastikan isi rumah miskin dapat memenuhi keperluan asas mereka, adalah penting golongan ini dikenal pasti dan diperuntukkan bantuan kebajikan. Selain memenuhi keperluan asas yang minimum, adalah mustahak membantu mereka yang mempunyai kapasiti menjana pendapatan untuk meningkatkan diri supaya dapat keluar daripada belenggu kemiskinan secara mampan.



79 Tinjauan Pendapatan Isi Rumah 2014. Jabatan Perangkaan, Malaysia

80 Tinjauan Pendapatan Isi Rumah 2012. Jabatan Perangkaan, Malaysia. Perbezaan lebih kurang 19,000 isi rumah menggambarkan perbezaan saiz isi rumah, lokasi dan faktor-faktor lain

81 Manakala masalah kemiskinan Bumiputera terbahagi sama rata di antara bandar dengan luar bandar. Sumber: Tinjauan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014

Isu Utama & Intervensi Semasa

Hampir 30,600 isi rumah masyarakat India Malaysia telah berdaftar dalam pangkalan data eKasih, daftar utama negara bagi isi rumah berpendapatan rendah yang digunakan oleh agensi pelaksana untuk memilih peserta dan penerima program.⁸² Ini mewakili lebih kurang 5% daripada jumlah isi rumah keseluruhan yang didaftarkan dalam pangkalan data tersebut.



Pelbagai usaha outreach diadakan secara berkala untuk mendaftarkan isi rumah masyarakat India Malaysia ke dalam pangkalan data. Usaha-usaha ini perlu diselaraskan bersama pemegang data, ICU, untuk mengelakkan pengumpulan data profil utama yang tidak tepat atau tidak mencukupi oleh pekerja lapangan yang tidak terlatih atau pengelola komuniti. Dengan terdapat lebih ramai tenaga sukarelawan terlatih seperti penyelidik universiti, juga dapat membantu ICU untuk mendaftar dan mengesahkan maklumat isi rumah.

Kempen outreach perlu juga dirancang dan disasarkan dengan lebih baik agar komuniti yang terlibat lebih mengetahui mengenai eKasih dan boleh terus merujuk kepadanya diri sendiri atau isi rumah miskin yang diketahui untuk didaftarkan. Tahap kesedaran dan pemahaman yang lemah mengenai proses Kerajaan, terutamanya dalam kalangan golongan yang kurang berpendidikan, memerlukan kempen outreach yang jelas, mudah difahami dan berempati agar dapat menggalakkan mereka untuk tampil ke hadapan dengan maklumat yang diperlukan.⁸³ Sekolah, kuil dan institusi keagamaan yang lain juga boleh menjadi saluran maklumat dan pendampingan yang dapat dimanfaatkan dengan baik.

Walau bagaimanapun, pada dasarnya, pangkalan data eKasih adalah terhad kepada warganegara Malaysia sahaja. Hal ini memberi kesan kepada kira-kira 25,000 masyarakat India yang menghadapi isu dokumentasi. Bagi kumpulan ini, cabaran memenuhi keperluan asas adalah lebih tinggi. Ketiadaan dokumen kewarganegaraan menyekat mereka daripada memperoleh perkhidmatan Kerajaan termasuk bantuan kebajikan.⁸⁴ Aktiviti dokumentasi dan peruntukan yang sewajarnya adalah diperlukan untuk membantu isi rumah ini memenuhi keperluan asas sementara permohonan identiti diproses.⁸⁵

⁸² eKasih merupakan sumber utama, tetapi bukan satu-satunya sumber bagi pemilihan program oleh agensi pelaksana. Sumber: Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)

⁸³ Contohnya, kesedaran orang awam yang tinggi mengenai BR1M sebahagiannya disebabkan oleh penggunaan bahasa yang mudah dan pendidikan awam mengenai BR1M dan kempen pendampingan melalui pendekatan berbilang saluran. Sumber: Temu bual bersama pekerja lapangan

⁸⁴ Walaupun agensi pelaksana boleh menggunakan kuasa budi bicara mereka untuk menyampaikan bantuan kepada golongan kaum India yang tidak mempunyai dokumentasi

⁸⁵ Isu dokumentasi diterangkan dengan lebih jelas di bab 5: Peningkatan Penyertaan Sosial


TAHAP PEMAHAMAN BAHASA IB40

Bahasa Tamil dan Bahasa Malaysia merupakan bahasa yang paling difahami oleh responden


Peratus responden dengan tahap kecekapan 'baik' dalam Bahasa Tamil, Bahasa Malaysia dan Bahasa inggeris




BERBUAL




MEMAHAMI



MEMBACA



MENGARANG



Sumber: Tinjauan bersemuka IB40 seluruh Semenanjung Malaysia yang dijalankan oleh Sekretariat Pelan Tindakan, n=2,087. Lebih 75% responden daripada isi rumah berpendapatan RM 2,000 dan ke bawah sebulan.




Selain pendaftaran eKasih, isu utama yang lain ialah penerimaan sebenar bantuan.⁸⁶ Secara umumnya, terdapat dua jenis bantuan yang disasarkan untuk isi rumah di bawah garis kemiskinan: sokongan kebajikan untuk perbelanjaan harian dan bantuan pembinaan peningkatan keupayaan untuk mengeluarkan penerima daripada belenggu kemiskinan. Hampir 123,000 masyarakat India Malaysia atau dianggarkan 25,000 isi rumah telah menerima sokongan daripada program-program kebajikan seperti KARISMA di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.⁸⁷ Tahap penyertaan masyarakat India Malaysia merupakan kadar perwakilan yang munasabah berbanding populasi.

⁸⁶ Pendaftaran dalam pangkalan data tidak memberikan kelayakan automatik untuk penerimaan bantuan; agensi pelaksana mempunyai kriteria saringan dan pemilihan untuk pelbagai jenis program

⁸⁷ Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KARISMA) adalah program bantuan kebajikan produktif yang bertujuan ke arah membantu warga emas, kanak-kanak miskin, orang kurang upaya dan janda kepada pegawai polis atau anggota tentera. Sumber: 1Malaysia.com

Walau bagaimanapun, penyertaan masyarakat India Malaysia dalam program peningkatan kapasiti yang disasarkan untuk isi rumah miskin adalah rendah. Contohnya, penyertaan masyarakat India Malaysia dalam program 1Azam, inisiatif penjana pendapatan utama yang disasarkan untuk isi rumah di bawah garis kemiskinan, hanyalah 2% daripada jumlah peserta dan bukannya 7% penyertaan. Daripada mereka yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar dalam pangkalan data eKasih, hanya 6% yang berdaftar dalam pangkalan data eKasih berdaftar dalam program 1AZAM, berbanding 10% pendaftar Melayu dan 11% pendaftar Cina.⁸⁸

Pecahan Peserta 1AZAM berdasarkan Etnik, 2015



Untuk merapatkan jurang tersebut, SEDIC turut membiayai latihan kemahiran dan projek penjana pendapatan yang disasarkan kepada isi rumah masyarakat India Malaysia yang diterajui oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) walaupun liputannya terhad. Usaha perlu ditingkatkan untuk menyelaraskan aktiviti tersebut, juga untuk menyokong agensi pelaksana dalam memantau kadar penyertaan masyarakat India dalam program-program kerajaan yang mensasarkan isi rumah miskin. Perhatian dan pemantauan terhadap kadar penyertaan akan memberi impak kepada kaedah pemilihan peserta program dan cara penyampaian program.⁸⁹

Isu utama yang terakhir ialah reka bentuk program dan keberkesanannya. Beberapa program telah dikritik kerana terlalu berfokus pada kelengkapan peralatan dan geran berbanding kemahiran, sementara hanya sebilangan sahaja yang mengutamakan kekuatan dan minat peserta. Selain itu, sebahagian besar program didapati berbentuk keusahawanan- atau berasaskan pertanian, yang mungkin tidak sesuai bagi mereka yang lebih mengharapkan peluang pekerjaan. Terdapat juga risiko yang tinggi apabila peserta program jatuh semula pada tahap miskin kerana tidak mampu bertahan dengan kejutan daripada kekurangan kemahiran pengurusan kewangan.⁹⁰

⁸⁸ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)

⁹⁰ Wawancara bersama pegawai kerajaan dan pekerja lapangan

⁸⁹ Contohnya, bahasa yang digunakan



Pihak Kerajaan menyedari bahawa bantuan untuk memenuhi keperluan asas mestilah disusuli dengan peningkatan sosioekonomi. Menurut dasar 'Kebajikan Produktif', bantuan kebajikan bagi penerima yang dikategorikan sebagai mampu akan dihentikan selepas tempoh 2 tahun.⁹¹ Untuk memenuhi matlamat aspirasi yang tinggi ini, impak program yang berkaitan perlu dipantau dan program perlu sentiasa diperhalusi terutamanya untuk memadankan program dengan keupayaan dan minat peserta. Program peningkatan pendapatan juga perlu meramalkan perubahan pada struktur ekonomi untuk memastikan peluang pekerjaan dan keusahawanan adalah relevan pada jangka masa panjang.

Program peningkat kapasiti dan penjanaan pendapatan hendaklah dilengkapi dengan modul pengurusan kewangan serta sokongan pasca program supaya peserta program dapat membina penampungan kewangan untuk menghadapi kejutan ekonomi. Hasil kaji selidik mengenai IB40 yang dijalankan oleh Sekretariat Pelan Tindakan, hanya 10% daripada isi rumah IB40 yang berpendapatan bawah RM1,000 sebulan mempunyai simpanan jangka panjang.⁹² Manakala 84% isi rumah IB40 yang berpendapatan bawah RM1K sebulan tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan hidup untuk 3 bulan.⁹³

Ciri-ciri reka bentuk program yang sesuai dengan isi rumah masyarakat India Malaysia yang miskin – mungkin disebabkan oleh budaya atau bahasa tertentu - perlu juga dikongsi bersama agensi pelaksana untuk memastikan program kerajaan yang menyeluruh lebih berkesan untuk demografi ini.

⁹¹ Terma Rujukan Pengurusan Projek Rintis Program Tamat Selepas 2 Tahun, Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2014

⁹² Tinjauan bersemuka 2,087 isi rumah IB40 masyarakat India Malaysia dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia pada bulan Julai hingga September 2016. Sekretariat MIB

⁹³ Ibid

Melangkah ke Hadapan: Cadangan & Inisiatif

Selaras dengan matlamat Kerajaan yang menyeluruh, MIB bertujuan untuk memastikan keperluan asas isi rumah masyarakat India miskin dipenuhi dan mereka dibantu untuk keluar dari belenggu kemiskinan dengan mampan. Demi mencapai matlamat ini, sasaran berikut telah ditetapkan:

- Memastikan semua isi rumah di bawah garis kemiskinan didaftarkan dalam pangkalan data eKasih dan menerima bantuan kebajikan yang diperlukan.
- Memastikan pendapatan purata isi rumah masyarakat India miskin meningkat dua kali ganda daripada PLI kebangsaan semasa (RM950).⁹⁴
- Memastikan sekurang-kurangnya 50% daripada isi rumah miskin yang berdaftar dapat menunjukkan peningkatan simpanan dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan MIB.⁹⁵

Untuk mencapai matlamat tersebut, Pelan Tindakan ini mencadangkan pelaksanaan perkara-perkara berikut:



1. Kempen pendaftaran eKasih dan bantuan kebajikan

Unit Pelaksanaan MIB akan bekerjasama dengan ICU dan Jabatan Kebajikan Masyarakat ("DOSW"), untuk menjalankan kempen kesedaran dan outreach melalui saluran berkaitan komuniti, untuk mengenal pasti dan mendaftarkan isi rumah masyarakat India miskin ke dalam daftar eKasih, dengan tindakan susulan untuk mengutamakan pemilihan bagi bantuan kebajikan. Antara tindakan tersebut termasuklah:

- Menggalakkan rujukan komuniti melalui talian penting (hotline), media sosial, radio Tamil dsb.
- Bekerjasama dengan KRIM dan rakan kongsi untuk mencetak maklumat kempen pada makanan keperluan.
- Meningkatkan aktiviti pencarian, pengenalanpastian dan pengesahan bersama-sama sukarelawan terlatih dan penganjur komuniti.
- Program outreach kejiiran yang disasarkan bersama rakan kongsi seperti sekolah dan kuil.



⁹⁴ Selaras dengan sasaran Rancangan Malaysia Ke-11

⁹⁵ Garis dasar perlu ditetapkan pada 2017 berdasarkan tinjauan tahap simpanan masyarakat India Malaysia miskin yang berdaftar dalam pangkalan data eKasih

2. Mereka bentuk semula, menguji dan menghalusi program penjanaaan pendapatan

Unit Pelaksanaan MIB dengan kerjasama Jabatan Kebajikan akan merintis aktiviti mereka bentuk semula, menguji dan menghalusi inisiatif penjanaaan pendapatan di kejuruan dengan kepadatan masyarakat India miskin / IB40 yang tinggi. Penambahbaikan tersebut termasuklah:



- (i) Sokongan tempatan dalam mengenal pasti dan mencapai isi rumah atau individu yang layak, dengan memanfaatkan pengaruh pemimpin/personaliti komuniti yang dipercayai.
- (ii) Memadankan kewajipan rumah tangga semasa, minat dan kemahiran peserta dengan kandungan program.
- (iii) Penyampaian program di peringkat tempatan dilakukan atau disokong oleh mereka yang dapat berkomunikasi dan memperoleh kepercayaan peserta program Modul pelengkap dalam pengurusan kewangan
- (iv) Mewujudkan kumpulan sokongan dan rangkaian dalam kalangan peserta bagi tujuan motivasi dan sokongan pasca program
- (v) Pemantauan jangka sederhana dan pengukuran impak

3. Memupuk dan mendorong tabiat menabung

Dana awal berjumlah RM500 juta unit amanah saham PNB akan diwujudkan untuk meningkatkan simpanan isi rumah IB40, terutamanya mereka yang berada di bawah garis kemiskinan. Skim unit amanah saham PNB khusus akan diwujudkan untuk isi rumah golongan IB40 dan akan menerima unit galakan sepadan daripada dana awal, bergantung pada tahap pendapatan dan jumlah simpan.⁹⁶ Dana tersebut akan dikunci untuk tempoh minimum tetapi boleh dikeluarkan semasa kecemasan atau kejutan ekonomi

Unit Pelaksanaan MIB juga akan menggalakkan penglibatan sektor swasta dan bukan kerajaan untuk program inovatif yang dapat meningkatkan simpanan isi rumah masyarakat India B40 dan miskin. Program inovatif termasuklah kemudahan simpanan mikro melalui penggunaan teknologi mudah alih dan pemahaman secara mendalam mengenai tingkah laku pengguna IB40.



⁹⁶ Nisbah padanan akan ditentukan oleh skim Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada, antara lain, Unit Pelaksanaan Pelan Tindakan dan Kementerian Kewangan (MOF)

B. Perumahan

Perumahan dan perlindungan merupakan satu keperluan asas. Perumahan yang selamat dan selesa, termasuk persekitarannya, adalah perlu untuk kesejahteraan isi rumah. Bagi isi rumah berpendapatan rendah terutamanya perumahan dan persekitaran sosial memainkan peranan kritikal dalam memberikan sokongan dari segi keselamatan dan penjagaan anak. Isi rumah berpendapatan sederhana dan tinggi menguruskan keperluan ini dengan membayar untuk mendapatkan perkhidmatan berkaitan secara langsung mahu pun tidak langsung.





Penempatan setinggan haram menjadi salah satu penyelesaian tempat tinggal bagi ratusan ribuan pekerja estet masyarakat India yang dipindahkan keluar dari estet di antara tahun 70-an hingga 90-an. Polisi sifar setinggan oleh pihak Kerajaan, yang dimulakan pada tahun 1998, telah menunjukkan penurunan yang mendadak pada bilangan penempatan setinggan dengan adanya penempatan semula ke perumahan awam yang mempunyai kemudahan yang lebih baik walaupun ini telah menimbulkan masalah lain seperti kesesakan, hubungan etnik dan gejala sosial.

Isu Utama & Intervensi Semasa

Walaupun penempatan setinggian telah dapat dikurangkan, akses kepada rumah mampu milik masih menjadi cabaran. Masalah ini dihadapi oleh semua kumpulan etnik tetapi terdapat kadar pemilikan rumah yang tidak seimbang dalam kalangan komuniti masyarakat India Malaysia.

Hanya 56% sahaja isi rumah masyarakat India Malaysia yang memiliki tempat tinggal berbanding 62% isi rumah golongan Bumiputera dan 61% isi rumah golongan Cina.⁹⁷ Dalam kalangan B40, kadar pemilikan harta tanah oleh masyarakat India adalah yang paling rendah, iaitu pada 3% berbanding golongan Bumiputera sebanyak 7% dan golongan Cina 12%.⁹⁸

Perumahan kos rendah dan mampu milik merupakan keutamaan negara; dalam Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan telah berjanji memastikan semua rakyat Malaysia mampu memiliki atau menyewa tempat tinggal menjelang 2020. Beberapa skim perumahan di bawah Kerajaan Persekutuan telah membolehkan keluarga B40 untuk berbuat sedemikian seperti Program Bantuan Rumah, Program Perumahan Rakyat, Rumah Rakyat Mesra 1Malaysia dan Rumah Wilayah Persekutuan.⁹⁹ Kesemua program ini dan juga skim perumahan lain oleh Kerajaan Negeri, telah membolehkan keluarga B40 memiliki tempat perlindungan dan membina ekuiti untuk pemilikan tempat tinggal. Namun demikian, tugas menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi amat mencabar disebabkan harga tanah yang terus meningkat.



 Masyarakat India yang memiliki tempat tinggal  Masyarakat Bumiputera yang memiliki tempat tinggal  Masyarakat Cina yang memiliki tempat tinggal

⁹⁷ Tinjauan Ciri-ciri Isi Rumah 2010, Jabatan Perangkaan, Malaysia

⁹⁹ Rancangan Malaysia Ke-11

⁹⁸ 'NEP ke NEM: Siapa yang Peduli? Agihan Kekayaan di Malaysia', Muhammed Abdul Khalid, UKM, 2011



Isu kekurangan rumah mampu milik sedang diatasi melalui pelbagai forum. Bagi konteks Pelan Tindakan ini, isu yang berkaitan ialah pengagihan. Lebih banyak usaha yang perlu dilaksanakan untuk memantau kadar pengagihan rumah kos rendah yang ditawarkan kepada pemohon masyarakat India Malaysia untuk memastikan pengagihan dilakukan secara adil. Kaji selidik IB40 pada tahun 2016 yang dijalankan oleh Sekretariat MIB mendapati perumahan merupakan bantuan kedua tertinggi yang diminta oleh responden IB40. 47% daripada kumpulan responden yang sama, iaitu hampir separuh merasakan bahawa agihan perumahan kepada masyarakat India Malaysia adalah tidak adil.¹⁰⁰

Sehingga kini, pemantauan agihan dilakukan secara ad hoc. Agensi persekutuan dan negeri perlu mensasarkan untuk mengecilkan jurang perumahan antara etnik, terutamanya berkenaan agihan unit perumahan untuk dimiliki, supaya pengagihan ini lebih bersepadu dan sistematik. Penyelesaian pembiayaan seperti skim sewa untuk beli hendaklah diberikan, terutamanya kepada yang tidak layak untuk memperoleh penggadaian komersial disebabkan beberapa faktor selain kemampuan.¹⁰¹

Selain perumahan kos rendah, masalah berkaitan komuniti masyarakat India Malaysia ialah penempatan semula bekas pekerja estet. Beberapa dekad lalu, jualan dan penukaran estet kepada pembangunan perumahan atau perindustrian memaksa ratusan ribuan pekerja estet yang diberhentikan berhijrah ke kawasan setinggan di bandar atau rumah panjang sementara.¹⁰² Sering kali tiada bantuan diberikan untuk menghadapi peralihan ini sehingga menyebabkan nisbah strata kemiskinan bandar masyarakat India Malaysia yang begitu ketara pada hari ini.

¹⁰⁰ Tinjauan bersemuka dengan 2,087 isi rumah IB40 masyarakat India Malaysia dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia pada bulan Julai hingga September 2016. Sekretariat MIB.

¹⁰¹ Sebab-sebab lain termasuk ketiadaan atau kekurangan dokumen pendapatan, terutamanya pekerja harian atau kontrak.

¹⁰² Memandangkan perkara ini menjadi perhatian umum, terdapat peningkatan usaha dalam beberapa tahun ini oleh syarikat perladangan dan kerajaan negeri untuk menempatkan semula pekerja estet di kawasan perumahan kos rendah baharu; biasanya ini merupakan proses perundingan yang berterusan bersama berbilang pihak yang berkepentingan dan kejayaannya lebih berasaskan satu-satu kes tertentu.



Kini, dianggarkan 36% pekerja estet, terdiri daripada lebih kurang 16,000 isi rumah, merupakan masyarakat India.¹⁰³ Oleh sebab isu ini semakin mendapat perhatian umum, terdapat peningkatan usaha sejak beberapa tahun kebelakangan ini oleh syarikat perladangan dan kerajaan untuk menempatkan semula pekerja ladang di kawasan perumahan kos rendah baharu atau menyediakan kemudahan untuk tenaga kerja estet yang berumur.

CCIC telah berjanji untuk memastikan kemudahan perumahan disediakan untuk pekerja estet di samping memastikan keperluan perumahan IB40 dipenuhi. Walau bagaimanapun, dalam kes penempatan semula, hal ini lebih bergantung kepada keupayaan dan kesudian syarikat perladangan untuk menempatkan semula pekerja secara teratur.¹⁰⁴ Sesetengah kes dirunding dengan terperinci manakala yang lain tidak mengambil kira keperluan pekerja atau kemampuan mereka untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu. Keadaan sesetengah persekitaran sosial kawasan penempatan semula adalah lebih teruk daripada di estet.¹⁰⁵



Pada tahun 2011, Kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta di bawah 'Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE)' bagi membiayai kemudahan pinjaman kepada pekerja estet, sehingga maksimum RM100,000 setiap pemohon untuk rumah berharga bawah RM120,000.¹⁰⁶ Namun demikian, skim ini perlu diiringi dengan bekalan rumah kos rendah yang mencukupi di kawasan setempat bagi membolehkan kemudahan pinjaman tersebut dimanfaatkan.¹⁰⁷ Perumahan dalam lingkungan harga tersebut amat terhad; contohnya pada tahun 2014 hanya 8,780 unit rumah kos rendah yang diluluskan untuk dibina pada harga bawah RM100,000.¹⁰⁸ Kriteria kelayakan untuk skim pinjaman tersebut juga perlu dikaji semula untuk membantu pekerja yang tidak boleh memenuhi kriteria semasa.¹⁰⁹

Memahami kebimbangan dan keperluan pekerja estet juga penting untuk menjayakan rundingan penempatan semula. Secara keseluruhan, kejayaan penempatan semula memerlukan perancangan awal dan penglibatan pihak yang berkepentingan termasuk Kerajaan Persekutuan dan negeri. Bantuan turut diperlukan supaya pekerja estet yang terlibat dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dan latihan kemahiran yang sesuai dan sokongan penempatan semula yang lain.

¹⁰³ Bilangan Pekerja Estet Berdasarkan Etnik (2015), Jabatan Tenaga Kerja

¹⁰⁴ Temu bual bersama Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang dan pakar lapangan

¹⁰⁵ Ibid.

¹⁰⁶ Inisiatif ini dilakukan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk membantu pekerja ladang sedia ada memiliki rumah. Sumber: "Kajian Tahap Sosioekonomi Pekerja Estet Tempatan dan Kaitannya dengan SKRE", Jabatan Tenaga Kerja, 2014

¹⁰⁷ Pemohon juga tertakluk pada penaksiran kredit dan kelulusan oleh rakan kongsi saluran perbankan, Bank Simpanan Nasional. Syarat-syarat perlu dikaji semula, dengan kadar penolakan yang tinggi (81%)

¹⁰⁸ Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

¹⁰⁹ Disebabkan oleh syarat yang lazim berkaitan dengan aras pendapatan minimum, status pekerjaan dan saiz estet

Melangkah ke Hadapan: Cadangan & Inisiatif

Untuk merealisasikan janji Kerajaan dan CICC berkaitan dengan tempat perlindungan dan perumahan, terutamanya bagi kumpulan paling terdedah kepada cabaran hidup dalam masyarakat, Pelan Tindakan ini bermatlamat untuk memenuhi sasaran berikut:

- Memastikan isi rumah IB40 menerima bahagian yang seimbang dalam sektor perumahan awam kos rendah dan mampu milik di kawasan bandar
- Memastikan kes-kes lama penempatan semula pekerja estet masyarakat India diselesaikan dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan MIB.¹¹⁰
- Memastikan kes-kes penempatan semula pekerja estet masyarakat India pada masa depan dijangka dan diselesaikan dengan adil

Untuk memastikan sasaran dapat dicapai, MIB beriltizam untuk melakukan perkara-perkara berikut:

1. Pangkalan data status perumahan IB40 & pemantauan

Unit Pelaksanaan MIB akan meninjau isi rumah IB40 dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti status perumahan (dan dimensi lain kemiskinan), dengan menumpukan pada mereka yang telah atau layak memohon rumah kos rendah. Untuk memastikan terdapat kemajuan dalam status perumahan, Unit Pelaksanaan MIB akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan berkenaan, agensi persekutuan dan negeri untuk membentuk sasaran bersama bertujuan merapatkan jurang pemilikan rumah dalam kalangan IB40 terutamanya di kawasan yang wujud perbezaan ketara antara permohonan dan peruntukan.

Unit Pelaksanaan MIB juga akan menjalankan kajian dasar untuk membina pangkalan data kes-kes penempatan semula yang masih berjalan dan juga kes-kes akan datang.

2. Pengantaraan dan pemudahcaraan profesional

Kumpulan pengantara terlatih di bawah Unit Pelaksanaan MIB akan dikerahkan untuk melaksanakan proses dan membantu secara saksama rundingan penempatan semula. Kumpulan tersebut akan bekerjasama dengan wakil pekerja, syarikat perladangan, Jabatan Tenaga Kerja (JTK), agensi perumahan kerajaan persekutuan dan negeri untuk membantu menempatkan semula dan menyelesaikan isu berbangkit, termasuk mengenal pasti dan mengagihkan perumahan kos rendah atau kemudahan penjagaan dalam tempoh masa yang munasabah. Peluang untuk mengadakan kerjasama dengan sektor swasta untuk menyokong penyediaan perumahan kemudahan penjagaan akan dikaji di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan.





3. Kajian semula dasar dan kawal selia

Untuk mengatasi isu penempatan semula bagi jangka masa panjang, Unit Pelaksanaan MIB akan menjalankan penyelidikan dan mencadangkan satu rangka kerja polisi dan pindaan kawal selia untuk membentuk garis panduan yang lebih jelas dan tegas berkenaan proses dan kewajipan berkaitan dengan penempatan semula. Rangka kerja hendaklah meliputi tempoh pengantaraan & penempatan semula, garis panduan anggaran pampasan yang adil, peruntukan perumahan atau kemudahan penjagaan alternatif serta sokongan peralihan ke persekitaran baharu. Sebagai sebahagian daripada kajian semula ini, Unit Pelaksanaan MIB akan bekerjasama dengan JTK untuk mengkaji semula reka bentuk dan kelayakan skim SKRE.



4. Pelarasan sokongan pascapenempatan semula

Menyentuh tentang inisiatif berkaitan pendapatan dan keluarga dalam Pelan Tindakan ini, Unit Pelaksanaan MIB akan menyediakan sokongan kepada keluarga masyarakat India yang ditempatkan semula supaya dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu.

C. Kestabilan Keluarga


Unit keluarga merupakan institusi utama dalam struktur masyarakat yang berfungsi untuk memenuhi keperluan sosial, ekonomi dan psikologi individu. Kekuatan atau kelemahan unit keluarga memberi kesan yang amat besar terhadap keupayaan ahli keluarga untuk menyedari potensi sebenar mereka.

Kurangnya kestabilan keluarga merupakan teras beberapa isu utama yang diliputi dalam Pelan Tindakan ini seperti pencapaian pendidikan, belia berisiko tinggi dan jenayah.¹¹¹ Oleh yang demikian, MIB berpendapat bahawa kestabilan keluarga merupakan keperluan asas untuk membolehkan isi rumah IB40 meningkatkan status semasa antara generasi dan sosioekonomi mereka. Disfungsi termasuk keganasan rumah tangga, penyalahgunaan alkohol dan dadah, aktiviti kumpulan samseng dan lain-lain lagi yang menyumbang kepada pembaziran keupayaan orang dewasa dan pencapaian kemunduran kanak-kanak.¹¹²

Pada tahun 2011, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah menggunakan kajian antarabangsa untuk membangunkan Indeks Kesejahteraan Keluarga bertujuan mengukur kesejahteraan keluarga Malaysia. Indeks tersebut merangkumi kesihatan, perhubungan keluarga, ekonomi keluarga, kesihatan keluarga, keselamatan keluarga, keluarga dan komuniti, serta keluarga dan agama atau kerohanian.¹¹³ Tahun pertama Indeks tersebut mencatatkan, ibu bapa masyarakat India mendapat markah terendah (7.23 daripada 10) berbanding Melayu (8.04 daripada 10) dan ibu bapa Cina (7.29 daripada 10).

Indeks Kesejahteraan Keluarga 2011

Skor Ibu Bapa, mengikut Etnik



¹¹¹ Wawancara bersama pegawai Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan yang lain


¹¹² 'Aspirations of Malaysian Indians Towards 2020' ditulis oleh Dr. Denison Jayasooria, 2015

¹¹³ Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia, 2011



Kadar kes penderaan rumah tangga yang tinggi dalam kalangan masyarakat India Malaysia berdasarkan nisbah keseluruhan populasinya, adalah amat membimbangkan: 22% kes pada tahun 2014 yang dilaporkan kepada KPWK berkuatkuasanya berlaku dalam isi rumah masyarakat India (7% berbanding populasi Malaysia), sementara 56% dan 13% berlaku dalam isi rumah Melayu dan Cina.¹¹⁴ Ketagihan alkohol dinyatakan sebagai salah satu daripada 3 punca utama keganasan rumah tangga dalam kalangan masyarakat India Malaysia.¹¹⁵ Selain itu, 12% daripada kes yang dilaporkan berkaitan dengan kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan adalah daripada kalangan masyarakat India Malaysia.¹¹⁶

Kes Keganasan Rumah Tangga mengikut Kumpulan Etnik, 2014



114 Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2014

116 Ibid

115 Ibid

Isu Utama & Intervensi Semasa

Keluarga yang bermasalah sering mengalami lebih dari satu kejadian tegang pada satu masa. Walaupun kini terdapat banyak program untuk keluarga disfungsi, namun program-program tersebut berbentuk jangka pendek.¹¹⁷ Tambahan lagi, aktiviti outreach dengan keluarga masyarakat India Malaysia kini terhad berbanding dengan masa dahulu di mana terdapat lebih ramai pegawai berbangsa India/berbahasa Tamil selain lebih banyak program perancangan keluarga di estet yang disasarkan.¹¹⁸ Penghijrahan pekerja estet dan isi rumah ke kawasan bandar, menyebabkan lebih sukar untuk berhubung dengan keluarga masyarakat India tersebut. Mereka yang berjaya dihubungi sering menolak bantuan kerana kurang yakin, masalah pertentangan budaya atau rasa malu.¹¹⁹



Penolakan juga disebabkan oleh penyesuaian terhadap sesuatu isu, terutamanya pengambilan alkohol yang tinggi yang dianggap sebagai perkara biasa. Adalah dianggarkan 11.2% masyarakat India yang berumur 18 tahun ke atas ialah peminum semasa (current drinker), manakala 62.5% dikategorikan sebagai peminum mengikut nafsu (binge drinkers).¹²⁰

Langkah-langkah sedia ada merupakan satu permulaan tetapi lebih banyak yang perlu dilakukan untuk menyelesaikan isu sokongan jangka panjang dan penolakan oleh keluarga. Pertama, pekerja sosial tempatan terlatih perlu ditugaskan untuk mengenal pasti keluarga untuk membina kepercayaan dan memulakan program pemulihan yang sistematik. Pekerja sosial haruslah memahami persepsi keluarga yang dikenal pasti mengenai dunia, bukan hanya dengan status sosioekonomi yang sudah berakar umbi malah dari konteks sosial, agama dan kebudayaan.

Kedua, meningkatkan kesedaran tentang peranan keluarga dalam isu komuniti India di Malaysia secara berterusan. Tingkah laku disfungsi yang seolah-olah merupakan perkara biasa, perlu dilihat sebagai satu cabaran yang perlu diatasi oleh unit keluarga dan komuniti. Sebarang kes yang melibatkan kesihatan mental, perlu dirujuk kepada pihak yang berkenaan dan pakar perubatan untuk memastikan sokongan yang wajar telah diberikan.

¹¹⁷ Temu bual bersama agensi dan pekerja komuniti

¹¹⁸ Temu bual bersama pihak agensi kerajaan

¹¹⁹ Ibid

¹²⁰ 'Current drinker' Peminum arak ditakrifkan sebagai mereka yang pernah mengambil minuman beralkohol dalam tempoh 12 bulan manakala binge drinker, peminum mengikut nafsu ialah mereka yang mengambil minuman beralkohol dalam kuantiti yang banyak pada satu-satu masa (enam atau lebih) Sumber: Tinjauan Kesihatan Kebangsaan & Morbiditi 2015 - Penyakit Tidak Berjangkit, Faktor Risiko & Masalah Kesihatan Lain, Kementerian Kesihatan

Melangkah ke Hadapan: Cadangan & Inisiatif

Pelan Tindakan ini menyokong sepenuhnya usaha KPWKM dalam pembangunan keluarga dan memastikan bahawa keluarga masyarakat India Malaysia memperoleh manfaat daripada program sedia ada dan penambahbaikan yang berterusan. Demi mencapai matlamat ini, sasaran berikut telah ditetapkan:

- Merapatkan jurang antara isi rumah masyarakat India Malaysia dengan purata kebangsaan Indeks Kesejahteraan Keluarga
- Memastikan kes-kes penderaan dan keganasan rumah tangga dalam isi rumah masyarakat India Malaysia yang dilaporkan semakin berkurangan ¹²¹

Untuk memastikan sasaran tercapai, MIB beriltizam melakukan perkara –perkara berikut:



1. Merintis dan Melaksanakan Program Pemulihan Keluarga

Program ini bermatlamat untuk menangani pelbagai isu kekeluargaan melalui bimbingan dan meningkatkan kemahiran kekeluargaan untuk mencapai beberapa sasaran utama seperti pencapaian pendidikan, pekerjaan yang produktif, mengelakkan keganasan dan lain-lain. Pekerja sosial yang berpengalaman dan terlatih serta mahir berbahasa Tamil atau bahasa daerah berkaitan, bekerja bersama-sama keluarga mengenai rancangan penambahbaikan keluarga yang telah dipersetujui, yang menyerapkan komponen nilai dan kerohanian. Sekolah dan kuil yang merupakan tonggak komuniti akan dijadikan akan program di mana relevan dan berkesan.

Program ini akan dirintis selama sekurang-kurangnya dua tahun, dengan belanjawan dan sumber yang mencukupi termasuk sokongan melalui kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan, syarikat swasta dan sektor swasta. Amalan yang terbaik daripada program rintis ini akan dikongsi bersama KPWKM dan agensi lain yang berkaitan untuk tindakan yang lebih bersepadu terhadap keluarga IB40 yang telah dikenal pasti.

¹²¹ Berdasarkan garis dasar pada akhir tahun 2016

PROGRAM RINTIS PEMULIHAN KELUARGA IB40

(Ilustrasi)



2. Mewujudkan kempen 'Keluarga diutamakan' dan platform sokongan

Kempen kesedaran awam ini melengkapkan program Pemulihan Keluarga yang telah dirangka dan dijangka dapat mewujudkan keinginan untuk berubah dalam kalangan keluarga yang bermasalah dan komuniti masyarakat India Malaysia secara umumnya, terutamanya disfungsi yang telah menjadi kebiasaan seperti pengambilan minuman beralkohol berlebihan¹²² dan keganasan. Kempen kesedaran tersebut disertakan dengan maklumat dan khidmat rujukan untuk membantu keluarga yang tampil ke hadapan dengan pertanyaan atau permohonan bantuan.


¹²² Intervensi lebihan penawaran terhadap pengambilan alkohol berlebihan diterangkan dalam bab tambahan.

PROGRAM PENGUKUHAN KELUARGA (AS)

Satu program penanda aras untuk ibu bapa dan anak-anak daripada keluarga yang bermasalah

Program Pengukuhan Keluarga direka bentuk untuk menambah baik kemahiran keibubapaan, mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan mengurangkan tingkah laku yang bermasalah termasuk penyalahgunaan alkohol atau bahan.

Susulan kajian mendapati pengurangan di dalam tingkah laku berisiko termasuk penyalahgunaan alkohol, tembakau dan dadah sehingga lima tahun selepas tamat program pengajian. Program ini telah dijalankan di lebih 35 negara.





BAB 3

Merealisasikan Potensi Setiap Kanak-kanak



Pendidikan & Asuhan

Kepentingan pendidikan sememangnya jelas; mereka yang memperoleh manfaat daripada pendidikan berkualiti pada umumnya mempunyai peluang yang lebih luas dalam kehidupan, pendapatan yang lebih tinggi, kesihatan yang lebih baik dan kualiti hidup yang lebih baik. Pendidikan meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Secara khususnya, pendidikan adalah penting untuk meningkatkan status sosioekonomi kumpulan penduduk yang berada pada paras 40% terbawah. Pendidikan berpotensi untuk menyamaratakan jurang antara kelas sosial. Sememangnya didapati bahawa “persekolahan pascamenengah merupakan penyaring yang dapat menghalang kedudukan ekonomi ibu bapa diwarisi anak-anak mereka, sekali gus menggalakkan keberkesanan ekonomi, keadilan sosial, dan mobiliti sosial.”¹²³

Meskipun banyak yang telah dicapai demi meningkatkan pencapaian pendidikan rakyat Malaysia pada keseluruhannya, namun demikian pencapaian pendidikan dalam kalangan masyarakat India Malaysia menunjukkan bahawa masih terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan dilakukan. Masyarakat India yang masih muda memberikan gambaran yang jelas tentang perkara ini: 9% warga India dalam kumpulan umur 20-24 mempunyai pencapaian pendidikan yang rendah (iaitu hanya setakat menengah rendah), berbanding dengan 6% dalam kaum Melayu dan 5% dalam kaum Cina. Begitu juga dengan kelompok kumpulan umur seterusnya, iaitu yang berumur antara 25-29, 13% warga India dalam golongan umur ini menunjukkan pencapaian pendidikan yang rendah (iaitu hanya setakat menengah rendah), berbanding dengan 9% kaum Melayu dan 7% kaum Cina.¹²⁴



Misi Pelan Tindakan ini adalah untuk merapatkan jurang antara etnik dalam pencapaian pendidikan dan juga untuk memastikan bahawa tahap pencapaian pendidikan minimum tercapai untuk semua kanak-kanak India. Misi ini melengkapkan inisiatif Kerajaan yang lebih luas untuk meningkatkan sistem pendidikan Malaysia sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (“PPPM”) dan Rancangan Malaysia ke-11. Bersandarkan latar belakang ini, Pelan Tindakan ini mensasarkan matlamat untuk memastikan bahawa masyarakat India Malaysia, khususnya kumpulan IB40, boleh mengakses ataupun memperoleh manfaat daripada inisiatif-inisiatif berkaitan di bawah PPPM dan Rancangan Malaysia ke-11. Pelan Tindakan ini akan menjadi pelengkap kepada inisiatif-inisiatif tersebut dengan pendekatan yang bertumpukan kepada kaum India.


123 Haveman, Robert & Smeeding, Timothy (2006) “The Role of Higher Education in Social Mobility” *The Future of Children* Vol. 16 No. 2 pp. 125-150

124 Ciri-ciri Pendidikan dan Sosial Penduduk (2010) Jabatan Perangkaan, Malaysia

Tahap Pendidikan Tertinggi dalam kalangan Penduduk

Berumur
20-24

mengikut Etnik, 2010



Pelan Tindakan ini juga menggariskan matlamat untuk menambah baik intervensi semasa yang menasaskan kaum India, yang diwujudkan buat kali pertamanya baru-baru ini. Menyedari akan keperluan untuk merapatkan jurang yang besar¹²⁵ antara sekolah rendah Jenis Kebangsaan Tamil ("SJKT") dengan sekolah-sekolah jenis lain, maka Kerajaan telah membentuk sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri, iaitu PTST,¹²⁶ untuk meningkatkan status SJKT di seluruh negara. Unit ini juga ditugaskan untuk menghasilkan 'Pelan Tindakan (Action Plan) bagi Masa Depan Sekolah-Sekolah Tamil', suatu piagam yang menyeluruh untuk pembangunan berterusan SJKT di Malaysia. Pelan tindakan ini yang dilancarkan pada Februari 2014 ini turut berperanan sebagai panduan bagi kebanyakan cadangan dalam Pelan Tindakan ini berhubung dengan SJKT.

Intervensi lain yang menasaskan kaum India dilaksanakan oleh SEDIC,¹²⁷ sebuah unit yang ditubuhkan pada 2014 untuk bekerjasama dengan NGO berhubung dengan bantuan sosial dalam pelbagai bidang. Antara program ini termasuklah bantuan untuk pelajar dan belia India dalam mengatasi isu-isu berkaitan dengan masyarakat India di Malaysia. Contohnya peralihan ke sekolah menengah, kelayakan diri dan permohonan ke institusi pengajian tinggi, pencapaian prestasi yang kurang baik atau rendah, keciciran, pendedahan terhadap kumpulan samseng dan lain-lain. Meskipun intervensi ini telah menghasilkan langkah-langkah ke arah kemajuan, namun masih terlalu awal untuk mengesahkan keberkesanannya. Lebih banyak usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap pencapaian pendidikan masyarakat India Malaysia, sekurang-kurangnya mencapai tahap purata kebangsaan. Dalam proses menghasilkan cadangan, Pelan Tindakan ini dipacu oleh keyakinan bahawa intervensi adalah paling berkesan sekiranya dilaksanakan awal dan juga keazaman untuk memastikan bahawa tiada kanak-kanak atau belia di bawah umur 18 tahun yang ketinggalan.

¹²⁵ Jurang tersebut berkaitan dengan beberapa bidang, termasuklah pendidikan prasekolah, infrastruktur dan kemudahan, guru dan latihan guru, pelajar dan pencapaian akademik, lokasi sekolah, kurikulum, pemulihan dan pendidikan khas, kepimpinan, penglibatan ibu bapa dan masyarakat serta hal ehwal kewangan,

¹²⁶ Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-Sekolah Tamil (PTST)

¹²⁷ Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India



Merealisasikan Potensi Setiap Kanak-kanak: Sasaran

Dalam rangka melengkapkan sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia ke-11 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, MIB mengorak langkah-langkah untuk mencapai perkara-perkara yang berikut:

Keseluruhan: Kanak-kanak & Belia



- Memastikan prestasi kanak-kanak IB40 dari segi literasi dan numerasi serta keputusan dalam UPSR dan SPM sekurang-kurangnya setanding dengan purata kebangsaan dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB
- Memastikan kadar keciciran semakin berkurangan dalam kalangan kanak-kanak IB40 pada peringkat sekolah rendah dan menengah ¹²⁸
- Memastikan peningkatan sekurang-kurangnya 30% dalam pendaftaran dan penamatan pengajian dalam kalangan belia IB40 di institusi pengajian tinggi (termasuklah TVET) dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB ¹²⁹

Pendidikan Awal



- Memastikan agar kanak-kanak India Malaysia yang berumur antara 4 hingga 6 tahun, tanpa mengira status pendapatan dan dokumentasi, menerima asuhan atau pendidikan awal ¹³⁰
- Memastikan bahawa semua SJKT yang telah dikenal pasti sebagai 'sesuai untuk prasekolah' telah menubuhkan prasekolah dengan saiz kelas yang mencukupi dalam tempoh) 5 tahun pelaksanaan MIB
- Memastikan bahawa semua prasekolah vernakular India, iaitu prasekolah yang ditubuhkan di SJKT, kuil atau tanah persendirian, dikendalikan oleh guru-

Peringkat Rendah – SJKT



- Memastikan bahawa jurang prestasi antara SJKT dengan SRK dan SJKC dari segi literasi, numerasi dan kadar lulus mata pelajaran UPSR dapat diatasi dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB.
- Memastikan bahawa semua SJKT mencapai standard minimum dari segi infrastruktur, pengambilan kakitangan, dan penunjuk-penunjuk utama yang lain bagi kualiti sekolah dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB.
- Memastikan bahawa semua guru dan guru besar SJKT menunjukkan peningkatan prestasi melalui program pembangunan profesional yang sistematik dan laluan kerjaya yang jelas.
- Memastikan bahawa kanak-kanak SJKT mempamerkan kecekapan berbahasa dan bersedia sepenuhnya untuk memasuki pendidikan aliran utama tanpa perlu menghadiri Kelas Peralihan dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan MIB.

¹²⁸ Kadar keciciran tidak termasuk mereka yang dikenal pasti untuk penstriman ke dalam TVET dan / atau kemasukan ke program kanak-kanak berisiko & belia

¹²⁹ Seperti yang diukur berdasarkan garis dasar 2016/17

¹³⁰ Seiring dengan Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia yang bertujuan memastikan 100% pendaftaran prasekolah sebelum 2020

Peringkat Rendah – Sekolah Kebangsaan



- Memastikan bahawa jurang prestasi dari segi literasi, numerasi, dan UPSR dalam kalangan pelajar India di SRK berbanding dengan rakan-rakan sebaya mereka di SRK, SJKT, dan SJKC dapat diatasi dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB.

Peringkat Menengah



- Memastikan bahawa jurang prestasi antara pelajar India dalam PT3 dan SPM berbanding dengan rakan-rakan sebaya mereka dapat diatasi dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB
- Memastikan bahawa kanak-kanak dan keluarga India memperoleh bimbingan awal berkaitan dengan pasca PT3 atau pendidikan pasca menengah, latihan, perantisan dan pilihan pekerjaan.

Pendidikan Tertinggi



- Membolehkan dan memudahkan pendaftaran sekurang-kurangnya 7% kaum India dalam semua kolej, universiti, politeknik dan institusi pendidikan tinggi/lanjutan yang lain milik Kerajaan, tanpa berkompromi dengan kriteria kemasukan dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB.
- Memastikan bahawa belia-belia India yang layak dan memerlukan bantuan kewangan diberikan biasiswa atau pinjaman pendidikan.

Kanak-Kanak & Belia Berisiko




- Memastikan pengurangan penglibatan belia India dalam jenayah dan delikueni juvenil.
- Memastikan kadar penambahbaikan dalam penilaian risiko salah laku dan kesalahan dalam kalangan kanak-kanak dan belia India.¹³¹

¹³¹ Penilaian risiko akan diwujudkan dan dilaksanakan pada 2017/18 berdasarkan faktor-faktor risiko yang dikenal pasti oleh pengamal bidang, seperti persekitaran keluarga, penggunaan bahan, pelupusan peribadi dan lain-lain

A. Keseluruhan: Kanak-kanak & Belia IB40

Status sosioekonomi yang rendah merupakan punca utama pencapaian pendidikan yang rendah dalam kalangan kanak-kanak. Keadaan ini mengakibatkan status sosioekonomi yang rendah dalam kalangan generasi akan datang dan seterusnya. Pada hakikatnya, kajian antarabangsa menunjukkan bahawa kesan taraf dan kelas ibu bapa terhadap pendidikan kanak-kanak adalah lebih besar berbanding dengan faktor-faktor seperti sekolah atau kualiti guru.¹³² Selain sumber pendapatan, ibu bapa yang memiliki status sosioekonomi yang lebih rendah pada umumnya mempunyai kekurangan dari segi masa, keupayaan tumpuan (attentional bandwidth), kesedaran tentang keperluan keibubapaan, dan 'modal pendapatan kelas' – faktor-faktor yang sama penting atau jika pun lebih penting berbanding dengan kualiti sekolah dan guru.¹³³



SJK DURIAN TUNGGAL, MELAKA

Peruntukan Khas YAB PM sebanyak RM 500,000 untuk dewan sekolah yang baru, disiapkan pada tahun 2016.

Terdapat bukti bahawa kesan ciri-ciri sosioekonomi isi rumah adalah lebih ketara dalam kalangan kaum India Malaysia berbanding dengan etnik-etnik lain

Bagi kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang tidak berpendidikan formal, 33% kanak-kanak Bumiputera dan 44% kanak-kanak Cina berjaya mencapai pendidikan tinggi berbanding dengan hanya 5% kanak-kanak India; pola antara etnik ini adalah sama bagi ibu bapa yang berpendidikan rendah dan menengah. Pola pencapaian pendidikan antara etnik di atas bagi kaum India Malaysia tidak kelihatan pada peringkat tertinggi, iaitu apabila ibu bapa memiliki kelayakan pendidikan tinggi.¹³⁴

Pada tahun 2015, peratusan pelajar India yang lulus semua mata pelajaran dalam peperiksaan UPSR ialah 54%, lebih rendah daripada purata kebangsaan, iaitu sebanyak 66%.¹³⁵ Pada tahun yang sama, peratusan pelajar India yang lulus semua mata pelajaran dalam peperiksaan SPM ialah 44%, lebih rendah daripada purata kebangsaan, iaitu sebanyak 55%.¹³⁶ Terdapat kemungkinan yang besar bahawa kanak-kanak dan belia IB40 merupakan penyumbang utama terhadap pencapaian prestasi yang kurang baik atau rendah ini. Selain prestasi yang kurang baik atau rendah, terdapat juga masalah yang boleh dikatakan lebih serius iaitu keciciran. Dalam kalangan kanak-kanak yang tercicir di peringkat sekolah rendah, lebih kurang 13% merupakan kanak-kanak India, peratus yang tinggi yang tidak seimbang memandangkan kanak-kanak India hanya 7% daripada jumlah pelajar di sekolah rendah. Pada peringkat sekolah menengah, belia India merangkumi 8% daripada jumlah kes keciciran pada tahun 2014. Sekali lagi, terdapat kemungkinan yang besar bahawa kanak-kanak dan belia IB40 merupakan penyumbang utama bagi statistik ini.

¹³² Greenstone, M; Looney, A; Patashnik, J; & Yu, M (2013) Thirteen Economic Facts about Social Mobility and the Role of Education, Policy Memo for The Hamilton Project

¹³³ "Class and family in America: Minding the nurture gap" (2015, March 21) The Economist. Accessed at: <http://www.economist.com/news/books-and-arts/21646708-social-mobility-depends-what-happens-first-years-life-minding-nurture-gap>

¹³⁴ Climbing the Ladder: Socioeconomic Mobility in Malaysia. (Mendaki Tangga Kejayaan; Mobiliti Sosioekonomi di Malaysia) Institut Penyelidikan Khazanah, Oktober 2016

¹³⁵ "Pencapaian UPSR pada Peringkat Kebangsaan dan Kumpulan Etnik India", Kementerian Pendidikan Malaysia.

¹³⁶ "Pencapaian SPM pada Peringkat Kebangsaan dan Kumpulan Etnik India", Kementerian Pendidikan Malaysia

Isu Utama & Intervensi Semasa

Isu berkaitan dengan akses kepada sekolah dan guru berkualiti akan dibincangkan dalam bahagian yang berikutnya dalam bab Pelan Tindakan ini. Walau bagaimanapun, dalam kes kanak-kanak dan belia IB40, keutamaan terpenting adalah untuk mempertimbangkan dan menangani impak daripada ibu bapa dan persekitaran rumah atau keluarga. Sumbangan keluarga terhadap potensi dan prestasi pelajar pada umumnya tidak diterima sebagai faktor utama berbanding dengan kesan sistem pendidikan. Hal ini dapat dilihat melalui peruntukan belanjawan relatif, penyelidikan, dan tumpuan dasar. Menurut pekerja lapangan, pencapaian rendah ibu bapa dan penjaga IB40 dalam bidang pendidikan yang kebanyakan kes, diburukkan lagi oleh masalah buta huruf dan/atau tingkah laku abnormal. Secara relatifnya membuatkan mereka tidak berkemampuan untuk membantu dalam menyiapkan kerja sekolah atau memupuk disiplin dan pengukuhan yang positif berbanding dengan ibu bapa yang berpendapatan sederhana dan tinggi.¹³⁷



SJKT LADANG WEST COUNTRY BARAT, SELANGOR

Pakej Rangsangan Khas sebanyak RM 2.98 Juta untuk bangunan baru, disiapkan pada tahun 2015.

Keupayaan sekolah dan guru untuk menangani prestasi kurang baik berteraskan kelas turut menjadi cabaran. Sekolah dan guru perlu bersedia, peka dan dilatih untuk menangani keperluan kanak-kanak daripada keluarga yang kurang bernasib baik. Dalam kes keluarga India, turut wujud di mana terdapat sesetengah ibu bapa yang dipenjarakan atau yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah atau alkohol.

Beberapa langkah telah diambil untuk membantu kanak-kanak dan belia yang mempunyai latar belakang yang kurang bernasib baik. Program Kerajaan pada umumnya memberikan tumpuan terhadap bantuan kewangan, antara lain, bantuan dalam bentuk buku teks percuma, program makanan tambahan dan bantuan tuisyen. Dari segi intervensi berfokuskan kaum India, langkah-langkah dilaksanakan termasuk geran kepada Badan Bukan Kerajaan ("NGO") untuk mengendalikan tuisyen, bimbingan kerja sekolah, pementoran, serta keterlibatan ibu bapa.


Langkah-langkah ini sememangnya membantu, malah boleh disepadukan dengan lebih baik. Pandangan yang holistik diperlukan untuk, pertama, memastikan liputan yang mencukupi untuk kanak-kanak dan isi rumah IB40, terutama mereka yang paling berisiko disebabkan oleh prestasi rendah yang serius; kedua, untuk mengagihkan bantuan komprehensif yang lebih menyeluruh dan berstruktur berdasarkan keperluan dan profil kanak-kanak serta ibu bapa atau pengasuh; dan ketiga, untuk menilai keberkesanan dan membuat pembetulan tindakan atau pemurnian. Kerjasama antara agensi yang lebih rapat dan penyertaan masyarakat yang lebih banyak juga diperlukan untuk memastikan agar perjuangan untuk meningkatkan kehidupan kanak-kanak dan belia IB40 terus diperjuangkan dengan kepentingan yang dikongsi secara bersama untuk memastikan keberhasilan.

¹³⁷ Periasamy, Santhi (2016) "Underachieving Youths and the Education System: A Case Study of the EWRP Research Programs" dalam Denison, J & Nathan, KS (Eds.) Contemporary Malaysian Indians, Bangi: KITA, hlm. 409-425; Serahan CHILD untuk Rancangan Malaysia Ke-11


CIRI-CIRI IBU BAPA IB40

DENGAN ANAK-ANAK YANG MENGHADIRI SEKOLAH

Tahap penguasaan bahasa yang 'baik' oleh responden IB40 dengan anak-anak yang menghadiri sekolah:



Tahap pendidikan tertinggi responden IB40 dengan anak-anak yang menghadiri sekolah:



Melangkah Ke Hadapan: Syor & Inisiatif MIB

Bagi memastikan kanak-kanak dan belia daripada keluarga IB40 tidak ketinggalan, Pelan Tindakan ini mensasarkan pencapaian sasaran yang berikut:

- Memastikan prestasi kanak-kanak IB40 dari segi literasi dan numerasi serta keputusan UPSR, PT3 dan SPM sekurang-kurangnya setanding dengan purata kebangsaan dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB
- Memastikan aliran menurun kadar keciciran dalam kalangan anak-anak IB40 pada peringkat sekolah rendah dan menengah ¹³⁸
- Memastikan peningkatan sekurang-kurangnya 30% dari segi pendaftaran dan penamatan pengajian belia IB40 di institusi-institusi pengajian tinggi (termasuk TVET) dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB ¹³⁹

Untuk mencapai sasaran ini, Pelan Tindakan ini mensasarkan pencapaian hasil yang berikut:

1. Mewujudkan Inisiatif Prestasi Pendidikan IB40

Untuk menstruktur, menghasilkan, dan melaksanakan inisiatif bersepadu yang memberikan tumpuan pada pemantauan dan pembaikan pencapaian pendidikan kanak-kanak dan belia IB40. Inisiatif itu perlu mempunyai mandat politik yang jelas, skop programatik yang menyeluruh, petunjuk dan sasaran pencapaian utama, belanjawan dan sumber yang khusus, platform untuk kerjasama antara agensi, kumpulan kerja penasihat, dan saluran untuk Perkongsian Awam-Swasta ("PPP") sebagaimana yang digambarkan di bawah. Hasil inisiatif ini akan diterbitkan secara berkala, dan pendekatan perlu sentiasa diselaraskan berdasarkan pembelajaran baharu.

Modul berkaitan dengan keluarga dalam Inisiatif Prestasi Pendidikan IB40 akan dipautkan kepada Program Pemulihan Keluarga (digariskan dalam bab 2 - 'Memenuhi Keperluan Asas' untuk memberi sokongan kepada ibu bapa dan penjaga IB40 dalam mewujudkan budaya pembelajaran yang positif di rumah.

Modul yang berkaitan dengan kes-kes disiplin atau tingkah laku belia berisiko dalam inisiatif keseluruhan ini akan dipautkan kepada Program Belia Berisiko (digariskan dalam bahagian 'Belia Berisiko' di bawah).

Modul yang berkaitan dengan masalah tidak mendaftar di sekolah disebabkan oleh isu-isu dokumentasi akan dipautkan kepada Program Dokumentasi (digariskan dalam bab 'Inklusif').



¹³⁸ Kadar keciciran tidak termasuk mereka yang dikenal pasti untuk penstriman ke dalam TVET dan / atau kemasukan ke program belia yang berisiko

¹³⁹ Seperti yang diukur terhadap garis dasar 2016/17

Inisiatif Prestasi Pendidikan IB40 (Ilustrasi)



Skop

- Pengenalpastian dan pendekatan
- Keperluan pembelajaran pelajar dan aspirasi, termasuk model peranan
- Penglibatan ibu bapa / persekitaran pembelajaran rumah
- Penglibatan guru dan sekolah terhadap keperluan pendidikan IB40
- Sokongan tambahan, contohnya, tuisyen, pendidikan khas
- Penilaian impak, penambahbaikan dan pembinaan kapasiti 'service provider'



Penanda Asas/Sasaran

2016-2017	2018-2020	2021-2025
• Reka bentuk terperinci & penubuhan inisiatif • Pengasasan & pengenalan pelajar, isi rumah, sekolah dan guru (pangkalan data) • Pelaksanaan 25% perancangan daripada pangkalan data; penilaian impak • Pengurangan minimum sebanyak 20% di antara etnik & jurang intra-etnik dalam literasi, numerasi, UPSR, SPM & kadar keciciran berbanding dasar 2016	• Penghalusan Inisiatif berdasarkan amalan pembelajaran / amalan terbaik • 'Outreach' yang berterusan dan pengembangan pangkalan data • Pelaksanaan 60% perancangan daripada pangkalan data, impak yang lebih positif berbanding impak pada 2016-2017 • Pengurangan minimum sebanyak 50% di antara etnik & jurang intra-etnik dalam literasi, numerasi, UPSR, SPM & kadar keciciran berbanding dasar 2016	• Penghalusan Inisiatif berdasarkan amalan pembelajaran / amalan terbaik • 'Outreach' yang berterusan dan pengembangan pangkalan data • Pelaksanaan 100% perancangan daripada pangkalan data, impak yang lebih positif, berbanding impak • Jurang di antara etnik & jurang intra-etnik dalam literasi, numerasi, UPSR, SPM & kadar keciciran berbanding dasar 2016 tidak ketara



Sumber

Insan	Rakan Kongsi & Pihak Berkentingan	Pembiayaan
• Pakar eksekutif domain sepenuh masa serta penasihat • Pegawai khusus untuk menguruskan & menyelia modul • Pasukan penyelidikan dan pengesanan (bersama)	• Penawar Perkhidmatan/NGOs • Kementerian Pelajaran, MOWFCD dan Agensi Bersekutu • Penderma; Rakan Kongsi PPP	• Pembiayaan Kerajaan komited sehingga tahun 2020; 2021-2025 pembiayaan untuk dikaji semula • Bantuan tambahan melalui kerjasama awam swasta (PPP)

2. Memperkemas unit, inisiatif & belanjawan di bawah CCIC yang berkaitan

Bagi melaksanakan Inisiatif Prestasi Pendidikan IB40 dan program-program lain yang berkaitan dengan pendidikan, sumber-sumber yang diagihkan pada masa ini digunakan untuk hal ehwal pendidikan dalam PTST dan SEDIC akan diselaraskan dan diperkukuh untuk menjadi Pasukan Pendidikan dalam Unit Pelaksanaan MIB yang bersepadu.¹⁴⁰ Mandat teras bagi Pasukan Pendidikan adalah untuk menangani jurang prestasi pendidikan pelajar India, terutamanya yang datang dari isi rumah IB40.



3. Mewujudkan Pasukan Petugas Bersama CCIC-KPM berkaitan dengan Pendidikan

Pasukan Petugas Bersama yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan KPM, Unit Pelaksanaan MIB, dan agensi-agensi kerajaan yang lain yang berkaitan yang akan memberikan laporan kepada CCIC adalah dicadangkan untuk ditubuhkan. Pasukan Petugas Bersama itu akan sering bertemu untuk menyelesaikan isu pelaksanaan dan akan mengikuti perkembangan petunjuk yang berkaitan dengan pencapaian pendidikan masyarakat India.

Dalam hal berkaitan dengan prestasi pendidikan IB40 secara khusus, Pasukan Petugas Bersama yang dicadangkan itu akan membangunkan modul. Modul tersebut adalah untuk melatih dan memberikan sokongan secara berterusan kepada guru-guru di SRK dan juga SJKT bagi menangani cabaran dan keperluan kanak-kanak IB40 yang berprestasi kurang baik pada umumnya dan kanak-kanak IB40. Pasukan Petugas Bersama itu juga akan meneroka kemungkinan mewujudkan pembantu guru dan/atau kaunselor berbangsa India untuk memberi sokongan bahasa serta budaya kepada guru yang mengajar pelajar IB40 yang berprestasi kurang baik.

¹⁴⁰ Butiran lanjut tentang entiti Pelaksanaan MIB terdapat dalam Bab Pelaksanaan


B. Pendidikan Awal

Beberapa kajian telah menunjukkan peranan utama pendidikan awal serta asuhan anak dalam membentuk kanak-kanak mencapai kejayaan dalam pelajaran dan seterusnya. Kesan positif dapat dilihat pada perkembangan kanak-kanak dari segi bahasa, literasi, dan kemahiran matematik pada peringkat awal. Begitu juga dari segi kesediaan sosial dan emosi serta dari sudut kecenderungan untuk kekal berada pada landasan dan sentiasa terlibat pada peringkat awal persekolahan.¹⁴¹ Program pembelajaran awal yang berkualiti tinggi boleh membantu menyamaratakan peluang untuk kanak-kanak daripada golongan berpendapatan rendah. Bagi kanak-kanak IB40 khususnya, kekurangan pendidikan awal bermaksud mereka menghadapi halangan sebanyak dua kali ganda apabila memasuki Sekolah Kebangsaan disebabkan oleh permasalahan bahasa.¹⁴²

Adalah dianggarkan bahawa 55% kanak-kanak India yang berumur 5-6 tahun menghadiri prasekolah,¹⁴³ iaitu jurang yang ketara berbanding dengan matlamat 100% pendaftaran pendidikan awal yang dinyatakan dalam MEB.¹⁴⁴

Perlu diambil maklum bahawa di antara mereka yang mendaftar masuk ke prasekolah, kebanyakan mereka menghadiri prasekolah swasta atau prasekolah yang dijalankan oleh pelbagai agensi lain seperti KEMAS.¹⁴⁵ Anggaran 10% kanak-kanak India pada umur prasekolah yang menghadiri prasekolah yang disediakan oleh KPM.¹⁴⁶ Secara keseluruhannya, daripada jumlah pendaftaran dalam prasekolah sahaja yang disediakan oleh KPM, kanak-kanak India Malaysia hanya mewakili 3% daripada jumlah berkenaan manakala Cina sebanyak 5% dan Bumiputera 92%.¹⁴⁷

Jumlah peratusan enrolmen prasekolah oleh KPM



SJKT LADANG SAGGA, NEGERI SEMBILAN

Projek Rangsangan Khas sebanyak RM 4.33 Juta untuk pembinaan bangunan baru dan makmal komputer, disiapkan pada tahun 2016.

¹⁴¹ Yoshikawa, H; Weiland, C; Brooks-Gunn, J; Burchinal, MR; Espinosa, LM; Gormley, WT; Zaslow, MJ (2013) Investing in Our Future: The Evidence Base on Preschool Education Ann Arbor: SRCD

¹⁴² Temu bual bersama PTST & SEDIC

¹⁴³ Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-sekolah Tamil (PTST) 2014.

¹⁴⁴ Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

¹⁴⁵ Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) adalah sebuah unit di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah meningkatkan sara hidup penduduk luar bandar.

¹⁴⁶ "Data Pendaftaran menurut Etnik dan Tahap Pendidikan", Kementerian Pendidikan Malaysia

¹⁴⁷ "Data Pendaftaran mengikut Etnik dan Tahap Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia"

Isu Penting & Intervensi Semasa

Berdasarkan statistik ini, bolehlah dirumuskan bahawa kadar pendaftaran prasekolah dalam kalangan lebih kurang 26,000 kanak-kanak India yang berumur 5 dan 6 tahun khususnya daripada keluarga IB40 ternyata lebih rendah daripada 55%. Ramai ibu bapa IB40 mungkin tidak berkemampuan untuk menghantar anak-anak mereka ke prasekolah yang berdekatan dengan anggapan bahawa terdapat prasekolah berdekatan mampu bayar atau dengan bantuan subsidi. Menurut keterangan orang awam, yuran tuisyen untuk prasekolah KPM dan agensi kerajaan yang lain¹⁴⁸ adalah antara RM10 hingga RM180 sebulan.¹⁴⁹ Ini tidak termasuk yuran pendaftaran yang dibayar sekali sahaja, iaitu antara RM100 hingga RM900. Sebaliknya, prasekolah swasta boleh mengenakan bayaran untuk apa-apa sahaja perkara antara RM10 hingga RM1,000 atau mungkin lebih setiap bulan.¹⁵⁰

Selain dari yuran tuisyen, kos sampingan seperti pengangkutan, kepentingan keselamatan, dan faktor-faktor lain turut menghalang kanak-kanak dari kalangan IB40 mendaftar di prasekolah. Situasi ini tidak bertambah baik disebabkan sebahagian besar keluarga IB40 tidak menyedari atau tidak mendaftar untuk mendapatkan bantuan kebajikan yang dapat menampung perbelanjaan berkaitan dengan pendidikan awal.

Selain isu kemampuan, isu penawaran dan akses, juga adalah sama penting. Tidak semua SRK dan SJKT mempunyai kemudahan prasekolah di premis masing-masing. Taman bimbingan kanak-kanak dan prasekolah tidak banyak terdapat di kawasan yang sangat padat dengan komuniti B40. Walau bagaimanapun, demi keselamatan dan kemudahan, ibu bapa IB40 lebih suka menghantar anak-anak mereka ke prasekolah yang terletak dalam kawasan sekolah.¹⁵¹



SJK MASAI, JOHOR

Peruntukan Khas YAB PM sebanyak RM 2 Juta untuk bangunan baru sekolah, disiapkan pada tahun 2015.

¹⁴⁸ Agensi kerajaan yang mengendalikan prasekolah termasuklah KEMAS, PERPAD-UAN, PASTI, JPNIN, dan sebagainya

¹⁴⁹ "Tadika Pilihan Untuk Anak" (2015, November 13) irrayyan.com. Akses di: <http://www.irrayyan.com/2015/11/tadika-pilihan-untuk-anak.html#>

¹⁵⁰ Mustafa, Lily Muliana & Azman, Mohamed Nor Azhari (2013) "Preschool Education in Malaysia: Emerging Trends and Implications for the Future" American Journal of Economics 3(6), hlm. 347-351

¹⁵¹ Temu bual bersama Prof. Datuk Dr. NS Rajendran (PTST & SEDIC)



SJKT PAYA BESAR, KEDAH

Peruntukan Kerajaan sebanyak RM 9 Juta untuk membina sebuah SJKT baru.

Penawaran guru prasekolah yang terlatih dengan sewajarnya, khususnya di SJKT, juga merupakan isu penting.¹⁵² Pada tahun 2016, kira-kira 60% guru di prasekolah SJKT mempunyai kelayakan yang setara dengan ijazah. Guru-guru prasekolah yang berkelayakan dan memiliki kemahiran untuk mengajar dalam bahasa Tamil atau bahasa vernakular India yang lain dan dapat merapatkan jurang antara bahasa ibunda dengan Bahasa Melayu serta Bahasa Inggeris, adalah terhad.¹⁵³

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk menambah baik akses dan pendaftaran prasekolah seperti inisiatif 'Perluasan Prasekolah' yang dijamin dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan ke-11 serta MEB. Bilangan kelas prasekolah yang dikendalikan oleh Kerajaan telah meningkat secara beransur-ansur kepada hampir 43,000 buah kelas, ditambah dengan 1,700 kelas lagi yang ditubuhkan dan dijalankan oleh sektor swasta melalui geran pelancaran Prasekolah Swasta.¹⁵⁴ Latihan guru dan sistem pemeriksaan telah diwujudkan serta diperkukuh. Bagi membantu keluarga berpendapatan rendah, bantuan yuran prasekolah hingga RM150 sebulan ditawarkan kepada keluarga yang berkelayakan.¹⁵⁵

Selama ini, SEDIC telah berusaha untuk meningkatkan usaha Kerajaan dengan memberikan geran kepada NGO yang berkelayakan demi menubuhkan prasekolah di SJKT dan/atau di kawasan sekitar serta menghantar guru-guru prasekolah SJKT menghadiri program latihan yang berkaitan. Usaha ini telah dapat mempercepat penubuhan prasekolah, meskipun pada masa ini, liputan masih terhad kepada 7,550 kanak-kanak yang kebanyakannya daripada keluarga IB40.

Lebih banyak usaha yang boleh dilakukan dalam kedua-dua aspek. Kerjasama yang lebih rapat antara KPM, PTST dan SEDIC diperlukan untuk memastikan agar kelas-kelas prasekolah diwujudkan dengan secukupnya di kawasan-kawasan yang sangat padat dengan isi rumah IB40 dan B40, sama ada di SRK atau SJKT. Kerjasama yang lebih rapat juga diperlukan untuk memastikan agar semua prasekolah bantuan SEDIC di SJKT diiktiraf secara rasmi dan diintegrasikan dalam kumpulan prasekolah yang disahkan oleh KPM berserta pengawasan oleh KPM dan penambahbaikan guru secara berterusan.

Usaha perlu diteruskan untuk meningkatkan penawaran guru prasekolah terlatih di SJKT serta guru prasekolah berbangsa India di SRK dan prasekolah lain yang dikendalikan oleh kerajaan. Akhir sekali, reka bentuk dan jangkauan program bantuan kewangan boleh diperbaiki untuk memastikan agar semua isi rumah IB40 yang layak menerima bantuan yang mencukupi bagi kewujudan dan kehadiran ke prasekolah.

¹⁵² Temu bual bersama Prof. Datuk Dr. NS Rajendran (PTST & SEDIC)

¹⁵³ Rajendran, NS (2016) "Status of Tamil School Education in Malaysia and Future Prospects" dalam Denison, J & Nathan, KS (Eds.) Contemporary Malaysian Indians, Bangi: KITA, hlm. 387-407

¹⁵⁴ "Laporan Tahunan 2014 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia" Kementerian Pendidikan Malaysia

¹⁵⁵ "Ringkasan Garis Panduan Permohonan Bantuan Yuran Murid Prasekolah Swasta/ Pusat Pendidikan Khas (Pindaan 2015)", Kementerian Pendidikan Malaysia

Melangkah Ke Hadapan: Syor & Inisiatif MIB

Untuk memastikan agar semua kanak-kanak India pada umur prasekolah memperoleh pendidikan awal, sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk mencapai 100% pendaftaran prasekolah, Pelan Tindakan ini bertujuan mencapai sasaran yang berikut:

- Memastikan bahawa kanak-kanak India yang berumur antara 4 hingga 6 tahun, tanpa mengambil kira pendapatan dan status dokumentasi, mendapat asuhan atau pendidikan awal.¹⁵⁶
- Memastikan agar semua SJKT yang dikenal pasti sebagai 'sesuai bagi prasekolah' telah menubuhkan prasekolah dengan saiz kelas yang mencukupi dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan MIB.
- Memastikan bahawa semua prasekolah vernakular India, iaitu prasekolah yang ditubuhkan di SJKT, kuil atau tanah persendirian, dianggotai oleh guru-guru yang memiliki kelayakan atau latihan dalam bidang prasekolah yang mencukupi.

Bagi mencapai sasaran ini, Pelan Tindakan ini mensasarkan pelaksanaan perkara-perkara yang berikut:



1. Mewujudkan Pasukan Petugas Bersama CCIC-KPM berkaitan dengan Pendidikan (sebagaimana yang disebut dalam Bahagian A)

Dalam hal berkaitan dengan pendidikan awal, Pasukan Petugas Bersama menyelesaikan isu-isu pelaksanaan yang berkaitan dengan penawaran prasekolah di SRK dan SJKT serta isu termasuk dengan pengiktirafan dan pengawasan sekolah yang dijalankan oleh NGO di SJKT dan latihan guru.

MIB mengambil maklum bahawa matlamat pendaftaran prasekolah secara menyeluruh menjelang 2020, sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, merupakan usaha yang besar, khususnya untuk kanak-kanak IB40. Sasaran ini perlu disokong dengan kerjasama yang padu antara anggota Pasukan Petugas ini, sumber-sumber yang mencukupi dan penyertaan perkongsian sektor swasta.

¹⁵⁶ Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang bertujuan untuk memastikan 100% pendaftaran prasekolah sebelum 2020



2. Memperkemas unit, inisiatif & belanjawan di bawah CCIC yang berkaitan dengan pendidikan (sebagaimana yang disebut dalam Bahagian A)

Dalam hal berkaitan dengan pendidikan awal, Pasukan Pendidikan yang diperkemas dalam Unit Pelaksanaan MIB akan terus menyokong usaha Kerajaan yang lebih meluas dengan mewujudkan prasekolah di SJKT dan dalam ruang komuniti yang sesuai serta merapatkan jurang kelayakan dalam kalangan guru prasekolah SJKT. Belanjawan daripada unit berasingan sebelumnya di bawah CCIC akan disatukan dan disemak semula. Dana tambahan daripada Perkongsian Awam-Swasta akan turut diusahakan.

Pasukan Pendidikan juga akan membantu dalam mengenal pasti dan mendaftar isi rumah IB40 dengan KPM, eKasih dan Jabatan Kebajikan untuk menerima bantuan yang berkaitan dengan pendidikan awal dan kos-kos sampingan. Pasukan Pendidikan mungkin juga akan melengkapi skim Kerajaan pada masa ini dengan memberikan bantuan bersifat sementara dan khusus. Contohnya ialah baucar yuran tuisyen untuk prasekolah swasta jika tidak terdapat prasekolah yang dikendalikan oleh kerajaan atau prasekolah bersubsidi kerajaan yang berdekatan.



C. Sekolah Rendah Tamil (SJKT)

Dari sudut sejarah, sekolah rendah Tamil di Malaysia ditubuhkan oleh pemilik ladang berbangsa British untuk memenuhi keperluan pendidikan pekerja estet yang kebanyakannya orang Tamil. Infrastrukturnya sangat ringkas dan guru-guru diambil bekerja daripada penduduk estet yang arif berbahasa Tamil atau dibawa bekerja dari India.¹⁵⁷ Pada hari ini, sekolah rendah Tamil atau SJKT dilihat sebagai institusi yang penting untuk memelihara bahasa Tamil dan warisan budaya, khususnya dalam kalangan IB40. Satu tinjauan berskala besar terhadap responden IB40 mendedahkan bahawa 79% lebih suka akan SJKT daripada sekolah jenis lain, sebahagian besar daripada mereka menyebut bahawa budaya dan bahasa sebagai sebabnya.¹⁵⁸ Bahasa Tamil telah digunakan selama ini dan kekal menjadi bahasa pengantar pengajaran di SJKT bagi semua mata pelajaran kecuali Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.



SJKT REGENT, NEGERI SEMBILAN

Pakej Rangsangan Khas sebanyak RM 8.55 Juta untuk penempatan semula, pembinaan bangunan sekolah yang baru dan padang.

Sehingga tahun 2014, terdapat sejumlah 155 SJKT bantuan penuh kerajaan dan 368 SJKT bantuan separa kerajaan.¹⁵⁹ Lebih 70% daripada jumlah sekolah ini terletak di kawasan luar bandar.¹⁶⁰ Dengan bertambahnya perhijrahan ke bandar dan pergerakan keluar generasi daripada sektor perladangan, permintaan untuk SJKT didapati meningkat khususnya di kawasan pinggir bandar yang sangat padat dengan keluarga India.

Kepopularan SJKT secara relatifnya telah meningkat: pada tahun 2015, dianggarkan 55% kanak-kanak India pada peringkat umur sekolah rendah (85,473 pelajar) bersekolah di SJKT berbanding dengan 47% pada tahun 2000.¹⁶¹

¹⁵⁷ Moorthy, Ravichandran (2016) "Ethnic Indians in Malaysia: History and Issues of Development" in Denison, J & Nathan, KS (Eds.) Contemporary Malaysian Indians, Bangi: KITA, pp. 39-56.

¹⁵⁸ Tinjauan bersemuka 2,087 isi rumah IB40 masyarakat India Malaysia dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia pada bulan Julai hingga September 2016. Sekretariat MIB.

¹⁵⁹ PTST, sekolah bantuan kerajaan adalah sekolah yang sebahagiannya dibiayai oleh Kerajaan (melalui geran) dengan dana yang selebihnya dibiayai oleh sumber-sumber alternatif

¹⁶⁰ "Pendidikan Statistik Malaysia 2015", Kementerian Pelajaran Malaysia

¹⁶¹ 2000 data diekstrak daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Data tahun 2015 dikira berdasarkan Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-Sekolah Tamil dan "Statistik Pendaftaran Kanak-Kanak India di sekolah yang didaftar dengan KPM 2014" yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.



SJKT DENGKIL, SELANGOR

Peruntukan Khas YAB PM sebanyak RM 1.8 Juta untuk blok sekolah dan makmal sains.

Jika dibandingkan dengan beberapa dekad yang lalu, prestasi pelajar SJKT telah menunjukkan peningkatan walaupun masih di bawah purata kebangsaan: pada tahun 2015, hanya 47% pelajar SJKT lulus semua mata pelajaran dalam peperiksaan UPSR¹⁶² berbanding dengan purata kebangsaan 66%.¹⁶³ Walau bagaimanapun, prestasi mereka yang lulus secara relatifnya telah meningkat – jurang dalam “Gred Purata Nasional” (GPN) antara SJKT dengan purata kebangsaan untuk UPSR menurun daripada 0.27 mata pada tahun 2010 kepada 0.07 mata pada tahun 2014, walaupun jurang itu meningkat kembali pada tahun 2015 kepada 0.25 mata.¹⁶⁴



SJKT SIMPANG LIMA, SELANGOR

Peruntukkan oleh The Community Chest (TCC) sebanyak RM 6 Juta untuk pembinaan 3 blok 4-tingkat dan makmal sains.

¹⁶² PTST

¹⁶³ “Pencapaian UPSR Pada Peringkat Nasional dan Kumpulan Etnik India”, Kementerian Pendidikan Malaysia

¹⁶⁴ “Gred Purata Nasional” (GPN) adalah purata skor yang dicapai oleh murid di semua sekolah dalam peperiksaan tertentu. Skor GPN adalah antara 1 hingga 5, dengan 1 menunjukkan skor yang sempurna. Jurang melebar dianggarkan disebabkan oleh perubahan drastik dalam format peperiksaan UPSR, persediaan yang tidak mencukupi oleh guru dan pelajar dalam menangani perkara ‘higher-order thinking’ (HOT) serta skema pemarkahan yang lebih ketat. Sumber: Sesi dialog oleh PTST bersama guru-guru dan Pengarah Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia.



Prestasi pencapaian matematik secara mapan adalah tinggi. Walau bagaimanapun, prestasi dalam Sains dan terutamanya bahasa (selain Tamil) agak tidak menentu¹⁶⁵ sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk memperbaiki skor ini. Prestasi yang rendah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menyumbang kepada masalah peralihan dan pengarusperdanaan ke sekolah menengah kebangsaan berpengantar Bahasa Melayu, yang mungkin tidak dapat diselesaikan sepenuhnya dengan kaedah pemulihan yang dimandatkan pada masa ini, iaitu Kelas Peralihan.



Meskipun secara relatif berprestasi rendah, terdapat tanda-tanda pelajar India dari SJKT boleh menunjukkan prestasi yang lebih baik dari segi parameter pendidikan yang lain. Pakar-pakar SJKT mendapati bahawa kadar keciciran dalam kalangan pelajar India SJKT adalah lebih rendah berbanding dengan pelajar India dari SRK. Tambahan pula, pelajar India yang datang dari SJKT didapati lebih berkemungkinan menamatkan pengajian hingga Tingkatan 5 berbanding dengan pelajar India lain dari SRK.¹⁶⁶

¹⁶⁵ Analisis pencapaian UPSR. Sumber: PTST dan Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia

¹⁶⁶ Pemerhatian daripada 323 wakil-wakil NGO yang mengambil bahagian dalam 26 mesyuarat bersama PTST. Sumber: Laporan PTST, 2014.

Isu Penting & Intervensi Semasa


Salah satu isu utama yang dihadapi oleh SJKT ialah infrastruktur yang daif. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, penambahbaikan yang ketara telah dibuat dalam hal ini. Mengakui hakikat keadaan sekolah yang daif, kerajaan telah berjanji untuk meningkatkan keadaan bilik darjah dan kemudahan di SJKT dengan memperuntukkan kira-kira RM800 juta sejak tahun 2009.¹⁶⁷ Kerajaan juga telah mewujudkan sebuah unit di Jabatan Perdana Menteri, iaitu PTST, pada tahun 2012 untuk memastikan pelaksanaan komitmen ini khususnya di sekolah-sekolah bantuan kerajaan.

Lebih kurang 346 sekolah telah dinaik taraf sejak 2009.¹⁶⁸ Walau bagaimanapun, dianggarkan bahawa 140 sekolah masih dalam keadaan yang daif.¹⁶⁹ Kira-kira 40% SJKT mempunyai makmal komputer yang diperlukan untuk pelaksanaan kurikulum kebangsaan dengan sepenuhnya. Kerjasama antara agensi yang lebih rapat dan akauntabiliti diperlukan untuk mengatasi inersia organisasi dan memastikan SJKT yang dibiayai sepenuhnya menerima kerja-kerja menaiktaraf yang diperlukan. Bagi SJKT Bantuan Kerajaan, lembaga sekolah perlu lebih bertanggungjawab dan telus untuk mengekang kelewatan disebabkan oleh politik dalaman atau percanggahan dalam anggaran kos.

Satu lagi isu penting yang berkaitan dengan SJKT ialah keupayaan guru. Kira-kira 45% guru SJKT memegang ijazah Sarjana Muda dan kelayakan yang lebih tinggi; sebilangan besar guru yang selebihnya hanya memiliki SPM sebagai kelayakan tertinggi mereka.¹⁷⁰ Selain kelayakan formal, pekerja lapangan mendapati bahawa guru-guru kekurangan kemahiran insaniah khususnya dalam mengendalikan pelajar yang berprestasi rendah atau bemasalah, walaupun masalah ini tidak terbatas kepada SJKT sahaja. Di samping itu, terdapat kekurangan bilangan guru yang fasih berbahasa Tamil dan boleh mengajar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris iaitu suatu kemahiran yang penting untuk merapatkan jurang dalam penterjemahan dan pemahaman antara bahasa.¹⁷¹



Kelayakan Guru SJKT



¹⁶⁷ PTST

¹⁶⁸ PTST

¹⁶⁹ "Malaysian Indians and the New Economic Model", Institute of Ethnic Studies (KITA), University Kebangsaan Malaysia (UKM)

¹⁷⁰ PTST

¹⁷¹ Terdapat kekurangan guru Bahasa Melayu sebanyak 585 guru Bahasa Inggeris sebanyak 374 di SJKT. Sumber: Laporan PTST 2014



Sejajar dengan PPPM, Kerajaan telah memperkenalkan program pembangunan profesionalisme berterusan untuk guru. PTST dan SEDIC telah melengkapinya dengan menyegerakan latihan guru dalam mata pelajaran sasaran dan bekerjasama dengan KPM untuk melatih dan melantik semula guru bukan bahasa untuk menjadi guru pelbagai mata pelajaran ("Guru Opsyen"). Pelaksanaan latihan sedemikian perlu terus disegerakan untuk mengatasi kekurangan yang dinyatakan. Begitu juga, seperti yang disebut dalam bahagian IB40, sekolah dan guru perlu dilengkapi, ditingkatkan kepekaannya dan dilatih untuk menangani keperluan kanak-kanak berprestasi rendah daripada keluarga yang kurang bernasib baik, termasuk mereka yang bersekolah di SJKT.

Persediaan yang mencukupi untuk pelajar diurusperdanakan ke dalam sekolah menengah berpengantar Bahasa Melayu juga menjadi isu bagi SJKT. Pelajar yang tidak cukup mahir menggunakan Bahasa Melayu bukan sahaja akan ketinggalan dalam penguasaan mata pelajaran, malah mereka juga akan hilang keyakinan dan gagal untuk berintegrasi dari segi sosial dengan rakan sebaya mereka yang tidak bertutur dalam bahasa Tamil.¹⁷²

Untuk membantu pelajar sedemikian, melalui PPPM 2013-2025, kerajaan telah memperkenalkan kurikulum standard Bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah dengan sokongan yang intensif untuk pelajar yang menghadapi kesukaran belajar dalam Tahun 4 hingga 6. Pelajar di SJKT yang menghadapi kesukaran dalam mengatasi kelemahan akan menghadiri kelas pemulihan Bahasa Melayu selepas waktu persekolahan. Bagi memperbaiki lagi kefasihan mereka dalam bahasa Inggeris, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Program Dwibahasa (DLP) dalam pengajaran subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).¹⁷³ Untuk melengkapinya, SEDIC juga telah membiayai kem penyerapan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris untuk pelajar yang dikenal pasti. Usaha ini patut diteruskan dan ditambah baik lagi untuk menjamin bukan sahaja kadar lulus dalam peperiksaan tetapi yang lebih penting lagi ialah menguasai kemahiran sebenar.



Literasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah amat penting untuk membina ekonomi berpengetahuan dan usaha juga perlu dilakukan untuk memastikan pelajar SJKT tidak ketinggalan dalam hal ini. Salah satu inisiatif untuk meningkatkan literasi ICT dalam kalangan pelajar SJKT ialah Program Titian Digital¹⁷⁴ oleh Pertubuhan Belia Hindu, dengan kerjasama Yayasan Komuniti & Pendidikan Malaysia dan disokong oleh Kerajaan Malaysia. Pada masa ini, 58 buah sekolah Tamil Bantuan Kerajaan menyertai program ini untuk melengkapinya dengan makmal ICT dan melatih pelajar dalam literasi ICT.

Akhir sekali, sebahagian besar SJKT di lokasi tertentu menghadapi isu kekurangan murid. Perhijrahan masyarakat India ke kawasan bandar telah menyebabkan sebilangan besar SJKT di luar bandar dan kawasan estet mempunyai bilangan pelajar yang amat sedikit ("Sekolah Kurang Murid"). Daripada 523 buah SJKT di Malaysia, 322 buah atau 62% mempunyai kurang daripada 150 pelajar. Daripada 322 buah sekolah ini, hampir separuh atau 158 buah sekolah mempunyai kurang 50 pelajar.¹⁷⁵

¹⁷² Temu bual bersama PTST, SEDIC, and various NGOs.

¹⁷³ 'Program Dwibahasa' memberikan pilihan kepada sekolah yang layak untuk mengajar mata pelajaran STEM dalam bahasa Inggeris. Sumber: KPM

¹⁷⁴ Dijalankan oleh Pertubuhan Belia Hindu (HYO) dengan kerjasama Yayasan Komuniti & Pendidikan Malaysia dan disokong oleh Kerajaan Malaysia.

¹⁷⁵ PTST

Sekolah Jenis Kebangsaan,
"Bilangan pelajar di Sekolah Kurang Murid (SKM)"

Jumlah  **322** **Sekolah**

 **101-150 Pelajar**

59 Sekolah

 **51-100 Pelajar**

105 Sekolah

 **26-50 Pelajar**

84 Sekolah

 **11-25 Pelajar**

58 Sekolah

 **0 - 10 Pelajar**

16 Sekolah



Usaha mengekalkan kualiti di sekolah kurang murid merupakan satu cabaran. Disebabkan oleh lokasi yang agak jauh, amat sukar untuk menarik dan mengekalkan bilangan guru dan guru besar berprestasi tinggi yang mencukupi atau untuk menyediakan tawaran dan kemudahan kokurikulum yang menyeluruh. Hal ini menjejaskan kehadiran pelajar dan keberhasilan pendidikan.

Pada masa yang sama, usaha memindahkan atau menggabungkan sekolah kurang murid adalah mencabar dan rumit. Memandangkan perkara ini berkaitan dengan lokasi dan jarak, banyak keluarga yang tidak mampu untuk menanggung kos perjalanan ke sekolah gantian baharu. Kebanyakan keluarga juga lebih suka jika sekolah kekal berada di kawasan mereka supaya anak-anak kecil ini dapat belajar berdekatan dengan rumah, walaupun sekolah itu kekurangan murid.¹⁷⁶

Usaha menempatkan semula sekolah kurang murid memerlukan pendekatan berdasarkan kes. Selaras dengan usaha ini, SEDIC telah membiayai sebuah NGO¹⁷⁷ untuk melibatkan masyarakat dan menguruskan penempatan semula 22 buah SJKT kurang murid. Inisiatif ini melibatkan perbincangan terperinci dengan keluarga yang terlibat dan pemilihan lokasi yang sesuai untuk sekolah baharu secara teliti. Usaha ini perlu diperluas untuk meliputi lebih banyak sekolah jika penempatan semula merupakan pilihan yang praktikal berdasarkan jarak yang terbabit. Bagi sekolah yang mana penempatan semula tidak begitu sesuai, maka lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk menyepadukan platform pembelajaran dalam talian yang disediakan oleh KPM dan untuk menyesuaikan kandungan dalam talian untuk SJKT.¹⁷⁸

¹⁷⁶ Daripada temu bual bersama SEDIC dan PTST, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

¹⁷⁷ Pertubuhan Pembangunan dan Kemajuan Sekolah Tamil Malaysia (PPST)

¹⁷⁸ Dalam Rancangan Malaysia ke-11, Kerajaan merancang untuk memperkukuh pembelajaran dalam talian di semua sekolah. Pelan hala tuju pembangunan kandungan digital akan dibentuk untuk mendigitalkan kurikulum pendidikan prasekolah hingga sekolah menengah, dalam usaha untuk memungkinkan pembelajaran maya dan interaktif.

Melangkah Ke Hadapan: Syor & Inisiatif MIB

Sebagai respons kepada tuntutan masyarakat India Malaysia, kerajaan telah meluluskan penubuhan 6 buah lagi SJKT bantuan penuh pada tahun 2012 di lokasi yang padat dengan masyarakat India. Walaupun kerajaan menyokong mod pengajaran yang berbeza yang menggalakkan tahap pembelajaran tinggi, namun demikian usaha ini mesti diseimbangkan dengan kepentingan integrasi sosial dan identiti negara. Oleh itu, Pelan Pembangunan ini menyokong usaha untuk meneruskan pendekatan meluluskan SJKT baharu mengikut kes, berdasarkan penilaian keperluan masyarakat tempatan serta mengambil kira pendekatan alternatif seperti pengukuhan pengajaran bahasa ibunda di sekolah kebangsaan.

Fokus Pelan Pembangunan ini adalah untuk merapatkan jurang prestasi di SJKT yang sedia ada dan untuk membantu pelajar dalam proses peralihan ke persekitaran sekolah menengah berpengantar Bahasa Melayu. Sejajar dengan fokus ini, Pelan Pembangunan ini menetapkan matlamat untuk mencapai sasaran yang berikut bagi SJKT:

- Memastikan jurang prestasi SJKT berbanding dengan SRK dan SJKC dari segi literasi, numerasi dan kadar lulus mata pelajaran UPSR dirapatkan dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB
- Memastikan semua SJKT mencapai standard minimum dari segi infrastruktur, perjawatan, dan petunjuk utama yang lain mengenai kualiti sekolah dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB
- Memastikan semua guru dan guru besar SJKT menunjukkan peningkatan prestasi melalui program peningkatan profesionalisme yang sistematik dan dengan laluan kerjaya yang jelas
- Memastikan kanak-kanak SJKT mempamerkan kemahiran berbahasa dan bersedia sepenuhnya untuk pendidikan arus perdana, tanpa ada yang perlu menghadiri Kelas Peralihan dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan MIB

Untuk mencapai sasaran ini, Pelan Pembangunan ini berhasrat untuk melaksanakan perkara-perkara yang berikut:



1. Pelan Tindakan SJKT

Pelan Tindakan SJKT, yang diterbitkan oleh PTST pada tahun 2014, terdiri daripada langkah-langkah terperinci untuk memastikan bilik darjah dan kemudahan di SJKT dinaik taraf; kelayakan dan keupayaan guru ditingkatkan; pelajar bersedia untuk menyertai pendidikan arus perdana; dan sekolah kurang murid ditempatkan semula atau pun diperkukuh.

Keberkesanan pelaksanaan Pelan Tindakan SJKT akan dipantau sepanjang tempoh Pelan Pembangunan ini.

PELAN TINDAKAN SJKT

Tema	Matlamat	Tindakan Utama
Prasekolah	Setiap pelajar SJKT harus diberi peluang untuk menghadiri prasekolah	- Membina prasekolah di setiap SJKT - Semua SJKT dilengkapi dengan kemudahan asas prasekolah - Merekrut pembantu guru yang mahir dalam bahasa Tamil
Infrastruktur	Semua SJKT perlu dilengkapi dengan kemudahan asas untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif	- Memastikan kemudahan lengkap seperti perpustakaan, makmal sains dan komputer, bilik musik, peralatan sukan dan lain-lain - Membaiki dan menaiktaraf kemudahan asas dengan pantas
Guru	Setiap guru SJKT harus dilatih secara profesional dan diberi peluang untuk peningkatan profesional secara berterusan	- Menugaskan guru-guru untuk latihan profesional & menggalakkan peningkatan profesional secara berterusan - Meningkatkan jumlah guru yang mahir dalam bahasa Tamil
Pelajar dan Pencapaian	Setiap pelajar perlu menguasai kemahiran 3M (Membaca, Menulis & Mengira) dan kemahiran lain yang kritikal untuk abad ke-21	- Memastikan kelas pemulihan khas diwajibkan permulaan Tahun 4 - Meyertakan Bahasa Tamil dalam Program LINUS - Memupuk kemahiran keusahawanan
Kurikulum	Menyelaraskan kurikulum SJKT dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Kurikulum & Tahap Pendidikan Antarabangsa	- Melatih guru untuk mengajar secara efektif - Menempatkan guru sukan yang berkecayaan - Meningkatkan pengajaran berasaskan ICT - Merancang dan melaksanakan pembelajaran HOTS - Menyediakan kakitangan pemantauan dan sokongan yang mencukupi bagi memastikan penyampaian kandungan yang berkualiti
Kepimpinan	Semua SJKT harus mempunyai guru besar yang berkualiti dan pasukan kepimpinan untuk memacu prestasi sekolah	- Guru besar harus menghadiri kursus kepimpinan, pengurusan, penglibatan masyarakat kewangan - Guru besar yang berkecayaan NPQEL
Ibu bapa dan Komuniti	Semua kepimpinan SJKT harus membentuk perkongsian strategik dengan ibu bapa, PIBG, NGO, LPS, sektor swasta, dll.	- Mewujudkan jawatankuasa pembangunan dan pemantauan dengan penyertaan ibu bapa - Bekerjasama dengan ibu bapa, NGO dan kuil - Sesi dialog yang berterusan
Penempatan Semula	Setiap kanak-kanak Malaysia patut mendapat akses pendidikan yang sama mengikut pilihan mereka (dalam kes sekolah kurang murid)	- MOE mempercepatkan penempatan semula SJKT - Penukaran SJKT bantuan kerja kepada SJKT kerajaan
Dana Pusingan & Lain-lain	Untuk melibatkan diri dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk pembangunan model pembiayaan yang mampan untuk SJKT	- Menubuhkan dana amanah untuk membantu SJKT - Mewujudkan dana khas kerajaan negeri untuk pembangunan SJKT



2. Meningkatkan penyertaan masyarakat untuk membantu merapatkan jurang

Penglibatan yang lebih banyak oleh masyarakat, sama ada secara langsung (contohnya, penglibatan dalam operasi sekolah) atau secara tidak langsung (penelitian awam) boleh membantu meningkatkan kelancaran pelaksanaan. Dari segi penglibatan secara langsung, Pelan Pembangunan ini mencadangkan untuk menubuhkan Lembaga Penasihat Pembangunan Sekolah Tamil dalam lingkungan skop Pasukan Pendidikan yang diperkemas dalam Unit Pelaksanaan MIB. Lembaga itu akan merancang dan membantu dalam menilai pembangunan jangka panjang SJKT.

Pelan Pembangunan ini juga bercadang untuk membina lebih banyak Perkongsian Awam-Swasta untuk menambah baik kemudahan SJKT, untuk meningkatkan kemahiran guru SJKT, dan untuk meningkatkan kemahiran bahasa, numerasi dan ICT dalam kalangan pelajar SJKT. Bagi SJKT yang disasarkan, termasuk SJKT kurang murid, Pelan Pembangunan ini bercadang untuk meneroka pelaksanaan model Sekolah Amanah¹⁷⁹ untuk menghasilkan pemulihan prestasi yang pantas atau meluas.



Dari segi penyertaan masyarakat secara tidak langsung, Pelan Pembangunan ini bercadang untuk menerbitkan jadual liga SJKT yang menilai prestasi SJKT dalam semua indikator utama kualiti sekolah berbanding dengan standard minimum. Sekolah-sekolah digalakkan untuk menyiarkan secara berkala rancangan penambahbaikan sekolah masing-masing, dan mengalu-alukan penyertaan dan maklum balas daripada ibu bapa dan masyarakat tempatan.

¹⁷⁹ Contoh Sekolah Amanah Malaysia ialah Perkongsian Awam Swasta antara KPM dengan Yayasan Amir. Di bawah persetujuan ini, Yayasan Amir membantu KPM dalam bidang terpilih termasuk pedagogi dan penjejakan prestasi antara lain.

D. Kanak-kanak & Belia India di Sekolah Rendah & Menengah Kebangsaan

Dianggarkan 38% kanak-kanak India peringkat umur sekolah rendah mendaftar di sekolah rendah kebangsaan, manakala kira-kira 80% belia India peringkat umur sekolah menengah mendaftar di sekolah menengah kebangsaan.¹⁸⁰ Berdasarkan data tahun 2015 yang diperoleh mengenai kadar lulus keseluruhan pelajar India dalam UPSR (54%) berbanding dengan kadar lulus pelajar SJKT (47%), boleh dirumuskan bahawa pelajar India di SRK meningkatkan kadar lulus keseluruhan dengan menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada pelajar India di SJKT. Walau bagaimanapun, prestasi keseluruhan pelajar India merosot di sekolah menengah. Sepertimana yang disebut dalam bahagian 'Kanak-kanak dan Belia IB40', pada tahun 2015, hanya 44% pelajar India lulus semua mata pelajaran dalam peperiksaan SPM berbanding dengan purata kebangsaan sebanyak 55%. Terdapat kemungkinan bahawa pelajar dari SJKT menyumbang secara tidak seimbang kepada kadar lulus yang rendah itu disebabkan oleh masalah kesediaan beralih ke persekitaran yang menggunakan bahasa pengantar Bahasa Melayu, walaupun alasan ini tidak cukup untuk menjelaskan prestasi keseluruhan SPM yang jauh lebih rendah berbanding dengan pencapaian UPSR. Daripada bilangan pelajar India yang lulus SPM, dapat diperhatikan bahawa mereka tidak mendapat sokongan dan bimbingan tentang pilihan pendidikan lanjutan sepertimana yang diterima oleh rakan sebaya mereka yang lain.¹⁸¹

Selain status ekonomi keluarga (dibincangkan dalam bahagian 'Kanak-kanak dan Belia IB40' di atas) dan kesan yang berkaitan dengan kumpulan samseng dan budaya belia berisiko (dibincangkan dalam bahagian 'Belia Berisiko' di bawah), prestasi rendah dalam kalangan pelajar India di sekolah kebangsaan menjurus kepada kemungkinan cabaran yang berkaitan dengan etnik.



¹⁸⁰ Anggaran berdasarkan data banci dan "Statistik Enrolmen Kanak-Kanak India di sekolah yang berdaftar dengan KPM 2014" disediakan oleh Kementerian Pendidikan.

¹⁸¹ Temu bual bersama pelbagai pihak berkepentingan daripada agensi Kerajaan dan NGO.

Isu Penting & Intervensi Semasa

Salah satu cabaran yang berkaitan dengan etnik ialah kecenderungan ketidakadilan. Ketidakadilan etnik (dan jantina) dalam pendidikan merupakan sebahagian daripada lumrah hidup. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa layanan tidak sama rata oleh guru terutamanya terhadap pelajar minoriti adalah perkara yang sering berlaku di kebanyakan negara, walaupun dalam kalangan guru yang paling peka tentang kepelbagaian budaya. Layanan tidak sama rata mungkin diberikan dalam pelbagai aspek, daripada jangkaan terhadap prestasi pelajar, masa dan tenaga yang diperuntukkan, sehinggalah kepada teguran dan hukuman.

Walaupun ketidakadilan etnik dalam bilik darjah sekolah kebangsaan diperhatikan dan diakui secara peribadi,¹⁸² namun demikian perkara itu jarang diakui secara terbuka. Akibatnya, masalah itu tidak dititikberatkan dan diselesaikan dengan secukupnya. Tambahan pula, penyelesaian yang dicadangkan pada kebiasaannya berasaskan kaum atau bersifat ulangan penduaan – contohnya, mengadakan lebih banyak institusi berasaskan bangsa – untuk mengelakkan persoalan pokok.



KPM telah mengambil langkah awal ke arah mengukur masalah ketidakadilan melalui kanta kepelbagaian dan perpaduan. 'Indeks Perpaduan' diwujudkan untuk mengukur penerimaan, rasa hormat, dan pengurusan kepelbagaian dalam kalangan sekolah.

Tinjauan rintis menunjukkan bahawa skor tertinggi dalam kalangan guru adalah untuk 'mengurus kepelbagaian', manakala skor terendah adalah untuk 'menerima kepelbagaian'. Dalam kalangan pelajar pula, skor tertinggi adalah untuk 'menghormati kepelbagaian', manakala skor terendah adalah untuk 'menerima kepelbagaian'.¹⁸³ Jelas sekali terdapat keperluan untuk memahami dinamik di sebalik skor ini dan seterusnya mengambil langkah penambahbaikan.

Penerimaan sedemikian boleh ditingkatkan jika prestasi pendidikan kaum India dizahirkan semula sebagai isu negara. Prestasi pendidikan kaum India bukan sahaja penting untuk mendukung prinsip keadilan dalam pendidikan, malahan prestasi itu juga mustahak untuk mengurangkan kos sosial bagi pengambilan pekerja kaum India yang berkemahiran rendah, peminggiran masyarakat dan isu jenayah. Pendekatan yang tepat untuk meningkatkan kesedaran dan kepekaan dalam kalangan sekolah, guru, pegawai kerajaan, dan pihak berkepentingan yang lain amat diperlukan.¹⁸⁴

¹⁸² Daripada temu bual bersama pelbagai pihak berkepentingan, kerajaan, dan NGO. Rujukan lanjut tentang perkauman bias rakan ke rakan: Mohamad Salleh, Norshidah & Zainal, Khalim (2014) "Bullying Among Secondary School Students in Malaysia: A Case Study", *International Education Studies* Vol. 7 No. 13, pp. 184-191

¹⁸³ Laporan Tahunan 2014 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

¹⁸⁴ Salah satu isu yang berkaitan ialah keupayaan guru dan sekolah untuk menangani keperluan pelajar berprestasi rendah dan bermasalah yang kebanyakannya datang daripada keluarga berpendapatan rendah. Isu ini dibincangkan dalam bahagian 'Kanak-Kanak dan Belia IB40' di atas.

Satu lagi cabaran yang berkaitan dengan etnik ialah kualiti pengintegrasian ke dalam persekitaran yang lebih bersifat berbilang kaum pada peringkat menengah, terutamanya bagi pelajar dari SJKT. Selain menangani bahasa pengantar yang baharu, mereka juga mesti menyesuaikan diri dengan landskap budaya yang berbeza. Mereka yang mesti menghadiri Kelas Peralihan menghadapi risiko yang lebih besar untuk tersisih kerana mereka sering dinilai dan diketepikan oleh guru dan rakan sebaya mereka.¹⁸⁵ 62% daripada ibu bapa yang mempunyai anak di SJKT berpendapat bahawa kelas peralihan tidak patut diteruskan.¹⁸⁶


KPM telah memperhebat pelaksanaan RIMUP ("Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan") untuk meningkatkan interaksi antara etnik yang bukan sahaja merentas jenis sekolah yang berlainan tetapi juga dalam lingkungan sekolah. Tinjauan ke atas sekolah telah menunjukkan bahawa lebih 70% sekolah telah melaksanakan pelbagai amalan integratif seperti susunan tempat duduk bercampur dan pembentukan pasukan bercampur semasa aktiviti kokurikulum.¹⁸⁷ Ibu bapa daripada pelbagai etnik sememangnya digalakkan untuk berinteraksi semasa aktiviti itu. Usaha sedemikian perlu diteruskan, dengan sasaran yang lebih besar untuk membantu pelajar yang memerlukan bantuan menyesuaikan diri dalam persekitaran yang berbilang kaum.



Kekurangan kepelbagaian dalam kalangan tenaga pengajar dan kakitangan pentadbiran sekolah turut menyumbang kepada masalah ini. Menurut PPPM, kepelbagaian dalam populasi guru di sekolah kebangsaan semakin merosot dan kurang mewakili populasi negara.¹⁸⁸

Pada tahun 2011, hanya 5% guru di sekolah kebangsaan berbangsa India, manakala 81% merupakan Bumiputera dan 14% berbangsa Cina.¹⁸⁹ Kepelbagaian etnik dalam kalangan guru perlu ditingkatkan terutamanya di kawasan bandar yang lebih mewakili kepelbagaian etnik.

Peratus Guru Mengikut Etnik



¹⁸⁵ Nagappan, R; Maniam, M; Periasamy, S; Rao, R; Devarajoo, K & Velu, J (2012) Exploring Remove Classes in Malaysia: A Study to Evaluate Their Effectiveness Kuala Lumpur: EWRFF

¹⁸⁶ Tinjauan bersemuka terhadap 2,087 penduduk berbangsa India Malaysia dalam keluarga B40 di seluruh Semenanjung Malaysia yang dijalankan pada bulan Julai hingga September 2016. Sekretariat MIB

¹⁸⁷ Laporan Tahunan 2014 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

¹⁸⁸ Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

¹⁸⁹ Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Melangkah Ke Hadapan: Syor & Inisiatif MIB

Untuk merapatkan jurang pencapaian pendidikan antara etnik dalam lingkungan sekolah kebangsaan dan menengah, Pelan Pembangunan ini menetapkan matlamat untuk mencapai sasaran yang berikut:

- Memastikan jurang prestasi dalam literasi, numerasi dan UPSR dalam kalangan pelajar India di SRK berbanding dengan rakan sebaya mereka di SRK, SJKT dan SJKC dihapuskan dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB
- Memastikan jurang prestasi pelajar India berbanding dengan rakan sebaya mereka dalam PT3 dan SPM dihapuskan dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB
- Memastikan semua kanak-kanak dan keluarga India mendapat bimbingan awal (selepas PT3) tentang pendidikan selepas sekolah menengah, latihan dan pilihan perantisan/ pekerjaan

Untuk mencapai sasaran ini, Pelan Pembangunan ini berhasrat untuk melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

1. Mewujudkan Inisiatif Prestasi Pendidikan IB40 (sepertimana yang disebut dalam

Mandat Inisiatif ini adalah mencakupi pelajar India di sekolah vernakular dan juga sekolah kebangsaan. Ini adalah untuk memastikan prestasi pelajar India di sekolah kebangsaan turut dipantau dan dikenal pasti untuk bantuan bersasaran.



2. Mewujudkan Pasukan Petugas Bersama CCIC-KPM mengenai Pendidikan

Bagi sekolah kebangsaan, Pasukan Petugas Bersama itu akan memantau dan mensasarkan sekolah kebangsaan untuk intervensi berdasarkan jadual liga jurang prestasi pendidikan antara etnik dan juga indeks perpaduan. Intervensi ini termasuklah pembangunan, perintisan, dan pelaksanaan modul yang direka khusus untuk meningkatkan kepekaan guru dan kepimpinan di sekolah. Sekolah yang cemerlang dalam hubungan antara etnik dan pencapaian pendidikan akan ditonjolkan dan diiktiraf, termasuklah sekolah yang telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam hal ini.

Unit Pelaksanaan MIB dan Pasukan Petugas Bersama akan turut berusaha untuk meningkatkan pelaburan dan sokongan untuk bahasa Tamil dan pendidikan budaya dalam program Bahasa Ibunda (People's Own Language), 'POL2.0', yang baharu dan ditambah baik. Langkah sedemikian akan menggalakkan lebih ramai ibu bapa berbangsa India di Malaysia untuk mempertimbangkan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan untuk anak-anak mereka.

Sepertimana yang disebut dalam Bahagian A (Kanak-Kanak dan Belia 'IB40'), Pasukan Petugas Bersama juga akan meneliti peluang mewujudkan pembantu pengajar dan/ atau kaunselor berbangsa India bagi sokongan bahasa dan budaya untuk membantu guru yang mengajar pelajar India yang berprestasi rendah dan/atau pelajar IB40.

E. Pendidikan Tertiari & Latihan

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, langkah yang serius telah dilaksanakan untuk memastikan enrolmen berpatutan bagi pelajar India ke institusi pengajian tinggi. Peruntukan tempat untuk pelajar India telah ditetapkan setiap tahun dalam institut latihan kemahiran kerajaan, kolej matrikulasi, politeknik, dan universiti. Biasiswa, geran tunai dan pinjaman pelajaran telah dianugerahkan melalui dermasiswa kerajaan dan juga yayasan swasta.

Walau bagaimanapun, pengisian peruntukan tempat untuk pelajar India dalam institusi pengajian tinggi adalah mencabar, kecuali bagi institut latihan kemahiran. Dari segi permohonan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), data terakhir (2014) menunjukkan bahawa pelajar India mewakili hanya 4.5% daripada jumlah bilangan pemohon.¹⁹⁰ Hal ini dapat dijangka memandangkan peratusan pelajar India yang lulus semua mata pelajaran dalam peperiksaan SPM adalah lebih rendah daripada purata kebangsaan; contohnya, pada tahun yang sama, hanya 46% pelajar India yang lulus dalam semua mata pelajaran berbanding dengan purata kebangsaan sebanyak 56%.

Antara pelajar India yang memohon, hanya 79% yang memenuhi keperluan IPTA berbanding dengan 91% pemohon Bumiputera dan 93% pemohon Cina. Tambahan lagi, hanya 58% pemohon India yang berjaya memasuki IPTA – lebih baik daripada pemohon Bumiputera yang layak hanya 52% tetapi lebih teruk daripada pemohon Cina yang layak iaitu 71%.¹⁹¹

Sebaliknya, kira-kira 50,000 pelajar India yang meneruskan pendidikan lanjutan mereka di institusi pengajian tinggi swasta pada tahun 2014. Terdapat kemungkinan sebilangan besar pelajar daripada kumpulan pelajar ini adalah daripada keluarga berpendapatan sederhana atau tinggi.¹⁹²



ENROLMEN AKADEMIK TAHUN 2014/2015	BILANGAN PEMOHON	% DARIPADA JUMLAH	BILANGAN PEMOHON YANG LAYAK	BILANGAN PEMOHON YANG BERJAYA
Bumiputera	54,702	73.9%	50,022	26,039
Cina	10,018	13.5%	9,357	6,620
India	3,363	4.5%	2,666	1,533
Lain-lain	5,988	8.1%	5,343	3,275
JUMLAH	74,071	100%	67,388	37,467

¹⁹⁰ Data diekstrak dan dijadualkan berdasarkan "Statistik Pendaftaran Pemohon India ke IPTA/IPTS 2014", Kementerian Pendidikan Tinggi

¹⁹² Data diekstrak dan dijadualkan berdasarkan "Statistik Pendaftaran Pemohon India ke IPTA/IPTS 2014" yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

¹⁹¹ Walau bagaimanapun, berdasarkan temu duga, sebab yang paling lazim bagi pemohon berkecualan yang tidak memasuki IPTA ialah sikap pemohon yang terlalu memilih kursus dan lokasi IPTA yang ditawarkan

Isu Penting & Intervensi Semasa

Kadar permohonan dan kelayakan memasuki IPTA yang agak rendah adalah berkaitan secara langsung dengan hakikat prestasi yang rendah dalam kalangan pelajar India pada peringkat sekolah menengah, dan juga pada peringkat sekolah rendah. Usaha meningkatkan prestasi pelajar India pada kedua-dua peringkat ini akan membantu memperbaiki tahap enrolmen pada peringkat pengajian tertiar.



Selain prestasi dalam peperiksaan, pelajar dan ibu bapa juga perlu dibimbing seawal yang mungkin tentang pilihan pendidikan tinggi dan prosedur yang terlibat. Ramai pelajar India pada peringkat sekolah menengah tidak tahu tempat rujukan untuk mendapatkan maklumat atau bidang yang ingin diceburi selepas mereka meninggalkan sekolah menengah, dan ramai juga dalam kategori ini yang datang daripada keluarga IB40. Kumpulan ini juga tidak mempunyai kelebihan untuk mendapatkan bimbingan daripada keluarga atau masyarakat dalam hal ini.¹⁹³ Untuk menangani perkara ini, SEDIC telah membiayai beberapa inisiatif penyebaran maklumat dan bimbingan untuk membantu pelajar dalam menyediakan diri mereka dalam langkah-langkah permohonan ke peringkat tertiar; dan usaha ini seharusnya diteruskan.

¹⁹³ Masyarakat India & Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020), "Tapping the Opportunities & Plugging in" by Datuk Dr. Denison Jayasooria

Kadar yang rendah dalam permohonan ke IPTA mungkin juga disebabkan oleh gabungan prestasi pendidikan yang rendah dan kekangan kewangan. Lazimnya, kebanyakan pelajar yang berprestasi rendah hingga sederhana kurang atau tidak meneruskan pendidikan ke peringkat tinggi, sebaliknya memilih untuk bekerja bagi membantu keluarga.¹⁹⁴ Sejauh mana masalah tidak menggunakan peluang ini adalah kritikal tidaklah diketahui dan oleh yang demikian, lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk memahami situasi itu.

Pendidikan dan latihan teknikal & vokasional (TVET) lanjutan menawarkan laluan pendidikan alternatif kepada pelajar menceburi bidang kemahiran teknikal dengan kelayakan yang diiktiraf oleh majikan dalam industri. Dalam banyak profesion, TVET juga merupakan laluan yang sesuai untuk mendapatkan pekerjaan bernilai tinggi, yang setaraf, mahupun pun yang mengatasi kelayakan daripada universiti. Di bawah Program Transformasi Ekonomi ("ETP"), Malaysia memerlukan tambahan seramai 1.5 juta pekerja mahir dalam 12 sektor Bidang Ekonomi Utama Negara ("NKEA") menjelang tahun 2020. TVET ialah cara atau laluan utama untuk memenuhi keperluan ini.



Terdapat banyak program TVET pada peringkat tertiar di bawah beberapa kementerian kerajaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM), serta institusi latihan swasta. Kursus yang ditawarkan di institusi TVET terdiri daripada Animasi 3D, kejuruteraan, hospitaliti dan banyak lagi. Dari segi inisiatif yang tertumpu pada kaum India, SEDIC dengan kerjasama rakan kongsi strategik termasuk Jabatan Pembangunan Kemahiran ("JPK") sedang bekerjasama dengan institut latihan kemahiran swasta untuk menyediakan latihan kemahiran kepada belia India, terutamanya kepada yang datang daripada kumpulan B40.

Penerimaan dan minat untuk mengikuti program TVET dalam kalangan belia India Malaysia seharusnya dipertingkatkan. Lebih banyak usaha untuk memperkenalkan TVET patut disasarkan kepada masyarakat India Malaysia dengan memaklumkan kelebihan pendidikan vokasional dengan menekankan prospek dan pendedahan yang serupa berbanding dengan pendidikan di universiti. Peranan SEDIC pada masa ini seharusnya turut diperluas untuk memantau dan menambah bilangan belia India yang diterima masuk ke institut latihan kemahiran kerajaan, selain bekerjasama dengan rakan kongsi industri untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada belia-belia ini setelah tamat mengikuti latihan.



¹⁹⁴ Daripada temu bual bersama pelbagai pihak berkepentingan daripada agensi Kerajaan dan NGO.

Melangkah Ke Hadapan: Syor & Inisiatif MIB

Untuk meningkatkan kadar kaum India pada peringkat pendidikan, latihan tertiar dan lanjutan, Pelan Tindakan ini menetapkan matlamat berikut untuk mencapai sasaran yang berikut:

- Memastikan enrolmen kaum India sekurang-kurangnya 7% di semua kolej, universiti, politeknik Kerajaan dan institusi pendidikan tertiar/lanjutan yang lain, tanpa menjejaskan standard kemasukan, dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB.
- Memastikan belia India yang memerlukan bantuan kewangan dan yang wajar menerimanya dibantu dengan biasiswa atau pinjaman.

Untuk mencapai sasaran ini, Pelan Tindakan ini berhasrat untuk melaksanakan perkara-perkara yang berikut:



1. Inisiatif Prestasi Pendidikan IB40 (sepertimana yang disebut dalam

Sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan prestasi pendidikan pelajar India pada peringkat menengah, inisiatif ini akan merangkum program untuk menyediakan dan membimbing pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 tentang pendidikan tinggi dan pilihan kerjaya, termasuk prosedur permohonan. Pada peringkat tertiar, prestasi pelajar akan dipantau untuk memberi sokongan dan mengurangkan kadar kecikiran.

2. Program Bantuan Kewangan Pendidikan Tinggi untuk Pelajar IB40

Satu pangkalan data yang menyediakan profil pelajar IB40 yang memerlukan bantuan kewangan menyeluruh (melebihi yuran tuisyen) akan diwujudkan, dengan dana yang digembleng daripada sumber awam dan swasta melalui Perkongsian Awam-Swasta.

3. Memastikan dan Memantau

Pemantauan diperlukan untuk memastikan agihan tempat dipenuhi. Ini terdiri daripada: 7% tempat di institut latihan kemahiran kerajaan; 7% tempat di IPTA dan institusi tinggi awam yang lain; 10% tempat di politeknik kerajaan; 7% tempat di institusi TVET seperti ILP, ADTEC, GMI dan lain-lain; 1,500 tempat dalam kursus matrikulasi kerajaan; dan 7% mendapat biasiswa JPA, Persekutuan & negeri.

F. Belia Berisiko

Prestasi yang rendah dalam pendidikan dan mudah tercicir dari sekolah sering kali mewakili isu yang lebih serius dalam kalangan lelaki remaja India. Penglibatan dalam kumpulan samseng dan jenayah juga semakin meningkat.

Dalam tempoh di antara tahun 2012 dan 2013, Kementerian Dalam Negeri memaklumkan bahawa bilangan pelajar yang terlibat dalam jenayah ganas telah meningkat hampir 50%.¹⁹⁵ Pada tahun 2014, daripada semua tangkapan yang melibatkan kaum India, 10% berumur di antara 7 dan 18 tahun.¹⁹⁶

Tinjauan pada tahun 2016 terhadap lebih 2,000 orang dari keluarga IB40 menunjukkan bahawa 45% percaya bahawa anak mereka berisiko tinggi dan terdedah kepada kumpulan samseng. Kejiranan, kumpulan rakan sebaya anak mereka dan ahli keluarga disebut sebagai penyebab utama. Menurut pekerja lapangan, sekolah digunakan sebagai tempat untuk merekrut ahli kumpulan samseng dan pelajar semuda 11 atau 12 tahun.



Bagi kumpulan remaja ini, kumpulan samseng dilihat sebagai memberikan perlindungan, rasa kekitaan dan kredibiliti. Pelajar menyertai kumpulan samseng untuk mengelak daripada dibuli, untuk memperoleh sokongan yang tidak terdapat di rumah dan di sekolah serta untuk meraih sedikit sebanyak manfaat kewangan. Walaupun sesetengah pelajar meninggalkan kegiatan kumpulan samseng selepas tamat sekolah menengah, menurut pakar lapangan, sebilangan pelajar kekal bersama dengan kumpulan samseng dan beralih kepada jenayah yang lebih berat, terutama sekali mereka yang datang daripada keluarga yang kurang bernasib baik dan/atau berpecah belah. Akibatnya, bilangan kaum India daripada pesalah dewasa yang ditahan kerana jenayah ganas dan dipenjarakan adalah lebih tinggi dan jauh melebihi nisbah penduduk. Pada tahun 2014, 31% daripada tahanan jenayah ganas berbangsa India.¹⁹⁷ Dalam kalangan mereka yang dipenjarakan, 11% ialah banduan belia India.¹⁹⁸ Tambahan pula, dianggarkan bahawa kira-kira 70% ahli kumpulan samseng dalam negara kita berbangsa India.¹⁹⁹



¹⁹⁵ Teoh, El Sen "Students involved in violent crime and gangsterism on the rise" (2014, Mac 29) Astro Awani. Diakses di: <http://english.astroawani.com/malaysia-news/students-involved-violent-crime-and-gangsterism-rise-32766>

¹⁹⁶ 52% tahanan berumur antara 19-30 tahun. "Bil. Tahanan mengikut Jenis Jenayah dan mengikut Etnik", Unit Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, 2014

¹⁹⁷ "Bil. Tahanan mengikut Jenis Jenayah dan mengikut Etnik", Unit Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, 2014

¹⁹⁸ "Bil. Banduan Belia yang Ditahan di Penjara mengikut Etnik" Jabatan Penjara Malaysia, 2014

¹⁹⁹ Dipetik daripada Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, seperti yang dilaporkan dalam "Indian gangs originated from Chinese Triads" (2013, August 27) The Sun Daily. Diakses di: <http://www.thesundaily.my/news/808352>

Isu Penting & Intervensi Semasa

Keluarga yang tidak berfungsi atau pincang merupakan penyumbang utama tingkah laku belia yang berisiko. Kajian telah merumuskan bahawa “kanak-kanak yang membesar dalam keluarga yang ketandusan kemesraan dan sokongan, yang ibu bapanya kurang kemahiran untuk menguruskan tingkah laku, dan yang kehidupannya bercirikan konflik atau penganiayaan berkemungkinan besar untuk menjadi delinkuen. Sebaliknya, keluarga yang bersifat menyokong boleh melindungi anak-anak meskipun dalam persekitaran luar yang sangat ganas dan mencabar. Pemantauan atau pengawasan ibu bapa merupakan aspek pengurusan keluarga yang paling kerap dikaitkan dengan delinkuensi.”²⁰⁰



Daripada dua kajian yang dijalankan di Malaysia pada tahun 2014, satu terhadap belia bandar yang berisiko dan satu lagi terhadap pesalah muda yang dipenjarakan bagi jenayah serius, satu dapatan penting yang sama ialah tingkah laku belia yang berisiko berkait rapat dengan “latar belakang keluarga pincang yang mempunyai hubungan yang rapuh”²⁰¹ dan “ketiadaan peranan bapa dalam kehidupan anak muda”.²⁰²

Beberapa langkah telah diambil untuk membantu keluarga yang bermasalah dan membina kapasiti mereka. Melalui SEDIC, program keterlibatan ibu bapa, termasuk kamahiran keibubapaan, telah dibiayai untuk melengkapkan intervensi belia berisiko tinggi. Program-program ini perlu dikaji semula dan distrukturkan untuk menghulurkan bantuan dan sokongan yang lebih sistematik dan berterusan kepada keluarga yang telah dikenal pasti.

²⁰⁰ Smith, CA & Stern, SB (1997) “Delinquency and Antisocial Behavior: A Review of Family Processes and Intervention Research” *Social Service Review*, 71, pp. 382-420.

²⁰¹ Adaickalam, Jasmine (2015) “Strategies to Meet the Needs of High Risk Indian Youths and Ensure Them Psycho-Socially Included into Mainstream Development of the Nation” Input bagi Pelan Pembangunan India 2016-2020 (Tidak diterbitkan).

²⁰² *ibid.*



Satu lagi isu besar ialah liputan dan kesepaduan program. Kementerian Belia dan Sukan telah memulakan Program Angkat dan Upaya (PADU) pada tahun 2014, iaitu program tempoh enam bulan yang mensasarkan belia berisiko untuk membina kekuatan mereka melalui kaunseling dan pementoran.

Program itu telah menunjukkan beberapa kejayaan awal walaupun setakat ini liputan masih terhad kepada kurang seribu belia. Satu lagi inisiatif, 'Program Remaja Berwawasan', iaitu kem berstruktur yang diperkenalkan oleh Institut Strategi Lautan Biru Kebangsaan secara usaha sama dengan agensi pertahanan dan penguatkuasaan turut dikendalikan dengan matlamat untuk mengurangkan faktor risiko dalam kalangan belia di Malaysia. Lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk memastikan agar program tersebut dapat meliputi belia India dan agar usaha ini diselaraskan dengan inisiatif belia berisiko oleh SEDIC.

Penyediaan jalan keluar yang cerah yang secukupnya untuk pelajar yang keciciran sekolah turut menjadi isu penting. Saluran yang difikirkan sebagai peluang kedua untuk belia berisiko tidaklah sebanyak yang dijangka; sebagai contoh, keperluan am kemasukan ke kebanyakan kursus IKBN/ILP ialah sijil PMR (sekarang PT3). Belia yang tercicir lebih awal atau yang mempunyai rekod disiplin tidak layak diterima bagi kursus ini. Sebagai alternatif, SEDIC telah membiayai pelbagai program termasuk usaha yang signifikan yang dipanggil 'Transformasi Holistik Belia Berisiko Tinggi'²⁰³ yang berpusat di institut latihan kemahiran. Program ini mampu memuatkan 1,000 belia yang berusia di bawah usia 18 tahun. Selain itu, SEDIC telah membiayai program sukan untuk meningkatkan belia India dari keluarga IB40.²⁰⁴ Terdapat keperluan untuk mengkaji semula sama ada program-program ini merupakan saluran menyediakan peluang ke hadapan atau pemulihan yang mencukupi untuk mereka yang tercicir. Penilaian semula masalah diperlukan untuk memastikan intervensi dan pelaburan yang dibuat adalah tepat.



203 Dijalankan oleh Yayasan MySkills.

204 Majlis Sukan India Malaysia - Persatuan Bola Sepak India Malaysia (MISC-MIFA) yang terdiri daripada majoriti pemain India Malaysia daripada keluarga berpendapatan rendah, berjaya untuk memasuki dalam Liga Perdana Malaysia musim 2017.

Melangkah Ke Hadapan: Syor & Inisiatif MIB

Untuk menangani cabaran belia berisiko, Pelan Pembangunan ini menetapkan matlamat untuk mencapai sasaran berikut:

- Memastikan penurunan dalam kadar belia India yang ditahan kerana kesalahan kecil dan delikueni juvenil.
- Memastikan peningkatan dalam kadar penambahbaikan daripada 'risiko tinggi' kepada 'risiko rendah' dalam kalangan kohort belia India.²⁰⁵

Untuk mencapai sasaran tersebut, Pelan Pembangunan ini berhasrat untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. Mewujudkan Inisiatif Pemulihan Keluarga (sepertimana yang disebut dalam bab 'Menangani Perkara Asas')

Inisiatif Pemulihan Keluarga ialah inisiatif kaunseling yang berterusan yang bertujuan membantu keluarga bermasalah dalam menangani dan mengurus tingkah laku yang pincang. Keluarga yang mempunyai belia berisiko yang telah dikenal pasti akan diberi keutamaan untuk dimasukkan ke program yang berkaitan.

Sebagai contoh, belia berisiko yang dikenal pasti dan berumur 13 tahun ke atas akan diberi keutamaan (jika sesuai dengan kes) untuk ditempatkan di sekolah vokasional atau kolej. Unit Pelaksanaan MIB akan bekerjasama dengan institusi yang berkaitan untuk memastikan tempat yang mencukupi diperuntukkan.

2. Memastikan penyertaan yang mencukupi dalam program belia berisiko yang sedia ada

Pasukan Pendidikan Unit Pelaksanaan MIB akan mengkaji kemungkinan mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk 'menyisip' sepenuhnya program untuk belia IB40 ke dalam program belia berisiko yang sedia ada. Program Rakan Muda masih aktif dijalankan di setiap negeri, manakala program yang lebih baharu seperti PADU semakin mendapat perhatian. Program lain yang berkaitan dengan sukan dan latihan vokasional akan turut dipertimbangkan.

Pasukan Pendidikan Unit Pelaksanaan MIB akan turut bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk mencadangkan penambahbaikan pada program ini berdasarkan maklum balas daripada sukarelawan komuniti, pakar domain dan peserta program.

3. Menjalankan kajian semula tentang situasi belia India Malaysia yang berisiko dan menangani jurang, termasuk membuat pelaburan tambahan

Unit Pelaksanaan MIB akan menjalankan kajian semula untuk menyediakan profil belia India Malaysia yang berisiko dan menilai keperluan untuk menghasilkan pelbagai intervensi dan program yang berkesan. Intervensi tersebut mungkin terdiri daripada transformasi menyeluruh dan program di institusi latihan kemahiran untuk kes yang paling serius (termasuk mereka yang digantung atau dibuang sekolah) hinggalah ke program sukan, badan berpakaian seragam, kesukarelawanan dan program lain untuk profil berisiko rendah.

Apabila terdapat jurang dalam liputan atau kesesuaian dan keberkesanan dalam program atau pusat kerajaan yang sedia ada, pelaburan tambahan akan dibuat melalui agensi kerajaan atau melalui perkongsian awam-swasta untuk mewujudkan intervensi yang diperlukan itu di lokasi berkeperluan tinggi. Pelaburan tambahan akan turut digunakan untuk menampung kos pelancaran program rintis dengan jayanya yang mensasarkan belia India Malaysia yang berisiko.

²⁰⁵ Penilaian risiko akan diwujudkan dan dilaksanakan pada 2017/18 berdasarkan faktor-faktor risiko yang dikenal pasti oleh pengamal bidang, seperti persekitaran keluarga, penggunaan bahan, pelupusan peribadi dan lain-lain.



BAB 4

Meningkatkan Pendapatan & Kekayaan



Guna tenaga & Keusahawanan

Secara keseluruhannya, masyarakat India Malaysia telah maju dari segi sosioekonomi seiring dengan pembangunan negara. Dalam tempoh 44 tahun, dari tahun 1970 hingga 2014, median pendapatan bulanan isi rumah di Malaysia meningkat dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun 7.8%, manakala median pendapatan bulanan isi rumah kaum India Malaysia meningkat pada kadar bandingan 7.5% dalam tempoh yang sama.²⁰⁶


Sejak kebelakangan ini, masyarakat India Malaysia turut mencatatkan tahap agregat pencapaian sosioekonomi yang agak tinggi. Kajian Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang terkini yang dilaksanakan pada tahun 2014 oleh (Jabatan Perangkaan) DOS menunjukkan median pendapatan bulanan isi rumah kaum India Malaysia mencatat RM4,627 berbanding jumlah keseluruhan pendapatan negara RM4,585. Kaum Bumiputra mencatat RM4,214 dan masyarakat Cina mencatat RM5,708.

Walau bagaimanapun, tahap pencapaian sosioekonomi ini mengaburi jurang ketidaksamaan dalam etnik itu sendiri, yang berpunca daripada legasi sejarah yang berbeza antara kumpulan kecil masyarakat India di Malaysia.²⁰⁷ Pendapatan telah meningkat bagi kesemua kumpulan, tetapi dalam komuniti itu sendiri, pengagihan pendapatan masih banyak tertumpu dalam kalangan kaum India yang tergolong dalam kumpulan 20% teratas (T20) dan 40% golongan berpendapatan pertengahan (M40).



MIN PENDAPATAN BULANAN ISI RUMAH KASAR




Mengikut Kelas Pendapatan dan Etnik (RM)



206 Kajian Pendapatan Isi Rumah 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia.

207 Seperti yang diterangkan dalam bahagian 'Gambaran Konteks Keseluruhan' dalam bab Pengenalan.


Apabila disatukan, 61% kaum India dari kedua-dua golongan ini meraih pendapatan yang dianggarkan sebanyak 83% daripada keseluruhan pendapatan kaum India, sementara baki 39% atau lebih kurang 227,600 isi rumah kaum India dalam golongan pendapatan B40 menerima 17% syer pendapatan.²⁰⁸ Syer pendapatan ini adalah sama dengan yang diterima oleh golongan etnik utama yang lain di Malaysia. Ketidaksamaan ialah cabaran yang dihadapi oleh semua kaum di Malaysia, namun yang menjadi isu adalah untuk memastikan langkah-langkah menangani ketidaksamaan dan kekakuan status sosial di Malaysia sampai kepada masyarakat India Malaysia.



²⁰⁸ Data diambil daripada Household Income and Expenditure 2014 Laporan diberi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Wahid Omar, dalam jawapan bertulis kepada MP Ampang Zuraiddin. Seperti dilaporkan "Bumis majority of top earners - but disparity widest, too" (2015, November 26) Malaysiakini. Akses: <https://www.malaysiakini.com/news/321081>

INTRA-ETNIK

Syer Pendapatan



Sehingga tahun 2012, tahap ketidaksamaan pendapatan intra-etnik dalam kalangan kaum India Malaysia adalah yang tertinggi. Dalam tahun tersebut, pekali Gini²⁰⁹ untuk kaum India ialah 0.44, sementara ketidaksamaan pendapatan intra-etnik bagi kaum Bumiputera dan Cina ialah 0.42. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik pendapatan isi rumah yang terkini, tahun 2014, ketidaksamaan pendapatan dalam kalangan masyarakat India telah berkurangan, dan kini setara dengan ketidaksamaan pendapatan dalam kalangan kaum Bumiputera pada tahap 0.39, manakala ketidaksamaan pendapatan dalam kalangan kaum Cina adalah yang tertinggi iaitu pada tahap 0.41 (keadaan ini mungkin disebabkan oleh peningkatan dalam pemindahan wang tunai seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M, dan bukannya peningkatan dalam struktur gaji atau pendapatan lain).²¹⁰

Pindahan tunai bantuan kewangan adalah bertujuan meringankan beban kos sara hidup buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, bab ini memfokuskan usaha membasmi kitaran pendapatan rendah masyarakat India Malaysia dalam segmen pendapatan B40 selain membantu mereka mengekalkan tren pendapatan yang meningkat. Mobiliti sosial bagi golongan IB40 tidak akan terlaksana, melainkan terdapat sasaran dan intervensi yang berkesan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan kekayaan mereka.

209 Pekali gini ialah indeks dari 0-1 mengukur ketidaksamaan pendapatan: nombor tinggi menunjukkan ketidaksamaan yang tinggi

210 Laporan II Keadaan Isi Rumah, Institut Penyelidikan Khazanah



Sebab-sebab sejarah mungkin berbeza, namun seperti kumpulan etnik yang lain pada masa kini, pendapatan rendah dalam kalangan kaum India Malaysia adalah disebabkan oleh kekurangan kemahiran yang dikehendaki oleh majikan bagi yang bekerja atau kekurangan kapasiti dalam menawarkan barangan dan perkhidmatan yang ada nilai pasaran bagi yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa mobiliti antara generasi dalam kemahiran dan pendapatan adalah jauh lebih rendah bagi kaum India Malaysia berbanding kumpulan etnik yang lain. Sebanyak 25% anak Bumiputera dan 39% anak Cina yang dilahirkan oleh ibu bapa yang berkemahiran rendah²¹¹ berjaya mencapai tahap kemahiran pekerjaan yang tinggi berbanding hanya 19% anak India di Malaysia yang lahir kepada ibu bapa dalam kategori yang sama.²¹²

Corak ini adalah serupa dengan mobiliti pendapatan: sebanyak 38% anak India Malaysia yang dilahirkan oleh ibu bapa yang berada pada kuintil pendapatan terbawah kekal dalam kelas pendapatan yang sama dengan ibu bapa mereka berbanding 27% anak Bumiputera dan 11% anak Cina.²¹³ Perkara lain yang perlu dipertimbangkan ialah dimensi gender. Bagi semua kumpulan etnik, pendapatan anak lelaki kurang terikat dengan status sosioekonomi ibu bapa mereka berbanding anak perempuan. Bagaimanapun, kaitan darjah keanjalan pendapatan dengan status ibu bapa adalah lebih tinggi bagi anak perempuan India di Malaysia berbanding anak perempuan kaum lain, yang menunjukkan kemungkinan untuk maju bagi anak perempuan India Malaysia adalah rendah, walaupun semua faktor lain adalah sama.²¹⁴

Intervensi utama kerajaan dalam usaha meningkatkan pendapatan tertumpu kepada usaha meningkatkan keupayaan mendapatkan pekerjaan (employability) melalui pendidikan dan latihan kemahiran, serta meningkatkan keupayaan keusahawanan dan memudahkan penubuhan perniagaan. Rancangan Malaysia ke-11 menggariskan beberapa program untuk membantu golongan berpendapatan rendah melalui laluan-laluan ini.

Pelan tindakan ini bertujuan memastikan golongan IB40 dilibatkan dalam usaha ini, sekali gus meningkatkan tahap pendapatan dan kekayaan mereka sejajar dengan matlamat kerajaan menggandakan min dan median pendapatan bulanan isi rumah golongan IB40 menjelang tahun 2020.



²¹¹ Pekerjaan diklasifikasikan oleh Pengelasan Standard Pekerjaan Malaysia 2008, Jabatan Perangkaan, Malaysia dan Bank Dunia

²¹² Climbing the Ladder; Socioeconomic Mobility in Malaysia. Khazanah Research Institute, October 2016

²¹³ Ibid. Kuintil pendapatan diperoleh dengan mengisih dan membahagikan sampel kajian. Oleh yang demikian, kuintil pendapatan untuk ibu bapa dan anak-anak berbeza menurut pengagihan pendapatan generasi masing-masing

²¹⁴ Ibid.



Meningkatkan Pendapatan & Kekayaan: Sasaran

Sebagai usaha pelengkap bagi sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11) dan Kementerian dan agensi yang berkaitan, MIB mensasarkan mencapai matlamat-matlamat berikut:

A. Guna Tenaga

- Merapatkan jurang kadar pengangguran antara etnik dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan MIB, dengan memberi keutamaan kepada belia di bawah 30
- Menggandakan gaji bulanan golongan menengah isi rumah golongan IB40 dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan MIB.²¹⁵

B. Keusahawanan

- Meningkatkan bilangan syarikat berdaftar yang aktif dan pemilikan syarikat milik tunggal atau syarikat perkongsian yang sebahagiannya dimiliki oleh kaum India Malaysia dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB²¹⁶
- Menambah bilangan syarikat milik penuh atau pemilikan sebahagian oleh kaum India Malaysia dalam sektor Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEAs) dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB²¹⁷
- Meningkatkan min dan median hasil tahunan syarikat berdaftar milik penuh atau milik sebahagian kaum India Malaysia dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB

C. Kekayaan

- Meningkatkan pendapatan isi rumah golongan IB40 berasaskan aset/kekayaan dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB²¹⁸

²¹⁵ Daripada dasar 2015, selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-11

²¹⁶ Syarikat-syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Malaysia

²¹⁷ Meningkat berbanding dasar 2017

²¹⁸ Meningkat berbanding dasar 2017

A. Guna Tenaga

Pada tahun 2015, terdapat seramai 868,800 orang kaum India Malaysia yang bekerja. Daripada bilangan tersebut, 22.1% bekerja dalam bidang pembuatan, 15.1% dalam perniagaan borong dan runcit, dan 10.9% dalam bidang pengangkutan. Lebih daripada 50% kaum India bekerja dalam bidang berpendapatan rendah seperti bidang perkhidmatan dan jualan (17.4%); operator dan mesin dan loji (22.4%); dan kakitangan rendah (10.7%).²¹⁹



Pencapaian akademik dan kemahiran yang rendah merupakan faktor penyumbang utama kepada corak guna tenaga kaum India Malaysia. Berdasarkan kaji selidik masyarakat India di bandar yang miskin pada tahun 2010, 32% daripada tenaga kerja India miskin hanya mempunyai pendidikan sehingga ke peringkat menengah atas, 41% mempunyai pendidikan sehingga ke peringkat menengah rendah, 11% hanya mempunyai pendidikan peringkat rendah dan 5% tidak mempunyai pendidikan formal.²²⁰

Kewujudan sub-segmen IB40 yang tertentu harus diberi perhatian, iaitu yang terdiri daripada kira-kira 25,000 kaum India yang memiliki dokumen kewarganegaraan sementara atau pun tidak memiliki kerakyatan (stateless). Akibat daripada kekurangan dokumentasi, kebanyakan mereka tidak dapat mengakses pendidikan formal atau pekerjaan. Isu ini dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab 'Rangkuman Sosial'.

Pengangguran juga merupakan isu utama yang dihadapi oleh komuniti India Malaysia. Pada tahun 2015, kadar purata pengangguran India ialah 4.3%, berbanding 3.3% kadar purata pengangguran negara, 3.6% kadar pengangguran Bumiputera, dan 2.3% kadar pengangguran Cina.²²¹ Apabila diklasifikasikan mengikut gender, purata kadar pengangguran bagi lelaki Malaysia ialah 2.9%, sementara angka anggaran bagi lelaki India ialah 4% lebih tinggi. Jurang pengangguran lebih luas dalam kalangan wanita dengan kadar pengangguran dianggarkan 5.2% bagi wanita India, 3.2% lebih tinggi daripada purata pengangguran wanita Malaysia.²²² Tidak ada bukti yang kukuh berkaitan perbezaan gender dalam pencapaian akademik, oleh itu, jurang gender dalam pengangguran kemungkinan berpunca daripada faktor lain seperti hasrat budaya, keperluan menjaga anak atau faktor lain.

Lebih banyak pendedahan perlu diberi dan tindakan perlu diambil untuk menangani dinamik gender dalam kalangan komuniti India di Malaysia dan impaknya terhadap sosioekonomi mereka.



²¹⁹ Kadar Pekerjaan Berdasarkan Etnik Dan Kerjaya 2015 oleh Penyiataan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

²²⁰ Kaji selidik dijalankan di Selangor pada tahun 2010 oleh pasukan penyelidikan Professor Mahendiran Nair di Monash University, Malaysia, diambil dari Malaysian Indian Economic Report untuk RMK-11, oleh SEED Steering Committee

²²¹ Kadar Pekerjaan Berdasarkan Etnik Dan Kumpulan Umur 2015 oleh Penyiataan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia


²²² Diambil dari 'Inclusive Development and Malaysian Indians' oleh Muhammed Abdul Khalid - Contemporary Malaysian Indians', disunting oleh Denison Jayasooria dan K.S. Nathan



Kadar pengangguran dalam kalangan belia India amat membimbangkan. Sebilangan besar golongan muda, kaum belia India Malaysia menunjukkan kadar pengangguran yang tertinggi berbanding belia etnik lain. Sebagai contoh, 25.5% belia India yang berumur 15-19 dikategorikan sebagai 'penganggur' oleh DOS, yang sepatutnya masih belajar atau bekerja, berbanding 18.1% kaum Bumiputera dan 12.1% kaum Cina dalam lingkungan umur yang sama. Sebanyak 14.5% kaum India yang berumur 20-24 dikategorikan sebagai 'penganggur' berbanding 11.6% kaum Bumiputera dan 8.0% kaum Cina dalam lingkungan umur yang sama.²²³

KADAR PENGANGGURAN (%)

Mengikut Kumpulan Etnik



²²³ Kadar Pekerjaan Berdasarkan Etnik Dan Kumpulan Umur 2015 oleh Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Isu Utama & Intervensi Semasa

Tenaga kerja IB40 mengalami masalah kebolehgunaan tenaga yang rendah akibat jurang kelayakan dan kemahiran. Walaupun ada usaha bersepadu melalui keusahawanan bagi menangani masalah kaum India Malaysia yang berpendapatan rendah dalam tahun-tahun kebelakangan ini, namun sumber dan tumpuan masih tidak mencukupi bagi meningkatkan pendapatan melalui latihan peningkatan kemahiran dan guna tenaga. Keadaan diburukkan lagi oleh persaingan daripada pekerja asing yang lebih murah serta risiko digantikan dengan teknologi penjimatan buruh.

Bagi melaksanakan matlamat Pelan Tindakan, penekanan pelaksanaan perlu diperbaiki, terutamanya dalam usaha mendorong penempatan kerja.



Kerajaan telah mengusahakan pelbagai program latihan bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan guna tenaga graduan universiti dan kolej seperti Skim Pengurusan Keupayaan Graduan Mendapatkan Pekerjaan (GEMS) di bawah Talentcorp. Skim ini bertujuan meningkatkan tahap kecekapan pasaran peserta melalui latihan dan penempatan kerja. Demikian juga, Skim Latihan 1Malaysia ("SL1M") yang melatih dan menempatkan graduan dalam pelbagai GLC. Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil langkah awal, iaitu sebelum pengijazahan, kaedah penilaian²²⁴ yang dipertingkatkan dan memperluas pengalaman industri²²⁵ dalam lingkungan silibus kursus.

Bagi mereka yang memilih jurusan teknikal dan vokasional, beberapa program latihan kemahiran disediakan oleh beberapa institusi kerajaan seperti Institut Kemahiran Belia dan Negara (IKBN), di bawah Kementerian Belia dan Sukan (MYS), Institut Latihan Perindustrian (ILP) di bawah Kementerian Sumber Manusia (MOHR), Kolej Komuniti di bawah Kementerian Pendidikan (MOE) dan lain-lain. Terdapat lebih kurang 1,200 pusat latihan kemahiran kerajaan yang bertauliah di seluruh negara yang menawarkan kursus dalam pelbagai bidang, seperti minyak dan gas, mekanik motor, teknologi automotif, pengurusan hotel, seni masakan, jahitan, dan kimpalan.

²²⁴ Satu contoh ialah Integrasi Kumulatif Nilai Gred Purata (iCGPA) di mana pelajar dinilai di tujuh penunjuk termasuk kemahiran komunikasi dan kebolehan menyelesaikan masalah.

²²⁵ Satu contoh ialah program ZuZi mana pelajar menghabiskan dua tahun di universiti dan dua tahun seterusnya dalam program pembelajaran berasaskan kerja yang bertentangan dengan latihan industri di jangka masa yang pendek.

Beberapa program latihan kemahiran telah diwujudkan dan disusun untuk menampung tenaga kerja dalam sektor ekonomi bernilai tinggi yang dikenal pasti atau Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).²²⁶ Sebagai contoh, dalam bidang minyak & gas, institusi seperti IKBN dan PETRONAS melatih juruteknik untuk loji penapis gergasi pembangunan bersepadu petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor. Kerjasama antara institusi latihan kemahiran dengan industri ditekankan oleh kerajaan untuk memastikan peserta program mendapat pekerjaan selepas tamat latihan.



Permintaan untuk program sedemikian adalah tinggi; yang mustahak adalah untuk memastikan penyertaan yang adil dan wajar bagi komuniti India Malaysia, terutamanya bagi golongan IB40. Sejak kebelakangan ini penyertaan kaum India dalam IKBN telah bertambah dan telah mencapai 10% daripada jumlah pendaftaran, hasil sokongan kementerian dan agensi penganjur. Walau bagaimanapun, berdasarkan pengalaman usaha outreach program anjuran kerajaan tidak digunakan sepenuhnya oleh golongan IB40 ini kerana kurangnya kesedaran, halangan bahasa dan budaya, dan juga kurang keyakinan bahawa mereka dapat diterima masuk. Terdapat juga faktor gender yang perlu disiasat lebih lanjut dan ditangani, bagi membolehkan lebih ramai wanita IB40 menyertai kumpulan guna tenaga yang produktif melalui bantuan penjagaan anak dan latihan yang disasarkan.



Dalam usaha menarik perhatian IB40, SEDIC telah berusaha sedayanya dengan mendampingi golongan IB40 serta bekerjasama dengan penyelia latihan kemahiran untuk menyediakan peningkatan kemahiran berfokuskan kaum India melalui Institut Latihan Kemahiran Swasta ("ILKS"). Usaha-usaha ini walaupun sangat berfaedah, namun liputannya terhad dari segi jangkauan, berbanding program anjuran kerajaan yang lebih meluas. Justeru, lebih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk memastikan kaum India yang berpendapatan rendah menyedari, menyokong dan mendaftarkan diri ke dalam program penempatan kerja dan latihan peningkatan kemahiran yang dianjurkan oleh kerajaan.

Selain jurang dalam pencapaian akademik dan kemahiran, terdapat juga persepsi bahawa ada diskriminasi daripada pihak majikan terhadap pengambilan pekerja India.²²⁷ Terdapat keperluan untuk mengkaji persepsi ini dengan lebih lanjut di samping membina hubungan dengan majikan untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi golongan IB40.

²²⁶ NKEA terdiri dari minyak, gas & tenaga; kelapa sawit & getah; jualan borong & runcit; servis kewangan, pelancungan, elektronik & elektrik; servis perniagaan; kandungan komunikasi & infrastruktur; pendidikan; pertanian; dan kesihatan

²²⁷ Menurut temuduga bersama penganjur komuniti dan pihak-pihak berkepentingan Pelan Tindakan

Melangkah ke Hadapan : Cadangan dan Inisiatif MIB

Pelan Tindakan ini bertujuan untuk mencapai sasaran berikut:

- Merapatkan jurang kadar pengangguran antara etnik, dengan memberikan keutamaan kepada belia bawah 30 tahun
- Menggandakan min dan median gaji bulanan isi rumah IB40 dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan MIB²²⁸

Untuk mencapai sasaran ini, Pelan Tindakan ini berazam untuk melaksanakan yang berikut:

1. Mengetahui dan menyelaraskan usaha meningkatkan pendapatan dalam satu jabatan/pasukan

Outreach penyediaan kemudahan dan fungsi pengantara seperti SEED (unit yang ditubuhkan untuk memudahkan pembangunan keusahawanan kaum India Malaysia) diperlukan bagi memastikan penyertaan seimbang kaum India dalam program kerajaan yang menyeluruh berkaitan peningkatan kemahiran dan pekerjaan. Memandangkan fungsi kemahiran yang ditetapkan sama dengan fungsi SEED yang sedia ada, Rangka Tindakan ini mencadangkan agar fungsi ini dilanjutkan kepada mandat pasukan SEED yang akan disusun semula di bawah Unit Pelaksanaan MIB yang baru. Apabila perlu, pegawai pasukan akan membantu pegawai kerajaan berkaitan peserta program kaum India, dan sebaliknya.



Pasukan ini juga akan memastikan penyertaan seimbang kaum India, terutamanya dalam kalangan wanita untuk meningkatkan kemahiran dan penempatan kerja seperti perkhidmatan atau kemudahan penjagaan anak atau taska. Bagi merapatkan jurang dalam kecekapan berbahasa, literasi, keyakinan atau kos melepasi, pasukan ini akan menyediakan modul pelengkap untuk membolehkan penyertaan golongan IB40.

2. Mendaftarkan syarikat dan majikan sebagai rakan kongsi dalam usaha meningkatkan

Kerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan akan memberi semangat kepada pasukan tersebut, menggalakkan penyertaan majikan dan korporat untuk menyediakan peluang pekerjaan dan kursus meningkatkan kemahiran graduan kaum India Malaysia, ke arah meningkatkan kepelbagaian tenaga kerja syarikat. Pasukan tersebut akan membangunkan kursus, meningkatkan kemahiran bersama majikan yang dipilih, contohnya syarikat perladangan, akan menempatkan pekerja ladang atau keluarga mereka dalam kategori pekerja yang dikenal pasti dalam syarikat.

Pasukan itu juga akan merangka satu program insentif untuk mengurangkan risiko kepada majikan, seperti menyediakan subsidi separa untuk caruman KWSP dan/atau gaji untuk beberapa bulan atau tahun pertama bekerja.

B. Keusahawanan

Keusahawanan merupakan satu cara untuk menjana pendapatan yang kurang diterokai oleh komuniti India Malaysia secara umum; daripada semua individu yang bekerja, dianggarkan 14.3% kaum India ialah usahawan berbanding dengan 22.4% kaum Bumiputera dan 23.2% kaum Cina.²²⁹ Dari tahun 2005 hingga 2013 semasa data ini dikaji, terdapat 38,138 syarikat India yang aktif, dan daripada jumlah ini, 91% merupakan perniagaan mikro.²³⁰



Sementara bagi syarikat tersenarai yang besar, pemilikan syer kaum India berada di tahap 1.5%-1.6% sepanjang dekad yang lalu jauh lebih rendah berbanding kaum lain. Pemilikan dalam syarikat berhad ini, adalah lebih tertumpu kepada beberapa individu dalam golongan elit kaum India yang menjalankan perniagaan.²³¹

229 Laporan Kajian Tenaga Buruh, 2014

230 Ibid

231 Malaysian Indian Economic Development Report For RMK-11 by SEED Steering Committee

Isu Utama & Intervensi Semasa

Keupayaan para pemilik perniagaan kaum India merupakan isu dan cabaran utama, yang ada kaitannya dengan isu pencapaian pendidikan dan kemahiran yang rendah. Kebanyakan perniagaan mikro dan usahawan kaum India berada pada peringkat bawah rantai nilai. Perkara ini merupakan cabaran bagi mereka untuk beralih ke peringkat yang lebih tinggi dalam rantai nilai tersebut kerana ramai yang kurang memiliki kemahiran keusahawanan, pengetahuan domain, pembiayaan dan rangkaian.



Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk memupuk dan meningkatkan bilangan usahawan, seperti kursus pembangunan keusahawanan sehinggalah kepada program pembiayaan. Sehingga kini, inisiatif tersebut tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh kaum India Malaysia kerana kurangnya kesedaran selain tidak yakin yang mereka akan diberikan kemudahan. Namun demikian, sejak tertubuhnya SEED, satu unit strategik di bawah CCIC yang bertujuan untuk memberi kemudahan keusahawanan kepada kaum India, bilangan pemohon kaum India untuk menyertai program pinjaman perniagaan Kerajaan telah meningkat secara signifikan.



Peranan SEED dalam usaha outreach, bimbingan dan penyediaan kemudahan telah menggalakkan usahawan kaum India untuk mengakses perkhidmatan kerajaan. Ketika laporan ini ditulis, SEED telah membantu seramai 29,115 usahawan kaum India untuk mendapatkan pinjaman berjumlah RM1.2 bilion²³² dan telah melatih lebih daripada 3,500 usahawan kaum India dalam program pembinaan keupayaan seperti siri latihan SEED.

Dalam perkongsian strategik bersama entiti Kerajaan tertentu, SEED telah berusaha untuk memastikan penyertaan kaum India yang seimbang. Sebagai contoh, skim khas TEKUN-SEED, SPUMI, memainkan peranan penting dalam pemilihan peserta dan menyediakan dana untuk kaum India memulakan perniagaan kecil. Hampir RM245 juta telah disalurkan untuk membantu hampir 18,201 usahawan kecil.²³³

²³² Data diberi oleh SEED dari saluran pembiayaan mikro seperti TEKUN, AIM, SEED Start Up Nation dan saluran pembiayaan PKS seperti SME Bank, SME Corp, MIDF, Credit Guarantee Corporation (CGC), Skim Pembiayaan patuh Syariah PKS (SSF) serta inisiatif lain seperti Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM)

²³³ Laporan bulanan TEKUN Nasional



SEED juga telah bekerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk membantu usahawan India, terutamanya golongan wanita, mengakses pembiayaan untuk perniagaan mikro. AIM menyediakan latihan keusahawanan khusus untuk wanita, selain program pembangunan yang memberikan tumpuan pada latihan kemahiran perniagaan. Sebanyak RM114 juta telah dikeluarkan melalui perkongsian SEED-AIM, untuk membantu hampir 9,310 usahawan wanita kaum India.²³⁴

Perniagaan yang lebih besar dibiayai oleh perkongsian dengan SME Bank, yang dikenali sebagai skim MY-SEEDSME (MYS3); setakat ini SME Bank telah membiayai 181 perniagaan India yang berjumlah RM291 juta sejak termeterainya hubungan SEED-SME Bank pada tahun 2008.²³⁵ Di bawah program rintis yang dimulakan pada tahun 2015, Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Usahawan (Centre for Entrepreneur Development and Research "CEDAR") di bawah naungan SME Bank juga telah menyediakan perkhidmatan pembangunan dan latihan untuk pemohon SME kaum India yang telah disaring dan dirujuk oleh SEED. Kadar kejayaan permohonan pinjaman meningkat daripada 31% kepada 89% bagi peserta program rintis ini, satu pencapaian yang memberangsangkan untuk membolehkan program ini dilaksanakan dengan sepenuhnya. Perniagaan kaum India dalam sektor industri juga mendapat bantuan daripada Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad ("MIDF"), yang telah mengeluarkan dana berjumlah RM100 juta untuk 93 perniagaan kaum India sejak tahun 2009.²³⁶

Usaha pasukan SEED haruslah diteruskan dan disempurnakan dalam fasa berikutnya, selain mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama yang dibina bersama-sama agensi-agensi strategik untuk memastikan keseimbangan penyertaan kaum India dalam inisiatif keusahawanan kerajaan. Pencapaian dalam memudahcara pembiayaan kewangan untuk perniagaan kecil dan mikro kaum India haruslah diperluaskan untuk meliputi akses kepada komponen sokongan penting yang lain seperti kontrak atau program pembangunan vendor GLC dan kerajaan, skim keusahawanan berkaitan NKEA dan insentif serta bimbingan. Komuniti keusahawanan kaum India yang semakin berkembang harus juga diperkukuhkan dan didorong untuk menjadi rangkaian sokongan bersepadu.

234 Laporan bulanan AIM

236 Laporan suku tahun MIDF

235 Laporan suku tahun Bank SME

Melangkah ke Hadapan: Cadangan & Inisiatif MIB

Matlamat Pelan Tindakan ini adalah untuk mencapai sasaran berikut:

- Meningkatkan trend peningkatan bilangan syarikat berdaftar yang aktif dan syarikat tunggal yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagiannya oleh kaum India Malaysia dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB.²³⁷
- Meningkatkan jumlah syarikat yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagiannya oleh kaum India Malaysia dalam sektor Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB.²³⁸
- Meningkatkan trend min dan median pendapatan tahunan syarikat berdaftar yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagiannya oleh kaum India Malaysia berbanding syarikat lain dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB.

Untuk mencapai sasaran yang dinyatakan tadi, Pelan Tindakan ini beriltizam untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. Memurnikan dan mengembangkan himpunan program SEED

Untuk mencapai sasaran keusahawanan yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan ini, program pemudahcaraan SEED (di bawah Unit Perlaksanaan MIB) perlu mewujudkan minat yang lebih mendalam terhadap keusahawanan dalam kalangan komuniti kaum India, mengenal pasti lebih ramai usahawan yang berpotensi dan juga memupuk perniagaan yang berpotensi ke arah pertumbuhan skala dan pendapatan.



Langkah pemurnian pertama adalah untuk menetapkan dengan lebih jelas dan menanganinya melalui pelbagai strategi multiserampang, pelbagai keperluan dua segmen utama: 'perniagaan IB40' iaitu perniagaan mikro dan lebih kecil yang banyak dijalankan dalam kalangan IB40, dan 'perniagaan IM40' iaitu perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagiannya oleh kaum India. Ketika ini terdapat lebih kurang 34,705 dan 3,433 perniagaan aktif dalam setiap segmen tersebut.²³⁹

Untuk perniagaan IB40, kemudahan pembiayaan akan diteruskan dan diperhalusi. Skim pembiayaan baharu akan dibentuk untuk menggalakkan penyertaan perniagaan baharu, sementara untuk perniagaan yang sedia ada, pengelasan dan had pinjaman akan dikaji semula untuk memenuhi keperluan perniagaan. Sokongan untuk mengikuti latihan keusahawanan yang relevan dan dalam kemampuan juga akan ditambah. Peningkatan klasifikasi perniagaan juga akan lebih ditekankan yang mana, perniagaan dengan pertumbuhan pesat akan dikenal pasti untuk diserap menjadi perusahaan kecil sederhana (PKS).

Bagi perniagaan IM40, penyediaan kemudahan untuk mendapatkan pembiayaan komersial akan disokong oleh peruntukan kewangan kerajaan yang telah ditetapkan, yang disalurkan melalui institusi kewangan untuk membantu PKS tersebut supaya dapat berkembang lagi. Institusi kewangan komersial juga akan digalakkan untuk menghebahkan bahagian pembiayaan yang diperuntukkan kepada usahawan kaum India sebagai menyokong usaha pemantauan impak, terutamanya bagi pembiayaan PKS.

²³⁷ Syarikat yang berdaftar dengan SSM

²³⁹ Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 2005 - 2013

²³⁸ Peningkatan dibandingkan dengan garis dasar tahun 2017



Namun demikian, umum menyedari bahawa jurang pembiayaan PKS daripada institusi kewangan tradisional akan terus wujud disebabkan kurangnya maklumat dan/atau kolateral kredit, ketidacukupan data dan isu lain yang umumnya bersangkutan-paut dengan PKS. Hal ini merupakan masalah yang lazim bagi PKS di Malaysia dan bukan setakat perusahaan yang dimiliki oleh kaum India semata-mata. Selain inisiatif untuk meningkatkan kefahaman PKS dan pengendalian proses institusi kewangan tradisional, kemudahan untuk mengakses mod pembiayaan lain juga akan dilaksanakan. Misalnya ekuiti dana ramai dan pembiayaan berkelompok (peer-to-peer financing).

Program pembangunan keusahawanan yang berjaya pada peringkat rintis, seperti SEED-LEAP (melalui perkongsian dengan SME Bank), akan dilaksanakan sepenuhnya. Kemudahan untuk mengakses skim dan peluang berkaitan dengan rantaian nilai NKEA akan ditingkatkan untuk menambah lebih banyak penglibatan dalam sektor pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi, termasuk kemudahan untuk kelulusan pelesenan. Capaian ke pasaran luar Malaysia juga akan digalakkan dengan kerjasama MATRADE.

Kumpulan usahawan kaum India juga akan digalakkan untuk menubuhkan rangkaian bantuan sepakat, menjadi mentor kepada usahawan India baharu atau usahawan kaum India yang bercita-cita tinggi.



2. Memastikan terdapat penyertaan wakil kaum India dalam pemerolehan Kerajaan dan GLC

Unit Pelaksanaan MIB, melalui kerjasama dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Khazanah dan badan kerajaan dan entiti berkaitan dengan kerajaan, akan menubuhkan program pendampingan, saringan, pemudahan dan pemantauan untuk meningkatkan penyertaan syarikat milik kaum India dalam kontrak pemerolehan kerajaan dan GLC, termasuk, tetapi tidak terhad, kepada program pembangunan vendor. Syarikat yang layak yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagiannya oleh kaum India Malaysia akan dibantu dan diberi kemudahan khusus untuk ikut serta dalam program pemerolehan kerajaan, terutamanya untuk projek kecil dan sederhana.

C. Pengekalan dan Peningkatan Kekayaan

Mencapai tahap keteguhan kewangan yang baik, termasuk memiliki yang secukupnya untuk mengharungi kejutan kewangan dan keupayaan untuk membiayai matlamat jangka panjang yang penting, cukup mencabar bagi mana-mana segmen pendapatan. Isi rumah yang berpendapatan rendah menghadapi cabaran yang lebih besar berbanding yang lain untuk mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh kerana sebahagian besar sumber kewangan digunakan untuk perbelanjaan harian.

Menurut satu tinjauan IB40 oleh Sekretariat Pelan Tindakan, hanya 16% daripada IB40 mempunyai simpanan jangka panjang, tetapi sebahagian besar akan mengeluarkan simpanan tersebut apabila berlaku kecemasan yang melibatkan faktor kewangan.²⁴⁰ 81% responden tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menanggung 3 bulan perbelanjaan sara hidup.²⁴¹

Keadaan diburukkan lagi dengan peningkatan kos sara hidup. Kajian mendapati purata perbelanjaan bulanan isi rumah B40 meningkat 10.1% setiap tahun daripada RM1,248 pada tahun 2009 kepada RM2,015 pada tahun 2014.²⁴² Ditambah dengan adanya kredit pengguna yang mudah turut memburukkan lagi keadaan. Dari tahun 2014, tahap hutang isi rumah yang berpendapatan bulanan sebanyak RM3,000 ke bawah adalah tujuh kali pendapatan mereka berbanding dengan tiga atau empat kali bagi isi rumah berpendapatan bulanan sebanyak RM5,000.²⁴³

Keputusan tinjauan IB40 ini menunjukkan statistik berikut; 82% responden tinjauan IB40 menanggung hutang, daripada jumlah ini 39% menyatakan bahawa hutang mereka tinggi tetapi masih terkawal dan 24% menyatakan bahawa hutang mereka sudah tidak terkawal lagi.²⁴⁴



²⁴⁰ Tinjauan bersemuka 2,087 kaum India Malaysia daripada isi rumah B40 di seluruh Semenanjung Malaysia dari Julai hingga September 2016. Sekretariat MIB

²⁴¹ Ibid.

²⁴² Tinjauan Perbelanjaan & Pendapatan Isi Rumah 2014


²⁴³ Kertas Strategi 2 untuk Rancangan Malaysia Ke-11, EPU

²⁴⁴ Tinjauan bersemuka 2,087 kaum India Malaysia daripada isi rumah B40 di seluruh Semenanjung Malaysia dari Julai hingga September 2016. Sekretariat MIB

Isu Utama & Intervensi Semasa

Kemampuan untuk mengekalkan pendapatan dan menambah kekayaan didapati terbatas dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah kerana hampir sejumlah besar pendapatan mereka digunakan untuk perbelanjaan harian. Menurut kajian Bank Negara 2013 mengenai kecenderungan marginal untuk membelanjakan pendapatan isi rumah, didapati bahawa isi rumah yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM1,000 akan berbelanja, secara purata, RM0.81 ke RM1, untuk pendapatan boleh guna tambahan. Isi rumah berpendapatan bulanan antara RM1,000 ke RM2,000 akan berbelanja, secara purata, RM0.74 ke RM1 untuk pendapatan tambahan yang boleh dibelanjakan.

Kecenderungan Marginal Isi Rumah untuk Mengguna, Mengikut Pendapatan (2013)



Kecenderungan marginal untuk berbelanja mula menjunam bagi mereka yang berada dalam lingkungan pendapatan seterusnya, menunjukkan tahap perbelanjaan yang mencapai paras RM2,000 ke RM3,000 sebulan.²⁴⁵ Hal ini menunjukkan bahawa isi rumah berpendapatan bulanan bawah RM2,000 memerlukan bantuan tertentu untuk menyalurkan lebih pendapatan atau untuk meningkatkan tahap simpanan mereka (selain meningkatkan keupayaan mereka untuk menjana pendapatan).



Untuk meningkatkan simpanan dan kekayaan isi rumah B40, matlamat Rancangan Malaysia Kesebelas adalah untuk mengembangkan skim unit Amanah seperti Amanah Saham Wawasan ("ASW"), Amanah Saham 1Malaysia ("AS1M") dan Amanah Saham Gemilang. Pelan Tindakan ini menyokong semua rancangan tersebut dan mencadangkan inisiatif sampingan yang dapat mendorong isi rumah B40 untuk menabung serta mengekalkan kekuatan kewangan yang sihat.

²⁴⁵ The Marginal Propensity to Consume across Household Income Groups, Bank Negara Malaysia Working Paper Series, 2013

Melangkah Ke Hadapan: Cadangan dan Inisiatif MIB

Matlamat Pelan Tindakan ini adalah untuk mencapai sasaran berikut:

- Meningkatkan aset/kekayaan asas isi rumah IB40 dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB²⁴⁶

Untuk mencapai sasaran ini, Pelan Tindakan ini beriltizam melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. Memupuk dan menyokong tabiat menabung

Dana permulaan berjumlah RM500 juta akan diperuntukkan untuk memulakan simpanan bagi isi rumah IB40 - terutamanya bagi mereka yang berada di bawah paras kemiskinan - untuk membuka simpanan bagi isi rumah IB40 dalam skim unit amanah PNB. Walaupun skim ini menyasarkan komuniti IB40 secara umum, nisbah sepadan haruslah menurut tahap pendapatan isi rumah IB40.²⁴⁷ Dana ini tidak boleh dikeluarkan untuk satu tempoh yang minimum tetapi boleh dikeluarkan dalam kes kecemasan tertentu atau kejutan ekonomi.

Sektor swasta, sektor bukan kerajaan dan sektor sosial akan dihubungi oleh Unit Pelaksanaan MIB untuk mengemukakan kertas cadangan inovatif bertujuan menggalakkan dan meningkatkan simpanan dalam kalangan isi rumah IB40, misalnya simpanan mikro yang kerap, bagi meningkatkan kefahaman kewangan dan memupuk tabiat menabung dalam kalangan anak-anak dan belia kaum India.



²⁴⁶ Peningkatan menurut dasar 2017

²⁴⁷ Persamaan nisbah ditentukan oleh skim Jawatankuasa Teknikal antara lain, dianggotai oleh Unit Pelaksanaan MIB dan Kementerian Kewangan.

PNB

Unit Pelaksanaan MIB untuk mengemukakan kertas cadangan inovatif bertujuan menggalakkan dan meningkatkan simpanan dalam kalangan isi rumah IB40, misalnya simpanan mikro yang kerap, bagi meningkatkan kefahaman kewangan dan memupuk tabiat menabung dalam kalangan anak-anak dan belia kaum India.



BAB 5

Peningkatan Penyertaan Sosial



Rasa Kekitaan & Identiti dalam Masyarakat Berbilang Budaya di Malaysia

Komuniti India ialah kumpulan minoriti yang terbesar di Malaysia. Komuniti ini hanya mewakili 7% daripada penduduk Malaysia dan merupakan penyumbang penting kepada sejarah pembangunan sosioekonomi, kepelbagaian budaya dan kehidupan seharian di negara ini. Walaupun harmoni secara umumnya, seperti etnik minoriti lain di negara-negara lain, kumpulan etnik ini hidup dalam suasana yang harmoni, komuniti India Malaysia menghadapi cabaran mengintegrasikan dan menyertai kumpulan masyarakat yang lebih luas.

Isu-isu ini secara khususnya paling dirasai oleh kumpulan berpendapatan rendah dalam komuniti India. Sebanyak 55% daripada kumpulan IB40 yang dikaji pada tahun 2016 merasakan bahawa komuniti India di Malaysia diabaikan dan hanya 23% yang berpendapat sebaliknya.²⁴⁸ Tanggapan tentang kesukaran mendapatkan pekerjaan dan tempat di universiti serta cara menangani masalah kuil yang tidak didaftarkan merupakan alasan yang paling banyak diberikan.²⁴⁹ 74% berpendapat bahawa satu rancangan kerajaan yang memfokuskan usaha membantu kaum India Malaysia yang berpendapatan rendah diperlukan berbanding hanya 25% yang berpendapat bahawa satu rancangan diperlukan untuk golongan berpendapatan rendah yang merangkumi semua bangsa.²⁵⁰



Seperti yang telah diperincikan dalam bab-bab yang lain, sejumlah besar daripada kelompok sosioekonomi rendah komuniti India telah terasing selama beberapa dekad di kawasan perladangan dengan peluang yang tipis untuk berintegrasi dengan masyarakat luar. Apabila mereka keluar daripada kehidupan yang terpencil di ladang-ladang, golongan ini berhadapan pula dengan cabaran untuk menempatkan diri dalam masyarakat, iaitu cabaran yang telah dihadapi sejak beberapa generasi.

Rasa terpinggir ini diperhebat oleh kewujudan beberapa isu yang khusus berkaitan dengan komuniti India Malaysia. Pertama, isu kewarganegaraan dan dokumentasi terus menjejaskan sebahagian daripada komuniti tersebut dengan kesan serius terutamanya bagi golongan muda. Tanpa pengiktirafan rasmi terhadap status mereka sebagai rakyat Malaysia, mereka tidak layak menikmati faedah yang sepenuhnya sebagai rakyat Malaysia.



Perkara kedua, isu yang berkaitan dengan amalan keagamaan seperti penempatan semula kuil dan batas-batas yang perlu dipatuhi sewaktu menggunakan dewan orang ramai untuk upacara keagamaan juga boleh menimbulkan rasa terpinggir. Dalam masyarakat berbilang budaya, isu-isu seperti ini boleh merebak dan menjadi sumber ketegangan antara etnik jika tidak ditangani dengan sensitif.

Yang ketiga, cara kaum India Malaysia diwakili dalam kehidupan awam juga boleh menghalang elemen rangkuman masyarakat. Kaum India Malaysia kurang melibatkan diri dalam perkara-perkara yang dianggap positif sedangkan penglibatan mereka dalam beberapa perkara negatif yang tertentu pula agak tinggi. Sebagai contoh, bilangan kaum India Malaysia dalam pendidikan tinggi, pekerjaan berkemahiran, keusahawanan dan perkhidmatan awam adalah rendah. Sebaliknya penglibatan mereka dalam kumpulan samseng dan jenayah, iaitu perkara yang negatif pula adalah agak tinggi.

²⁴⁸ Sebanyak 22% daripada responden selebihnya memilih 'tidak tahu'. Sumber: Kajian secara bersemuka yang dijalankan dari Julai hingga September 2016 terhadap 2,087 kaum India Malaysia daripada 840 isi rumah di seluruh Semenanjung. Urus Setia MIB

²⁴⁹ Ibid.

²⁵⁰ Ibid.



SRI MARATHANDAVAR AALAYAM, MARAN

RM 800,000 telah diperuntukan oleh Kerajaan untuk tujuan pembinaan dan penyelenggaraan.

Bahagian pertama bab ini menyentuh isu kewarganegaraan dan ketiadaan dokumen kewarganegaraan dalam kalangan segmen kecil masyarakat India Malaysia. Isu ini masih terus menjejaskan lebih kurang 25,000 orang India Malaysia pada masa ini, termasuk golongan kanak-kanak dan belia. Selain menghadapi kesukaran berintegriti, anak-anak dan belia yang tidak mempunyai dokumen akan meneruskan kitaran kemiskinan keluarga memandangkan mereka tidak memperoleh pendidikan rasmi di sekolah-sekolah kerajaan sebelum ini atau pun mampu mendapat pekerjaan secara formal pada masa hadapan.

Bahagian kedua bab ini membicarakan isu amalan keagamaan dalam kalangan komuniti India di Malaysia. Terdapat beberapa kes kuil baharu dibina di tanah persendirian dan kuil lama dialihkan atas alasan pembangunan. Untuk mengekalkan keharmonian dan mengelakkan isu politik negatif yang membawa kemudarat, pembinaan dan penempatan semula kuil hendaklah dijalankan secara adil dan teratur. Satu lagi isu ialah larangan penggunaan dewan orang ramai untuk upacara keagamaan bukan Islam. Bagi menjamin keadilan, dan tidak menyinggung sensitiviti agama lain, usaha mesti dilakukan untuk menyediakan dewan orang ramai yang mencukupi, di samping mendidik orang ramai tentang penggunaan ruang yang dikongsi bersama dan kesannya terhadap kesucian agama.



Pada masa yang sama, isu amalan keagamaan mempunyai aspek yang positif dan juga negatif. Selain menghormati dan menyesuaikan keperluan keagamaan komuniti India Malaysia, sumbangan daripada institusi keagamaan India Malaysia juga perlu diteliti, terutamanya sebagai penerima derma besar daripada komuniti tersebut. Kuil memainkan peranan yang penting sebagai rakan kerjasama dalam menyokong dan membangunkan komuniti India di Malaysia; lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk memastikan peranan ini berkekalan.

Bahagian ketiga bab ini membincangkan isu perwakilan kaum India Malaysia dalam kehidupan masyarakat umum. Beberapa stereotaip negatif yang dikaitkan dengan komuniti India Malaysia, seperti penglibatan dalam kumpulan samseng dan jenayah, diperkukuh dalam kehidupan sebenar. Kaum India Malaysia perlu mempunyai perwakilan yang lebih signifikan dalam bidang yang lebih positif. Seiring dengan peningkatan yang ketara dalam sosioekonomi, sepertimana yang disasarkan oleh Pelan Tindakan ini, tanggapan kaum India mengenai komunitinya sendiri dan juga pandangan orang lain mengenai komuniti tersebut perlu diperbaiki.

Kuil Sri Maha Mariamman Dhevasthanam, Kuala Lumpur:

RM 1 Juta telah diperuntukan oleh Kerajaan untuk tujuan pembinaan dan penyelenggaraan.

**Gambar Kuil di halaman muka hadapan Bab 5*



Peningkatan Penyertaan Sosial: Sasaran

A. Kewarganegaraan dan Dokumentasi

- Menyelesaikan isu dokumentasi undang-undang yang dihadapi oleh kira-kira 25,000 penduduk berbangsa India di Malaysia yang tidak mempunyai dokumen, dengan keutamaan diberikan kepada kanak-kanak dan belia, dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan MIB

B. Amalan Keagamaan

- Memperkenalkan dasar dan prosedur yang diterima pada peringkat negeri dan persekutuan berkaitan dengan penubuhan, pendaftaran dan penempatan semula kuil
- Meningkatkan sumbangan sosial oleh kuil dan rumah ibadat komuniti India yang lain
- Menyelesaikan isu penggunaan dewan orang ramai dengan memastikan terdapat bilangan dan/atau akses kepada pilihan dewan lain yang mencukupi, terutamanya di kawasan perumahan kos rendah

C. Perwakilan dalam Kehidupan Masyarakat

- Meningkatkan kadar kaum India dalam perkhidmatan awam kepada sekurang-kurangnya 7% di semua peringkat gred, tanpa mengkompromi semua standard dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan MIB
- Mengurangkan perwakilan kaum India yang berlebihan dalam tangkapan polis, dalam masa 10 tahun pelaksanaan MIB
- Memperbaiki persepsi terhadap komuniti India Malaysia oleh mereka yang berada dalam kalangan komuniti itu sendiri dan juga orang luar²⁵¹

A. Kewarganegaraan dan Dokumentasi

Apabila kemerdekaan dicapai daripada pihak British, kerajaan baharu Tanah Melayu telah memulakan sistem permit kerja yang memerlukan imigran Cina dan India, yang dibawa masuk sebagai buruh, mendaftar untuk menjadi warganegara Tanah Melayu. Namun demikian, dianggarkan satu perlima daripada kaum India, yang kebanyakannya pekerja estet, telah gagal mendaftar untuk permit kerja tersebut, yang kemudiannya diberi taraf warganegara. Kegagalan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti pengasingan geografi, kejahilan, buta huruf dan cabaran-cabaran dalam bentuk prosedur.

Isu tersebut telah berlanjutan selama beberapa generasi. Menurut sebuah NGO²⁵² yang aktif dalam bidang ini, dianggarkan sebanyak 12,300 individu berbangsa India tidak mempunyai kewarganegaraan pada masa ini,²⁵³ manakala 13,000 orang India menghadapi masalah dokumentasi.²⁵⁴ Perkahwinan yang tidak didaftarkan, anak-anak yang dibuang dan pengambilan anak angkat secara tidak rasmi merumitkan keadaan dan menjadikan masalah tersebut berterusan.

Tanpa kewarganegaraan, individu tidak dapat memperoleh MyKad pada usia 12 tahun sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang, ataupun mendaftarkan perkahwinan mereka secara rasmi atau mengatakan anak-anak mereka ialah warganegara Malaysia. Individu yang bukan warganegara, atau seseorang yang mempunyai masalah dokumentasi, tidak dapat menikmati perkhidmatan sokongan asas seperti bantuan kebajikan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Individu bukan warganegara juga sukar memperoleh pekerjaan formal, yang akhirnya mendorong individu tersebut ke arah kerja berkemahiran rendah dan kemiskinan.



²⁵² Development of Human Resources for Rural Areas (DHRRRA)

²⁵³ Merujuk kepada individu yang tidak mempunyai apa-apa dokumen pengenalan dan tidak dianggap sebagai warganegara oleh mana-mana negara

²⁵⁴ Merujuk kepada individu yang memegang kad pengenalan 'merah' (yang menandakan status 'pemastautin tetap') atau MyKAS (yang menandakan status 'pemastautin sementara') yang menghadapi kesukaran untuk memberikan bukti kewarganegaraan, contohnya surat beranak, sijil nikah, dll.

Isu Utama & Intervensi Semasa

Kebimbangan yang paling menekan berkaitan isu kewarganegaraan dan dokumentasi ialah kesannya terhadap kumpulan yang paling mudah terjejas iaitu kanak-kanak dan belia. Kanak-kanak atau belia yang tidak mempunyai dokumentasi tidak dapat mendaftar ke sekolah kerajaan secara rasmi; ramai antara mereka yang memperoleh pendidikan daripada NGO yang mengendalikan persekolahan di rumah, atau langsung tidak menerima pendidikan.

Kebanyakan cabaran ini berkait-rapat dengan dasar dan proses sedia ada. Kebimbangan mengenai keselamatan negara sememangnya tinggi, menyebabkan syarat-syarat untuk membuktikan kelahiran di Malaysia dan keturunan menjadi ketat. Lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk meneroka cara alternatif dan menunjukkan bukti kelahiran dan keturunan yang boleh dipercayai untuk menyelesaikan kes yang benar-benar tulen dari segi kekurangan dokumentasi. Prosedur juga boleh dikaji semula untuk mengurangkan tempoh pemprosesan yang sangat panjang; contohnya, kini, perubahan dalam status perkahwinan pemohon memerlukan penyerahan semula permohonan, yang mungkin menyebabkan keseluruhan proses terpaksa dimulakan semula.

Kos permohonan kewarganegaraan yang agak tinggi juga turut menimbulkan cabaran. Bayaran dikenakan untuk carian pangkalan data, pemprosesan dan ujian paterniti boleh mencapai sehingga lebih RM1,500 bagi setiap permohonan.²⁵⁵ 'Denda lewat' antara RM100 hingga RM300 juga dikenakan kepada kes-kes tertentu.²⁵⁶ Pekerja komuniti telah menyatakan bahawa sejumlah pemohon IB40 yang berjaya ditawarkan taraf kewarganegaraan tidak mengambil sijil kewarganegaraan mereka kerana bayaran denda lewat tersebut. Jika yuran dan bayaran menjadi halangan kepada pemohon, bantuan kewangan atau polisi yang bersesuaian perlu disediakan.



²⁵⁵ Jabatan Kimia Malaysia. Diakses di: <http://www.kimia.gov.my/v3/en/about-us/forensic/paternity.html>

²⁵⁶ Jabatan Pendaftaran Negara. Diakses di: <http://www.jpn.gov.my/en/kp/permohonan-gantian-hilang-kad-pengenalan-mykad-atau-mypr/#1458528203078-8acbf91-eb1b>

Tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan boleh mengambil masa berbulan-bulan jika tidak bertahun-tahun. Sesetengah cabaran proses yang dihadapi merumitkan lagi keadaan. Pemohon sering kali perlu pergi ke pejabat JPN dan ini memakan masa dan menelan belanja. Manakala pemohon yang lebih berusia pula mudah mengalami masalah kesihatan dan pergerakan, yang memanjangkan lagi masa proses tersebut.

Cabaran proses ini telah dikurangkan sedikit sebanyak melalui program outreach. Semasa kempen 'MyDaftar', yang dianjurkan oleh Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan (SITF), unit pendaftaran bergerak JPN telah dikerahkan untuk menangani masalah logistik. Kesan yang besar telah dijana melalui tumpuan yang diberikan secara berkesan kepada penduduk luar bandar yang mempunyai masalah mobiliti. Pemohon juga telah diberi panduan mengenai isu ketiadaan kerakyatan dan cara-cara untuk mendapatkan kewarganegaraan mereka.



Masalah lain yang dihadapi dalam proses ini termasuklah cabaran dalam komunikasi. Pemohon yang gagal selalunya tidak dimaklumkan mengenai sebab-sebab permohonan mereka ditolak, justeru mereka tidak mengetahui cara menangani kelemahan dalam permohonan mereka. JPN juga berhadapan dengan masalah sijil kewarganegaraan yang telah diluluskan tetapi tidak diambil. Maklumat berkenaan dengan lokasi pemohon kebiasaannya tidak dikemaskini, menyebabkan mereka sukar dihubungi untuk menyampaikan sijil mereka.

Akhir sekali, terdapat cabaran yang besar dalam operasi disebabkan oleh kekurangan sumber yang sesuai. Untuk mencapai sasaran Pelan Tindakan ini yang berkaitan dengan kewarganegaraan dan dokumentasi, Unit Pelaksanaan MIB perlu membentuk pasukan yang mempunyai ahli, kuasa dan kemampuan yang mencukupi untuk bekerjasama dengan JPN dan Kementerian Dalam Negeri berhubung dasar dan proses serta menjalin kerjasama yang berkesan dengan rakan program.



Melangkah ke Hadapan: Cadangan & Inisiatif MIB

Rasa kekitaan dalam sesebuah negara bermula dengan seseorang individu diiktirafkan sebagai warganegara negara tersebut. Kerajaan sangat prihatin terhadap perkara ini, sebagaimana yang dapat dilihat melalui pelbagai kempen kesedaran dan pendaftaran yang diadakan seperti 'MyDaftar'. Menyedari keseriusan isu ini, Pelan Tindakan ini menetapkan matlamat untuk mencapai sasaran yang berikut:

- Menyelesaikan isu dokumentasi undang-undang yang dihadapi oleh kira-kira 26,600 penduduk bangsa India di Malaysia yang tidak mempunyai dokumen, dengan keutamaan diberikan kepada belia dan kanak-kanak, menjelang tahun 2021.


Untuk mencapai sasaran ini, Pelan Tindakan ini merancang untuk melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

1. Menubuhkan Pasukan Petugas Bersama CCIC-KDN (JPN)

Satu Pasukan Petugas Bersama yang terdiri daripada pegawai kanan di Kementerian Dalam Negeri, JPN, Unit Pelaksanaan MIB dan agensi kerajaan lain yang berkaitan akan ditubuhkan. Tugas utama Pasukan Petugas Bersama ini ialah:

- Mengenal pasti, merekod dan menyegerakan pemprosesan permohonan prioriti.
- Mengubah kelayakan perkhidmatan untuk sijil kerakyatan pertengahan atau sementara (contohnya MyKAS) terutamanya untuk kumpulan paling mudah terjejas seperti belia dan kanak-kanak. Pada masa yang sama, insentif akan diberikan untuk menggalakkan ibu bapa menghantar permohonan bagi kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen untuk mendapatkan sijil sementara dan mendaftarkan mereka di sekolah.
- Mengkaji semula dasar dan prosedur untuk mengurangkan purata tempoh pemprosesan permohonan dokumentasi dan mempermudah proses²⁵⁷, terutamanya bagi belia dan kanak-kanak.
- Memantau dan melaporkan tempoh pemprosesan dan status semua permohonan.

Peruntukan sumber yang mencukupi dari segi mandat, kakitangan dan belanjawan akan dilakukan dalam Unit Pelaksanaan MIB untuk menangani isu ketiadaan kerakyatan dan dokumentasi.



²⁵⁷ Contohnya, meneliti proses pemberian surat beranak secara automatik bagi kelahiran di hospital, sekali gus mengetepikan tempoh membuat tuntutan 14 hari yang merupakan proses masa kini

B. Amalan Keagamaan

Pada umumnya, Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum dan berbilang agama yang hidup secara harmoni dan bertolak ansur. Kebebasan beragama termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, dan hak ini perlu dihormati. Tolak ansur dan perpaduan antara kaum didukung dengan kukuh, sepertimana yang dapat dilihat dalam slogan '1Malaysia' yang diuar-uarkan oleh Kerajaan.



Namun begitu, kes ketegangan antara kaum masih berlaku dan semakin meruncing apabila situasi yang sensitif tidak ditangani dengan betul. Komuniti India Malaysia mempunyai kebimbangannya yang tersendiri, dan sejak beberapa tahun yang lalu isu perobohan kuil dan penggunaan dewan orang ramai bagi tujuan upacara keagamaan terbukti mencetuskan banyak kontroversi.

Aspek agama masih lagi merupakan perkara yang penting dalam kehidupan sebahagian besar rakyat Malaysia. Oleh itu, adalah penting untuk mencari jalan untuk menangani keperluan keagamaan komuniti India tanpa menjejaskan sensitiviti agama komuniti yang lain.

Isu Utama & Intervensi Pada Masa Ini

Sebagaimana yang dilaporkan oleh pelbagai sumber berita,²⁵⁸ dianggarkan sebanyak 79 kuil telah dirobohkan antara tahun 2006 hingga 2007.

Kes perobohan dan penempatan semula kuil boleh dibahagikan kepada dua jenis:

- Kuil sebelum zaman kemerdekaan, yang melibatkan kuil-kuil yang dibina sebelum Merdeka, kebanyakannya di estet.
- Kuil yang tidak berdaftar, yang mencakupi bilangan terbesar kes sedemikian pada tahun-tahun kebelakangan ini. Seiring dengan peningkatan bilangan penduduk India di Malaysia, banyak kuil baharu telah dibina secara haram di tanah milik negeri atau persendirian, sekali gus melanggar garis panduan²⁵⁹ penubuhan rumah ibadat bukan Islam di Malaysia.



SRI SUBRAMANIYA SWAMI DHEVASTHANAM, BATU CAVES

RM 2 Juta telah diperuntukan oleh Kerajaan bagi tujuan pembinaan dan penyelenggaraan.

Pada dasarnya, perobohan sesebuah kuil merupakan isu undang-undang, meskipun isu ini boleh dipolitikkan dan dijadikan sebagai isu perkauman memandangkan sifatnya yang emotif.

Pada masa ini, badan penasihat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk menjadi pengantara dalam isu-isu yang berkaitan dengan penempatan semula. Usaha RIBI ini akan dapat diperkukuh sekiranya protokol yang saksama dan teratur yang mentadbir urus penubuhan, penempatan semula dan perobohan rumah ibadat dimaklumkan dan diiktiraf ramai.

²⁵⁸ Malhotra, Sunder "Is there any international outcry to stop demolishing Hindu temples in Malaysia?" (2007, 2 Disember) NRILInternet.com. Diakses di: http://nrilinternet.com/NRIhindu/MALAYSIA/Malaysia-demolishing_Hindu_Temples/index.htm

²⁵⁹ Garis panduan yang dikeluarkan oleh Unit Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 'Cadangan Garis Panduan Pembinaan Rumah-rumah Ibadat Bukan Islam' & 'Temple Guide Handbook' oleh Malaysia Hindu Sangam



Sebaliknya, kuil-kuil juga hendaklah menjalankan peranan yang lebih besar sebagai penyumbang kepada pembangunan sosial komuniti India di Malaysia.

Dalam beberapa interaksi dengan pihak berkepentingan, kekurangan inisiatif dan/ atau ketelusan pihak kuil dan institusi keagamaan India yang lain dalam memenuhi keperluan komuniti mereka telah diutarakan berulang kali sebagai satu isu. Walaupun sesetengah kuil mungkin sangat aktif dalam komunitinya, namun kekurangan penglibatan pada umumnya perlu ditangani. Cabaran lain yang dialami adalah penggunaan dewan orang ramai untuk upacara keagamaan. Inilah masalah yang biasanya timbul di kawasan kejiranan PPR yang padat, memandangkan terdapat hanya satu dewan untuk kegunaan bersama, dan terdapat sensitiviti dalam penggunaan dewan tersebut disebabkan perbezaan dalam amalan keagamaan dan budaya.

Untuk menangani masalah ini, CCIC telah mengarahkan pembinaan sebanyak 15 buah dewan orang ramai dan 15 krematorium di lokasi yang padat dengan penduduk India Malaysia.

Status	Krematorium	Dewan
Siap	2	3
Dalam pembinaan	4	2
Peringkat Pembangunan / Perancangan ²⁶⁰	9	10

Sumber : CCIC

²⁶⁰ Termasuk pengenaltastian/rundingan tanah, kelulusan pembinaan, pembiayaan, pemilihan kontraktor/vendor, dsb.

Melangkah ke Hadapan: Cadangan & Inisiatif MIB

Pelan Tindakan ini menetapkan matlamat untuk mencapai sasaran yang berikut:

- Memperkenalkan dasar yang diterima pada peringkat Kerajaan Negeri dan Persekutuan berhubung penubuhan, pendaftaran dan penempatan semula kuil
- Meningkatkan sumbangan sosial oleh kuil dan rumah ibadat kaum India yang lain
- Menyelesaikan isu penggunaan dewan orang ramai dengan memastikan terdapat bilangan dan/atau akses kepada pilihan dewan lain yang mencukupi, terutamanya di kawasan perumahan kos rendah.

Untuk mencapai sasaran ini, Pelan Tindakan ini merancang untuk melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

1. Menubuhkan Pangkalan Data Kuil Kebangsaan

Kerjasama antara Unit Pelaksanaan MIB, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ("JPBD"), Pihak Berkuasa Tempatan, kerajaan negeri serta beberapa NGO utama akan dimulakan untuk mewujudkan pangkalan data untuk menjejaki semua kuil dan dengan itu mengelakkan sebarang isu yang mungkin timbul pada masa hadapan.

Pangkalan data ini juga akan dirujuk oleh pasukan pematuhan dan pengantaraan Kerajaan Persekutuan dan negeri. Sebagai contoh, sebelum memberikan dana untuk kuil baharu, satu penilaian akan dijalankan oleh Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan, berdasarkan maklumat pada pangkalan data tersebut, untuk memastikan semua garis panduan pembinaan dan keperluan dokumentasi untuk rumah ibadat bukan Islam telah dipatuhi.



2. Mewujudkan modus pemantauan bagi institusi keagamaan

Sebagai respons kepada permintaan pihak berkepentingan dalam komuniti untuk meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan, Unit Pelaksanaan MIB akan menjalankan kajian perundingan untuk menubuhkan platform atau kaedah yang membolehkan sumbangan sosial dan kewajipan fidusiari kuil dan institusi keagamaan kaum India Malaysia dinilai. Matlamatnya bukan sahaja sekadar mengukur ketelusan kewangan dan sumbangan sosial, malah turut bertujuan memupuk semangat aktiviti penandaarasan secara sihat dan pengiktirafan kecemerlangan. Modus fungsi penilaian dan pemantauan ini akan distruktur dan diperincikan, dengan pelaksanaannya disasarkan pada tahun 2018.



3. Meningkatkan bilangan dewan orang ramai dan toleransi dalam penggunaan

Sementara CCIC terus memantau pembinaan dewan orang ramai dan krematorium yang dijanjikan, Dewan Serba Guna, sekolah dan kuil yang sedia ada di kawasan yang padat dengan penduduk India akan dikenal pasti untuk kegunaan komuniti tersebut. Jurang penawaran pada peringkat setempat akan diambil perhatian dan ditangani secara bersama oleh Unit Pelaksanaan MIB dan pihak berkepentingan tempatan yang berkaitan. Kerjasama antara pihak swasta dan awam juga akan dicadangkan sekiranya keadaan setempat dan keperluan komuniti tersebut mewajarkan pengaturcaraan sedemikian.



SLIM RIVER COMMUNITY HALL

Dewan Komuniti India yang berjumlah RM 500,000, salah satu daripada 15 dewan yang dijanjikan oleh Kerajaan untuk komuniti India.

Unit Pelaksanaan MIB juga akan bekerjasama dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ("JPBD") dan kerajaan negeri untuk meminda garis panduan reka bentuk bangunan bagi pembangunan perumahan kos rendah dan kos sederhana, terutamanya rumah pangsa. Matlamat kerjasama ini adalah untuk memenuhi keperluan semua bangsa dengan menggunakan pakai reka bentuk yang membenarkan penyediaan ruang dikongsi yang mencukupi dan ditempatkan di lokasi yang sesuai, termasuk dewan untuk kegunaan upacara berbilang agama.

Untuk menyokong matlamat yang dinyatakan di atas, Unit Pelaksanaan MIB akan bekerjasama secara erat dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), NGO dan juga pemimpin tempatan daripada semua bangsa di blok apartmen dan kejiranan yang dikenal pasti mempunyai kepadatan penduduk India yang tinggi untuk meningkatkan persefahaman dan toleransi antara agama, termasuk dalam penggunaan ruang yang dikongsi bersama.



C1. Perwakilan dalam Masyarakat Awam: Perekrutan & Kenaikan Pangkat dalam Perkhidmatan Awam

Daripada sejumlah 1.6 juta pekerja sektor awam di Malaysia, hanya 4.1% terdiri daripada kaum India Malaysia.²⁶¹ Pada tahun 2015, hanya 1,157 orang pemohon berbangsa India Malaysia diterima bekerja dalam perkhidmatan awam. Bilangan ini merupakan sebahagian kecil sahaja daripada 69,052 permohonan kaum India yang diterima pada tahun itu.²⁶² Penurunan bilangan kaum India dalam perkhidmatan awam telah diperhatikan sejak tahun 1980-an lagi. Pada tahun 2004, Setiausaha Parlimen pada waktu itu mendedahkan bahawa peratusan penjawat awam berbangsa India telah berkurangan daripada 9.8% kepada 5.2% dalam tempoh 23 tahun.²⁶³

Isu Utama & Intervensi Pada Masa Ini

Pada bulan April 2015, kerajaan mengumumkan pembekuan perekrutan untuk jawatan tertentu dalam perkhidmatan awam bagi suatu tempoh masa yang tidak pasti disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi global. Walau bagaimanapun, jawatan sementara dan kontrak masih dibuka untuk perekrutan, mengikut keperluan jabatan-jabatan yang berkenaan.

Pada ketika ini, Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan ("SITF") sedang bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam ("JPA") untuk memastikan pemohon berbangsa India Malaysia yang layak akan mengisi sebahagian daripada jawatan sementara dan kontrak tersebut, sebagai kadar perwakilan yang munasabah bagi kaum ini. Kadar penerimaan yang rendah seperti yang dinyatakan sebelum ini mencerminkan cabaran besar yang dihadapi oleh calon berbangsa India Malaysia yang kurang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut dan kekurangan dalam proses permohonan.²⁶⁴



Walaupun bilangan pemohon berbangsa India adalah tinggi setiap tahun, kebanyakan daripada pemohon ini ditolak disebabkan alasan seperti gagal menepati keperluan minimum akademik, gagal melengkapkan permohonan dalam talian dengan betul atau tepat pada masanya, dan gagal sewaktu temu duga secara bersemuka.²⁶⁵

Program outreach bersasaran, seiring dengan saringan dan garis panduan yang betul adalah perlu untuk memastikan pemohon lulus syarat-syarat kemasukan.

²⁶¹ Statistik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) 2015.

²⁶² Statistik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) 2015.

²⁶³ <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2015/05/09/lack-of-non-bumi-in-civil-service-must-be-addressed/>

²⁶⁴ Majoriti kaum India Malaysia yang berkelayakan mungkin lebih suka menceburi kerjaya dalam sektor swasta

²⁶⁵ Temu bual bersama SITF dan pihak berkepentingan yang lain

Melangkah ke Hadapan: Cadangan & Inisiatif MIB

Pelan Tindakan ini menetapkan sasaran untuk meningkatkan penyertaan kaum India dalam perkhidmatan awam Malaysia kepada sekurang-kurangnya 7% pada semua peringkat gred menjelang tahun 2026.

Untuk mencapai sasaran ini, Pelan Tindakan ini berhasrat melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

1. Memperkukuh aliran pekerja baharu

Unit Pelaksanaan MIB akan bekerjasama secara erat dengan JPA untuk mengenal pasti dan menyediakan peruntukan bagi Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan 'Lantikan Kontrak Khas'. Perkara ini akan disokong dengan jawatan tetap dalam perkhidmatan awam apabila pengambilan pekerja diteruskan semula.

Pada masa yang sama, Unit Pelaksanaan MIB akan mengkaji semula usaha outreach semasa untuk mengenal pasti dan memperluas kelompok bakat pemohon, terutamanya dalam kalangan IB40. Aktiviti outreach akan termasuk saringan calon dan bengkel latihan agar para pemohon bersedia untuk menduduki ujian dan temu duga JPA.

Untuk menarik calon berprestasi tinggi agar berminat untuk memohon pekerjaan dalam sektor awam, usaha outreach akan disesuaikan mengikut keadaan. Penjawat awam kanan berbangsa India akan ditonjolkan sebagai model peranan dan duta program outreach, dalam usaha menarik pemohon yang berminat dalam sektor awam.



2. Menjejaki dan menangani perkembangan penjawat awam India Malaysia

Melalui kerjasama dengan JPA, Unit Pelaksanaan MIB akan menjejaki bilangan penjawat berbangsa India Malaysia di semua gred dalam perkhidmatan awam Malaysia dalam usaha memastikan perwakilan yang seimbang, tanpa mengkompromi aspek kelayakan atau pengalaman.

Kekurangan kadar perwakilan yang munasabah akan ditangani melalui pelan hala tuju yang mengenal pasti calon berpotensi tinggi dan mempersiapkan mereka untuk kenaikan pangkat atau pertukaran.



3. Meningkatkan Penempatan Pegawai Berbangsa India di Lokasi-lokasi yang Berkenaan

Unit Pelaksanaan MIB akan menilai keseimbangan etnik dalam kepemimpinan dan kakitangan barisan hadapan, di lokasi-lokasi yang padat dengan penduduk berbangsa India, dalam pelbagai agensi perkhidmatan awam utama seperti PDRM, hospital dan klinik kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain. Dengan kerjasama JPA dan kerajaan negeri, Unit Pelaksanaan MIB akan mencadangkan penempatan pegawai berbangsa India Malaysia dalam jawatan-jawatan utama di lokasi seperti Sentul, Brickfields, Kajang dan lain-lain, dalam usaha menambah baik hubungan dengan komuniti tersebut, sekali gus meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penyelesaian masalah dalam masyarakat.




C2. Perwakilan dalam Kehidupan Masyarakat Awam: Jenayah

Penglibatan dalam jenayah, terutamanya geng penjenayah, merupakan salah satu daripada gejala peminggiran daripada masyarakat umum. Dilaporkan bahawa kira-kira 70% daripada samseng di Malaysia berketurunan India.²⁶⁶ Kebanyakan mereka terlibat dalam kegiatan jenayah sejak usia muda sebagai cara memenuhi keinginan rasa kekitaan dan perlindungan, seperti yang dinyatakan dalam bahagian 'Belia Berisiko' dalam bab 'Pendidikan'. Walaupun sebahagian daripada mereka meninggalkan kegiatan kumpulan samseng apabila mereka mencapai usia matang, banyak juga yang terus menceburi kerjaya jenayah.



Tangkapan Polis Mengikut Etnik 2015

Kesimpulan ini dibuat berdasarkan data yang diperoleh daripada Polis Diraja Malaysia yang menunjukkan kadar jenayah ganas yang tinggi dalam tangkapan penjenayah berbangsa India berbanding dengan etnik yang lain.²⁶⁷



²⁶⁶ Sumber daripada pengarah CID Bukit Aman, sepertimana yang dilaporkan dalam "Indian gangs originated from Chinese triads" (2013, August 27) The Sun Daily. Diakses di: <http://www.thesundaily.my/news/808352>

²⁶⁷ Jenayah ganas termasuklah pembunuhan, percubaan membunuh, rogol, sumbang mahram, rompakan bersenjata, rompakan tanpa senjata, serang sentuh, dsb. Sumber: Unit Siasatan Jenayah, PDRM. 2014

Isu Utama & Intervensi Semasa

Salah satu daripada faktor utama bagi kadar jenayah yang agak tinggi dalam kalangan bangsa India Malaysia ialah keadaan sosioekonomi komuniti ini yang tidak memberangsangkan. Kekurangan keperluan asas, pendidikan yang kurang baik dan pendapatan yang rendah terus mendorong individu ke arah perbuatan jenayah dan kumpulan samseng.

Lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk menghalang pengambilan ahli baharu ke dalam kumpulan samseng dan juga untuk membantu ahli yang sedia ada keluar daripada kumpulan dengan selamat. Tahap sokongan boleh dipertingkatkan, pada peringkat komuniti dan kebangsaan, kepada bekas banduan yang telah menjalani hukuman penjara. Bekas banduan sering kali menghadapi cabaran untuk menyesuaikan diri, termasuklah mengalami diskriminasi daripada komuniti, yang boleh mendorong mereka kembali kepada cara hidup masa lampau mereka. Walaupun Jabatan Penjara mempunyai program pemulihan berstruktur untuk banduan yang sedang menjalani hukuman, sokongan yang lebih banyak diperlukan pada peringkat selepas pembebasan, iaitu waktu yang paling penting dalam proses mengembalikan semula mereka ke pangkuan masyarakat.



Melangkah ke Hadapan: Cadangan & Inisiatif MIB

Pelan Tindakan ini menetapkan sasaran untuk mengurangkan perwakilan kaum India yang berlebihan dalam tangkapan polis menjelang tahun 2026.

Untuk mencapai sasaran ini, Pelan Tindakan ini berhasrat melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

1. Memastikan Peningkatan dari Segi Pendidikan dan Sosioekonomi Kumpulan IB40

Pendekatan pelbagai kaedah akan diambil untuk mencapai matlamat ini. Sila rujuk bab 'Keperluan Asas', 'Pendidikan' dan 'Peningkatan Pendapatan' bagi perincian lanjut mengenai inisiatif yang akan dilaksanakan.

2. Mewujudkan Inisiatif Sokongan Kebangsaan terhadap Banduan dan Bekas Banduan Berbangsa India

Melalui kerjasama dengan Jabatan Penjara dan pihak berkepentingan utama yang lain, Unit Pelaksanaan MIB akan mewujudkan satu inisiatif untuk merintis dan merangka inisiatif yang direka khas untuk menyokong pemulihan banduan India selain membantu peralihan mereka ke dalam kehidupan biasa dan alam pekerjaan selepas dibebaskan. Modul utama inisiatif tersebut adalah untuk melibatkan bekas banduan dalam mengenal pasti dan memberikan kaunseling kepada bakal pesalah agar mereka menjauhi jenayah dalam hidup mereka.



C3. Perwakilan dalam Kehidupan Masyarakat Awam: Identiti Komuniti



Tidak ada kumpulan etnik yang terkecuali daripada stereotaip dan generalisasi perkauman; sama ada secara negatif mahupun positif. Walaupun stereotaip ini sering digunakan secara berseloroh, namun demikian perkara ini boleh dihayati dan dianggap sebagai benar oleh ahli kumpulan etnik itu sendiri dan orang luar. Apabila stereotaip negatif dipercayai oleh individu dalam kumpulan etnik yang diperkatakan, hal yang demikian akan menjatuhkan harga diri dan mengakibatkan ahlinya mengalami 'ancaman stereotaip' yang menjejaskan prestasi dalam pendidikan dan usaha yang lain. Apabila stereotaip negatif ini dipercayai oleh individu di luar kumpulan etnik tersebut, terutamanya yang jarang bergaul dengan kumpulan etnik yang lain, diskriminasi boleh berlaku.

Stereotaip negatif akan menjejaskan segmen berpendapatan rendah dalam komuniti India Malaysia secara tidak seimbang kerana segmen ini tidak mempunyai kesan pengimbang yang boleh ditawarkan mengikut kelas. Untuk membolehkan segmen ini maju, mereka perlu membebaskan diri daripada stereotaip negatif ini dan meningkatkan keupayaan untuk maju ke hadapan.

Isu Utama & Intervensi Semasa

Stereotaip negatif yang dihadapi oleh kaum India Malaysia dapat dikaitkan dengan ciri-ciri fizikal seperti warna kulit, amalan budaya dan keagamaan serta faktor sosial seperti alkoholisme, keganasan dan penglibatan dalam jenayah dan kumpulan samseng.



Terdapat kes penghinaan yang bersifat perkauman terhadap bangsa India yang dibuat oleh tokoh berwibawa, walaupun kes-kes sebegini selalunya akan dikecam oleh masyarakat umum.²⁶⁸ Lebih serius lagi, stereotaip negatif boleh mengakibatkan layanan tidak adil seperti diskriminasi dalam pekerjaan. Terdapat juga kes yang dilaporkan oleh media bahawa tuan rumah bukan India tidak menerima penyewa berbangsa India. Dalam kes yang ekstrem, stereotaip negatif yang ditambah pula dengan kurangnya pemahaman tentang budaya juga boleh menyebabkan persengketaan antara etnik pada masa dahulu.²⁶⁹

Sehingga hari ini, sebahagian besar usaha untuk menonjolkan teladan positif dan mengubah kisah komuniti India Malaysia telah dihadkan kepada komuniti itu sendiri. Usaha bersepadu perlu dibuat untuk membawa perbincangan ini ke peringkat kebangsaan.

²⁶⁸ "Malaysia: Indians demand apology in racial slur case" (2008, August 6) News18.com. Diakses di: <http://www.news18.com/news/india/malaysia-indians-demand-apology-in-racial-slur-case-294267.html>

²⁶⁹ Pada Mac 2001, pertelingkahan sengit antara kumpulan Melayu dengan India telah tercetus di Kampung Medan, Petaling Jaya. Peristiwa bermula dengan perbalahan mengenai akses jalan raya untuk perarakan pengebumian India dan majlis perkahwinan Melayu. Keganasan tersebut berlangsung selama 3 minggu dan merebak ke kawasan sekitar, mengakibatkan 6 kematian dan lebih seratus orang cedera. Sumber: laporan media.

Melangkah ke Hadapan: Cadangan & Inisiatif MIB

Pelan Tindakan ini menetapkan sasaran untuk memperbaiki tanggapan terhadap komuniti India di Malaysia oleh mereka yang berada dalam kalangan komuniti itu sendiri dan juga orang luar. ²⁷⁰

Untuk mencapai sasaran ini, Pelan Tindakan ini berhasrat melaksanakan perkara-perkara yang berikut:



Mengadakan Kempen 'Bangga Komuniti'

Kempen ini bertujuan mewujudkan kesedaran pada peringkat kebangsaan mengenai kisah-kisah pencapaian bangsa India Malaysia dalam perbagai sektor, berganding bahu dengan kumpulan etnik lain di Malaysia, dengan menonjolkan individu dan pasukan yang cemerlang seperti penulis, pendidik, usahawan, ahli sains, dermawan, personaliti sukan, artis dan belia yang berprestasi tinggi. Sukan, khususnya, akan memberikan pengiktirafan kepada sesebuah komuniti dalam bentuk rohaniah, lebih-lebih lagi dalam kalangan belia, sebagai sebahagian daripada kempen ini. MIB akan bekerjasama dengan pihak kementerian, agensi, NGO dan rakan korporat untuk meningkatkan penyertaan kaum India Malaysia dalam arena sukan.

Suara-suara yang mencanangkan pencapaian dan sumbangan bangsa India Malaysia kepada fabrik masyarakat Malaysia hendaklah datang daripada semua bangsa untuk menyokong semangat perpaduan yang sebenar. Kisah pencapaian IB40 juga akan diserlahkan untuk menghapuskan stereotaip yang dikaitkan dengan etnik dan kelas.



²⁷⁰ Pengukuran akan dilakukan, dan garis dasar akan diukur, pada tahun 2017.



Kempen kesedaran awam ini juga bertujuan mencetuskan keinginan untuk berubah dalam kalangan komuniti India Malaysia secara umumnya, dan keluarga yang bermasalah secara khususnya. Hal ini akan menyangkal stereotaip komuniti berkaitan dengan kepincangan 'yang sudah menjadi normal', seperti pengambilan alkohol yang berlebihan dan keganasan. Kempen ini akan disertakan dengan khidmat maklumat dan rujukan untuk membantu keluarga yang mempunyai pertanyaan atau menginginkan bantuan.



BAB 6

Pelaksanaan Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia



Implementasi & Tadbir Urus

Komuniti India merupakan salah satu komponen utama yang membentuk masyarakat majmuk di Malaysia yang menjadi tunggak utama kepada pembangunan ekonomi negara, kepelbagaian budaya dan pembentukan identiti nasional. Kaum India Malaysia merupakan kumpulan etnik minoriti kedua terbesar yang tinggal di Malaysia, merangkumi 7% daripada jumlah penduduk²⁷¹.

Jika dilihat daripada sudut pandangan yang menyeluruh, komuniti India Malaysia telah mengecapi kemakmuran seiring dengan pencapaian negara: pendapatan min dan median bagi kaum India sebagai sebuah kumpulan adalah lebih tinggi sedikit daripada purata pendapatan nasional. Walau bagaimanapun, di sebalik angka tersebut, terdapat satau ketidaksamaan intra-etnik yang mendalam. Jika situasi ini tidak diberi perhatian dari segi dasar yang khusus, kewujudan golongan subkelas kaum India yang akan terus tercicir daripada arus perdana pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan tidak dapat dielakkan.



Menyedari akan kesannya kepada masyarakat India Malaysia, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bagi Mengetahui dan Memantau Penyertaan Masyarakat India Di Dalam Program dan Projek-Projek Kerajaan (CCIC) pada tahun 2008 untuk mengkaji semula permasalahan yang dihadapi komuniti India Malaysia dengan memberi perhatian yang khusus kepada setiap sektor utama yang melibatkan kaum India Malaysia dan secara tidak langsung meningkatkan akses masyarakat India Malaysia kepada perkhidmatan dan bantuan yang terdapat dalam sektor-sektor tersebut. Empat unit khas telah diwujudkan secara berperingkat-peringkat untuk menangani bidang-bidang yang telah dikenal pasti: Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan (Special Implementation Task Force, SITF) yang telah memainkan peranan penting dalam menyelesaikan sejumlah besar kes kewarganegaraan dan dokumentasi; Unit Pelan Tindakan untuk Masa Depan Sekolah Tamil (PTST); Sekretariat Khas untuk Memperkasakan Usahawan India (Secretariat for Empowerment of Indian Entrepreneurs, SEED) yang menyediakan khidmat sokongan kepada usahawan dan entiti perniagaan India; dan yang terakhir, Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (Unit for Socio-Economic Development of the Indian Community, SEDIC) yang membiayai program-program pembangunan sosioekonomi melalui Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan institut latihan kemahiran swasta (ILKS).

Dalam memenuhi mandat yang telah diberikan, unit-unit berkenaan telah berjaya membawa perubahan kepada sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Sejak kewujudan empat unit khas ini serta dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO); beberapa hasil positif telah dapat dicapai, termasuklah peningkatan dalam peruntukan yang disalurkan bagi pembangunan infrastruktur sekolah-sekolah Tamil serta peningkatan dalam tahap kelayakan guru-guru; kemudahan pembiayaan kewangan untuk lebih 29,115 usahawan kecil dan sederhana kaum India; pelaksanaan pelbagai program komuniti untuk membantu mengatasi cabaran yang dihadapi seperti kemasukan ke universiti sehinggalah kepada usaha meningkatkan kemahiran ibu tunggal; dan menarik lebih 6,000 dari kaum India untuk tampil ke hadapan untuk pendaftaran dokumen kewarganegaraan.



²⁷¹ Termasuk penduduk bukan warganegara Malaysia, contohnya pekerja asing.
Sumber: Anggaran Penduduk 2015, Jabatan Perangkaan Malaysia.



Meskipun agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan terus memainkan peranan masing-masing, kewujudan empat unit khas tersebut sebagai agensi perantara telah meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat India, menggalakkan dan memudah carakan penyertaan dalam program kerajaan yang sedia ada selain mewujudkan program serta sistem pelaksanaan yang khusus kepada kaum India Malaysia.

Pada masa sama, beberapa kekurangan telah dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan untuk memperkukuh modaliti pelaksanaan telah diutarakan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam komuniti. Penyatuan keempat-empat unit telah ditekankan bagi memaksimumkan sinergi daripada kesepaduan misi serta ke arah penggunaan perkongsian pengetahuan, sumber, maklumat, penyelidikan, rangkaian dan amalan terbaik dengan lebih efektif. Meningkatkan penggunaan data, penetapan sasaran dan pemantauan prestasi juga turut diutarakan.



Pembangunan Pelan Tindakan ini juga menekankan penyatuan dalam modaliti pelaksanaan untuk menangani bidang tambahan yang digariskan serta mencapai sasaran Pelan Tindakan dalam bidang-bidang ini. Bidang-bidang dasar ini adalah seperti yang berikut:



1

Pencapaian Pendidikan & Remaja. Mandat bagi bidang ini tidak terhad kepada pendidikan sekolah Tamil sahaja tetapi turut meliputi prestasi pencapaian pelajar-pelajar kaum India Malaysia sehingga ke peringkat tertiar serta anak-anak dan remaja berisiko tinggi.

2

Peningkatan Pendapatan. Mandat bagi bidang ini meliputi keusahawanan dan pekerjaan, iaitu latihan kemahiran dan penempatan kerja. Bidang ini juga merangkumi kesedaran dan pengurusan kewangan serta membina kekayaan terutamanya dalam golongan IB40.



3

Kebajikan & Keperluan Asas. Bidang ini menangani cabaran yang dihadapi oleh kumpulan yang paling mudah terjejas dalam komuniti India, termasuk tetapi tidak terhad kepada golongan miskin tegar, golongan yang tidak mempunyai rumah dan /atau penjagaan kesihatan, golongan yang menghadapi masalah dokumentasi dan golongan yang menghadapi risiko peminggiran atau pengusiran dari kawasan ladang.



4

Identiti & Keterangkuman. Bidang ini berperanan untuk mengenal pasti penyelesaian kepada isu-isu yang berkaitan dengan pengamalan agama dan juga isu-isu lain berkaitan agama, budaya atau politik lain yang boleh meminggirkan kaum India sebagai suatu komuniti, misalnya stereotaip dan diskriminasi perkauman yang negatif.



Berdasarkan di atas, pelaksanaan pendekatan berikut akan ditubuhkan untuk menyampaikan Pelan Tindakan Masyarakat India dari tahun 2017-2030.



Penyampaian Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia: Amalan Prinsip

Pelaksanaan atau kaedah Implementasi Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia (MIB) berpandukan empat prinsip teras yang berikut:

Kesepaduan

- Entiti implementasi MIB mempunyai kesedaran yang tinggi tentang misi yang dikongsi bersama untuk meningkatkan secara holistik masyarakat India Malaysia terutamanya kumpulan IB40.
- Entiti implementasi MIB memaksimumkan kerjasama dan pembelajaran antara unit.

Impak

- Entiti implementasi MIB mempunyai kedudukan, kuasa dan kewibawaan untuk bertindak dengan berkesan dalam Kerajaan
- Entiti implementasi MIB menilai impak dan menambah baik program secara sistematik dan berkesan dari segi kos
- Entiti implementasi MIB sentiasa meningkatkan keberkesanannya secara berterusan dengan menerapkan penyelidikan, amalan terbaik, data dan rangkaian

Perangkuman

- Entiti implementasi MIB menuju ke arah pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan komuniti India Malaysia dalam konteks mengintegrasikan mereka dalam struktur kemasyarakatan Malaysia.
- Entiti implementasi MIB memanfaatkan bakat, pengetahuan, idea dan sumber dari segenap lapisan masyarakat.

Integrasi

- Entiti implementasi MIB bertindak seiring dengan program Kerajaan yang sedia ada dan berganding bahu dengan agensi dan platform implementasi yang relevan.
- Entiti implementasi MIB akan berusaha secara berterusan ke arah memastikan penyertaan kaum India ditangani dan disepadukan dalam semua agensi Kerajaan yang berkaitan sebagai satu dasar dan amalan dalam tempoh jangka panjang²⁷².

272 Fungsi pemantauan akan kekal selepas tahun 2030 untuk memantau status komuniti dan kadar penyertaan

A. Modaliti & Struktur

Fungsi keseluruhan tadbir urus yang dilaksanakan oleh CCIC akan diteruskan dan disokong oleh sebuah Jawatankuasa Eksekutif CCIC yang bermesyuarat setiap bulan untuk menyelesaikan isu pelaksanaan antara agensi dan memantau kemajuan.

Unit-unit di bawah CCIC akan terus memainkan peranan jangkaun dan kemudahan²⁷³ dalam perkongsian dengan kementerian dan agensi pelaksana utama. Untuk penyatuan yang lebih mantap dan untuk mencakupi skop Pelan Tindakan, unit-unit ini akan disusun semula dan digabungkan menjadi satu entiti, menggunakan nama dan piagam undang-undang di Unit yang sedia ada untuk SEDIC (Socioeconomic Development of the Indian Community). Entiti ini akan menjadi agensi utama yang memacu penyampaian Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia.

SEDIC yang baharu akan terdiri daripada empat subunit yang disusun semula, selaras dengan bidang-bidang dasar yang digariskan di atas, serta fungsi sokongan baharu dalam penyelidikan dan pengendalian projek rintis khas. Fungsi SEDIC semasa dalam membiayai pelbagai program berasaskan komuniti akan diserap merentas keempat-empat subunit yang disusun semula, sejajar dengan bidang dasar masing-masing yang perlu dicakup. Bersama-sama dengan kementerian yang menggubal dasar dan agensi pelaksana, subunit akan melaksanakan dan/atau memudahkan inisiatif yang dicadangkan dalam Pelan Tindakan ini serta membuat/atau mencadangkan tindakan pembetulan, sekiranya perlu.


CCIC dan Jawatankuasa Eksekutif CCIC akan disokong oleh fungsi komunikasi dan pemantauan prestasi yang melaporkan kepada dua Jawatankuasa tersebut.



²⁷³ Dalam kes yang mempunyai modul tambahan atau inisiatif tidak bertindih baharu, unit-unit akan meneruskan peranan mereka sebagai pelaksana atau pelaksana bersama

Kaedah dan struktur penyampaian keseluruhan adalah seperti yang berikut:

Untuk memastikan hubungan yang erat dengan pihak berkepentingan komuniti yang aktif, Lembaga Perundingan dan Penasihat SEDIC akan diwujudkan yang terdiri daripada pemimpin dan peneraju masyarakat awam, penyelidikan, perdagangan dan perusahaan sosial. SEDIC juga akan berinteraksi dengan komuniti mengenai perkara yang terkandung dalam Pelan Tindakan melalui program jangkauan dan penglibatan termasuklah program townhall.



B. Perkongsian Awam Swasta

Kejayaan Pelan Tindakan bukan sahaja bergantung pada kerjasama yang erat dalam kalangan agensi kerajaan malahan juga penglibatan pihak Bukan Kerajaan termasuk NGO, syarikat dan juga individu. Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia dilaksanakan berdasarkan usaha untuk membolehkan penglibatan semua sektor, sama ada dalam bentuk kepakaran domain, dana, perkhidmatan profesional atau bentuk sumbangan yang lain.

Suatu bentuk perkongsian awam swasta yang sudahpun diusahakan oleh keempat-empat Unit CCIC ialah pembiayaan atau pembiayaan sebahagian bagi program yang dijalankan oleh Badan Bukan Kerajaan dan pelbagai penyedia perkhidmatan yang lain. Dalam tempoh pelaksanaan Pelan Tindakan ini, bentuk perkongsian ini akan diperkukuh dengan mengambil pendekatan yang lebih tersusun ke arah menjelaskan dan menyasarkan jenis program yang akan dibiayai, demi mencapai sasaran Pelan Tindakan. Platform untuk berkongsi amalan terbaik dan pembinaan keupayaan dalam kalangan Badan Bukan Kerajaan atau penyedia perkhidmatan akan diwujudkan agar NGO dan penyedia perkhidmatan yang cemerlang dapat berkembang dan membantu atau bergabung dengan penyedia perkhidmatan yang lain.



Satu lagi bentuk perkongsian awam swasta ialah penglibatan pihak berkepentingan komuniti yang aktif terutamanya dalam perkara yang berkaitan dengan dasar dan impak program. Seperti yang dinyatakan di atas, Lembaga Perundingan dan Penasihat SEDIC akan diwujudkan dan akan dilengkapkan dengan program jangkaun dan penglibatan. Setiap subunit SEDIC juga boleh mewujudkan kumpulan penasihat kerja yang terdiri daripada pakar bidang berkaitan, pekerja lapangan, penyelidik dan penyumbang yang lain.

Bentuk terakhir perkongsian awam swasta yang akan dilaksanakan secara lebih aktif dalam tempoh pelaksanaan Pelan Tindakan ialah pembiayaan bersama dan/atau pelaksanaan bersama inisiatif dan program yang dicadangkan dalam Pelan Tindakan. Beberapa inisiatif akan meraih manfaat daripada sektor swasta dan sokongan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bukan sahaja dalam pembiayaan tambahan tetapi juga dalam bentuk sumbangan ilmu pengetahuan, pengurusan projek dan tenaga kerja. Pelbagai model boleh digunakan tertakluk pada jenis inisiatif, daripada model Sekolah di bawah Yayasan Amir kendalian Khazanah Nasional Berhad kepada model pelbagai rakan kongsi di Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera. Insentif untuk menggalakkan perkongsian awam swasta seperti itu akan diperkenalkan, contohnya insentif cukai.



C. Impak & Fasa Pelaksanaan

Kemajuan dan impak Pelan Tindakan akan dinilai mengikut pencapaian sasaran utama yang digariskan dalam dokumen ini. Oleh yang demikian, sasaran Pelan Tindakan akan secara efektif menjadi penunjuk prestasi utama (KPIs) bagi kementerian, agensi dan unit yang berkenaan yang terlibat dalam pelaksanaan Pelan Tindakan.



Pembentukan garis asas akan menjadi aktiviti penting pada tahun 2017 untuk menetapkan titik permulaan bagi beberapa sasaran Pelan Tindakan. SEDIC yang baharu, Unit Pemantauan Prestasi CCIC dan Unit Komunikasi CCIC akan bertanggungjawab dalam menerbitkan Laporan Tahunan berkaitan dengan penyampaian Pelan Tindakan.

Penunjuk impak Pelan Tindakan mungkin dimurnikan atau ditambah baik dari semasa ke semasa, berdasarkan pengalaman yang diperoleh dalam pelaksanaan atau maklumat baharu ataupun faktor lain. Sebahagian besar sasaran ditetapkan untuk pencapaian sepenuhnya pada tahun kesepuluh Pelan Tindakan diperkenalkan, iaitu pada tahun 2026.

Fasa pelaksanaan Pelan Tindakan adalah seperti yang berikut:

2017-2018: Penyatuan dan Pembentukan Garis Asas

- Menyempurnakan penyusunan semula organisasi dan keperluan tenaga kerja di semua unit berkaitan.
- Mengintegrasikan matlamat dan sasaran Pelan Tindakan menjadi dasar kementerian dan agensi rakan pelaksana selain rancangan & bajet tahunan dan jangka pertengahan.
- Pelancaran inisiatif utama dan platform perkongsian.
- Mewujudkan pangkalan data dan mengukur garis asas bagi penunjuk yang relevan.

2019-2021: Pelaksanaan Separuh Pertama

- Semua inisiatif berjalan dengan penilaian tahunan dan proses penambahbaikan dijalankan.
- Penilaian pertengahan terhadap pencapaian sasaran Pelan Tindakan dan langkah pembedahan, jika perlu

2022-2026: Pelaksanaan Separuh Kedua

- Semua inisiatif berjalan dengan penilaian tahunan dan proses penambahbaikan dilaksanakan.
- Memulakan penyerahan dan pengaliran utama (mainstreaming) inisiatif dan sasaran kepada kementerian dan agensi Kerajaan terpilih.
- Mengkaji semula peranan SEDIC berbanding dengan rakan pelaksana Kerajaan.

2027-2030: Pengaliran Utama

- Integrasi penuh dan penyaluran inisiatif dan sasaran kepada rakan pelaksana Kerajaan.
- Penyatuan fungsi pemantauan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan sasaran masyarakat India Malaysia dan /atau penunjuk prestasi utama (KPI) diukur dan disampaikan oleh kementerian dan agensi Kerajaan.

1AZAM	Akhiri Zaman Miskin
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AS1M	Amanah Saham 1Malaysia
ASW	Amanah Saham Wawasan
B40	Bottom 40%
BM	Bahasa Melayu
BR1M	Bantuan Rakyat 1Malaysia
CCIC	Cabinet Committee for Indian Community
CEDAR	Centre for Entrepreneur Development and Research
CGPA	Cumulative Grade Point Average
CHILD	CHILD Information, Learning and Development Centre
CID	Criminal Investigation Department
CSR	Corporate Social Responsibility
DFI	Development Financial Institutions
DHRRA	Development of Human Resources in Rural Area
DLP	Dual-Language Program
DOS	Department of Statistics
DOW	Department of Welfare
EKASIH	Sistem Maklumat Kemiskinan Negara
EPF	Employees Provident Fund
EPU	Economic Planning Unit
ETP	Economic Transformation Programme
EWRF	Educational, Welfare & Research Foundation Malaysia
GDP	Gross Domestic Product
GEMS	Graduate Employability Management Scheme
GLC	Government Linked Companies
GMI	German-Malaysian Institute
GPN	Gred Purata Nasional
HINDRAF	Hindu Rights Action Force
HIS	Household Income Survey
IB40	Indian Households in the B40 Income Segment
ICT	Information & Communication Technology
ICU	Implementation Coordination Unit
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
ILKS	Institute Latihan Kemahiran Swasta
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IM40	Indian Households in the M40 Income Segment
IPTA I	Institut Pengajian Tinggi Awam; Public Institution of Higher Education
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa; Department of Urban and Rural Planning
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran

JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
KAR1SMA	Kebajikan Rakyat 1Malaysia
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KITA	Institut Kajian Etnik, UKM
KPI	Key Performance Indicators
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KRTM	Kedai Rakyat 1Malaysia
LEAP	Leaders Entrepreneurship Acceleration Programme
M40	Middle 40%
MEB	Malaysia Education Blueprint
MHS	Malaysia Hindu Sangam
MIB	Malaysian Indian Blueprint
MIDF	Malaysian Industrial Development Finance Berhad
MIFA	Malaysian Indian Football Association
MISC	Malaysian Indian Sports Council
MOE	Ministry of Education
MOF	Ministry of Finance
MOH	Ministry of Health
MOHA	Ministry of Home Affairs
MOHE	Ministry of Higher Education
MOHR	Ministry of Human Resources
MPI	Multi-dimensional Poverty Index
MYS	Ministry of Youth & Sports
NGO	Non-Governmental Organisations
NKEA	National Key Economic Area
NRD	National Registration Department
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development
PADU	Program Angkat dan Upaya
PASTI	Pusat Asuhan Tunas Islam
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PLI	Poverty Line Income
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PNB	Permodalan Nasional Berhad
POL2.0	People's Own Language Program
PPP	Public Private Partnership
PPR	Program Perumahan Rakyat
PSD	Public Service Department
PSH	Pekerja Sambilan Harian
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3

PTST	Action Plan for Tamil Schools
RAPID	Refinery and Petrochemical Integrated Development
RIBI	Non-Islamic Houses of Worship
RIMUP	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan
ROC	Registry of Companies Malaysia
SEDIC	Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India
SEED	Secretariat for Empowerment of Indian Entrepreneurs
SIRDC	Strategic Information and Research Development Centre
SITF	Special Implementation Task Force on the Indian Community
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SKRE	Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet
SLIM	Skim Latihan 1Malaysia
SME	Small Medium Enterprise
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPUMI	Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
STEM	Science, Technology, Engineering and Mathematics
T20	Top 20%
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
TVET	Technical and Vocational Education and Training
UKM	University Kebangsaan Malaysia
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

BAB 1: PENGENALAN

NO.	NOTA KAKI
1,2,3	Kajian Pendapatan Isi Rumah 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia
4	Untuk butiran lanjut, rujuk kepada subseksyen 'Cabaran Ekonomi' dalam bab ini
5	Climbing the Ladder; Socioeconomic Mobility in Malaysia. Khazanah Research Institute, October 2016
6	Termasuk warganegara bukan Malaysia, cth: pekerja asing. Sumber: Anggaran Penduduk, Jabatan Perangkaan Malaysia
7,8,9,10, 11,12,13,14	Moorthy, Ravichandran (2016) "Ethnic Indians in Malaysia: History and Issues of Development" in Denison, J & Nathan, KS (Eds.) Contemporary Malaysian Indians, Bangi: KITA, pp. 39-56.
15,16,17,18	Marimuthu, T (2016) "The Malaysian Indian Community: Continuing Concerns" in Denison, J & Nathan, KS (Eds.) Contemporary Malaysian Indians, Bangi: Institute of Ethnic Studies UKM, pp. 95-107.
19	Nagarajan, S (2009) "Marginalisation and Ethnic Relations: The Indian Malaysian Experience" in Lim, TG; Gomes, A & Rahman, A (Eds.) Multiethnic Malaysia: Past, Present and Future, Petaling Jaya: SIRDC.
20	Moorthy, op. cit.
21,22,23	Marimuthu, T, op. cit.
24	Moorthy, op. cit.
25	Data diperoleh daripada Laporan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014 yang diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Wahid Omar, dalam jawapan bertulis kepada Ahli Parlimen Ampang MP Zuraida Kamaruddin. Sebagaimana dilaporkan dalam "Bumis majority of top earners - but disparity widest, too" (2015, November 26) Malaysiakini. Diakses di: https://www.malaysiakini.com/news/321081
26	The Economic Report 2015/2016 indicates the following as the minimum and maximum ranges for Malaysia's income segments: Bottom 40% earn below RM3,855; Middle 40% earn between RM3855 and RM8,319; and Top 20% earn above RM8,319
27	Pekali Gini ialah indeks daripada 0 hingga 1 untuk mengukur ketidaksamaan pendapatan: lebih tinggi jumlahnya maka lebih tinggi atau lebih besar kadar ketidaksamaanya
28	Kajian Pendapatan Isi Rumah 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia
29	International studies such as Joumard I, Pisu M, Bloch D (2012), Tackling Income Inequality: The role of taxes and transfers, OECD Journal and the Malaysia Economic Report 2016/2017 have noted that cash transfers (BR1M) has its impact in reducing income inequality as well as partly contributing to the reduction in the share of households in the low-income group.
30,31,32	Kajian Pendapatan Isi Rumah 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia
33	Banci Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia
34	Marimuthu, op. cit.
35	Laporan Kajian Tenaga Buruh, 2014
36	Professor Mahendhiran Nair (2014) "Equitable & Inclusive Economic Development: The Current State of Socioeconomic Development of Malaysian Indians"
37	Lin, Mui Kiang (2016) "Millennium Development Goals & The Indian Community: Focus On The Bottom 40 Percent" in Denison, J & Nathan, KS (Eds.) Contemporary Malaysian Indians, Bangi: Institute of Ethnic Studies UKM, pp. 239-262.
38	Kadar Pekerjaan Berdasarkan Etnik Dan Kumpulan Umur 2015 oleh Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

BAB 1: PENGENALAN

NO.	NOTA KAKI
39	Laporan Kajian Tenaga Buruh, 2014
40	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), 2009 - 2013
41	Malaysian Indian Economic Development Report For RMK-11 by SEED Steering Committee.
42	Kajian Ciri-Ciri Isi Rumah, Jabatan Perangkaan Malaysia 2010
43	Muhammed Abdul Khalid, PhD, UKM, (2011) "NEP to NEM: Who Cares? Wealth Distribution in Malaysia"
44	Ciri-ciri Pendidikan dan Sosial Berdasarkan Populasi (2010) Jabatan Perangkaan Malaysia
45	Bennett, J (2008) Early Childhood Services in the OECD Countries: Review of the literature and current policy in the early childhood field: UNICEF Innocenti Research Centre and Duncan, JG, Magnuson, K (2013) Investing in Preschool Programs: Journal of Economic Perspective Vol.27 No.2 pp. 109-132 (24)
46	Pelan Tindakan Sekolah-Sekolah Tamil (PTST) 2014
47	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
48	Temubual bersama Prof. Datuk Dr. NS Rajendran (PTST & SEDIC)
49	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
50	Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini tidak melibatkan peningkatan perbelanjaan operasi bagi gaji kakitangan pengajar
51	Sekolah bantuan Kerajaan merupakan sekolah-sekolah yang dibangunkan dan dikendalikan oleh pihak berkepentingan bukan Kerajaan tetapi disokong separa oleh dana Kerajaan. Sekolah Kerajaan dibangunkan dan dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
52	Nagappan, R; Maniam, M; Periasamy, S; Rao, R; Devarajoo, K & Velu, J (2012) Exploring Remove Classes in Malaysia; A Study to Evaluate Their Effectiveness Kuala Lumpur: EWRF.
53	Kementerian Pendidikan Malaysia
54,55	Statistik Pendaftaran Kanak-Kanak India dalam Sekolah-Sekolah yang Berdaftar dengan Kementerian Pendidikan 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia
56	Insitituti-institusi pendidikan tinggi awam juga dirujuk sebagai Insitituti Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
57	Ismail, Noor Azina (2011) "Graduates' Characteristics and Unemployment: A Study Among Malaysian Graduates", International Journal of Business and Social Science, Vol. 2 No. 16, p. 94.
58	Berasaskan latihan pemetaan dan pengenalanpastian oleh 'Development of Human Resources for Rural Areas' (DHRRA) sebuah NGO, seorang individu yang tidak bernegara, tidak memiliki dokumentasi kewarganegaraan; seseorang yang mempunyai permasalahan berkaitan dengan dokumentasi memiliki dokumen pengenalan sementara (Kad pengenalan merah). Walaubagaimanapun, ia menghadapi masalah untuk membuktikan kewarganegaraanya dan untuk mendapatkan dokumen pengenalan yang kekal
59	Berikut perhatian yang diberikan oleh masyarakat awam, terdapat peningkatan usaha sejak beberapa tahun kebelakangan ini oleh syarikat-syarikat perladangan dan kerajaan-kerajaan negeri untuk menempatkan semula pekerja ladang di perumahan kos rendah yang baru. Perkara ini lazimnya melibatkan proses perundingan yang berlanjutan dengan pelbagai pihak pemegang taruh dan kejayaan yang dicapai sepenuhnya menurut sesuatu kes.
60	Bilangan Pekerja Ladang Berasaskan Etnik (2015), Jabatan Tenaga Kerja

BAB 1: PENGENALAN

NO.	NOTA KAKI
61	Terdapat juga masyarakat India yang masih tinggal di kawasan setinggan dan rumah panjang sementara. Penempatan semula mereka ini tidak diurus sejak berdekad. Jumlah atau bilangan sebenar tidak diketahui tetapi pekerja lapangan percaya bahawa jumlahnya menyust disebabkan dasar “setinggan sifar” oleh Kerajaan
62	Tenth Malaysia Plan Recommendations: Malaysian Indians & The New Economic Model, Institute of Ethnic Studies (KITA), University Kebangsaan Malaysia (UKM)
63	Laporan Statistik 2014, Department of Social Welfare Malaysia
64	Sumber daripada pengarah CID Bukit Aman, sepertimana yang dilaporkan dalam “Indian gangs originated from Chinese triads” (2013, August 27) The Sun Daily. Diakses di: http://www.thesundaily.my/news/808352
65	Temubual bersama PDRM
66	Jenayah yang melibatkan pembunuhan, cubaan membunuh, rogol, sumbang mahram, rompakan bersenjata. Nota: Etnik lain merangkumi 7% daripada baki tangkapan jenayah

BAB 2: MEMENUHI KEPERLUAN ASAS

NO.	NOTA KAKI
67	Kerajaan Malaysia mentakrifkan kemiskinan sebagai kekurangan dari segi kewangan untuk menampung keperluan asas termasuk komponen makanan dan bukan makanan, sewa rumah, pakaian, pengangkutan dan rekreasi. Garis kemiskinan ditetapkan berdasarkan keperluan perbelanjaan minimum kumpulan barangan yang merangkumi komponen tersebut. Sumber: ‘Urban Poverty and Inequality in Malaysia: Empowerment of Malaysian Indians through the Neighbourhood-Based Social Service Programme’ oleh Chamsuri Siwar dalam bukunya ‘Contemporary Malaysian Indians’
68	Kemiskinan tegar ditakrifkan sebagai ketidakmampuan yang kronik untuk menampung keperluan ikhtiar hidup. Menurut sejarah, ini merupakan separuh daripada garis kemiskinan yang telah ditetapkan, iaitu RM465. Sumber: Rancangan Malaysia Ke-11
69	Bilangan Pekerja Estet Berdasarkan Etnik (2015), Jabatan Tenaga Kerja
70	Temu bual bersama pegawai Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan yang lain
71	Selaras dengan sasaran Rancangan Malaysia Ke-11 untuk menggandakan min dan median pendapatan bulanan isi rumah B40 menjelang 2020n and median monthly income of B40 households by 2020
72	Garis dasar akan ditetapkan dalam 2017 berdasarkan tinjauan tahap simpanan isi rumah masyarakat India miskin Malaysia yang berdaftar dalam pangkalan data e-Kasih
73	Kes-kes yang berlaku sebelum tahun 2017
74	Berdasarkan garis dasar pada akhir tahun 2016
75	Kemiskinan tegar mewakili 0.1% daripada jumlah isi rumah. Sumber: Rancangan Malaysia Ke-11
76	Perkara ini tergambar dalam anjakan ke arah Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Rancangan Malaysia Ke-11
77	Saiz purata isi rumah ialah 4.3 orang. Sumber: Unit Koordinasi Perlaksanaan
78	Beberapa faktor berhubung pendapatan Garis Kemiskinan: setiap isi rumah adalah berbeza menurut lokasi, saiz isi rumah dan corak penggunaan. Satu isi rumah mungkin berpendapatan melebihi garis kemiskinan negara tetapi masih dianggap miskin iaitu di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan, bergantung pada ciri-ciri isi rumah tersebut

BAB 2: MEMENUHI KEPERLUAN ASAS

NO.	NOTA KAKI
79	Tinjauan Pendapatan Isi Rumah 2014. Jabatan Perangkaan, Malaysia
80	Tinjauan Pendapatan Isi Rumah 2012. Jabatan Perangkaan, Malaysia. Perbezaan lebih kurang 19,000 isi rumah menggambarkan perbezaan saiz isi rumah, lokasi dan faktor-faktor lain
81	Manakala masalah kemiskinan Bumiputera terbahagi sama rata di antara bandar dengan luar bandar. Sumber: Tinjauan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014
82	eKasih merupakan sumber utama, tetapi bukan satu-satunya sumber bagi pemulihan program oleh agensi pelaksana. Sumber: Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)
83	Contohnya, kesedaran orang awam yang tinggi mengenai BR1M sebahagiannya disebabkan oleh penggunaan bahasa yang mudah dan pendidikan awam mengenai BR1M dan kempen pendampingan melalui pendekatan berbilang saluran. Sumber: Temu bual bersama pekerja lapangan
84	Walaupun agensi pelaksana boleh menggunakan kuasa budi bicara mereka untuk menyampaikan bantuan kepada golongan kaum India yang tidak mempunyai dokumentasi
85	Isu dokumentasi diterangkan dengan lebih jelas di bab 5: Peningkatan Penyertaan Sosial
86	Pendaftaran dalam pangkalan data tidak memberikan kelayakan automatic untuk penerimaan bantuan; agensi pelaksana mempunyai kriteria saringan dan pemilihan untuk pelbagai jenis program
87	Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) adalah program bantuan kebajikan produktif yang bertujuan ke arah membantu warga emas, kanak-kanak miskin, orang kurang upaya dan janda kepada pegawai polis atau anggota tentera. Sumber: 1Malaysia.com
88	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
89	Contohnya, bahasa yang digunakan
90	Temu bual bersama pegawai kerajaan dan pekerja lapangan
91	Terma Rujukan Pengurusan Projek Rintis Program Tamat Selepas 2 Tahun, Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2014
92,93	Tinjauan bersemuka 2,087 isi rumah IB40 masyarakat India Malaysia dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia pada bulan Julai hingga September 2016. Sekretariat MIB
94	Selaras dengan sasaran Rancangan Malaysia Ke-11
95	Garis dasar perlu ditetapkan pada 2017 berdasarkan tinjauan tahap simpanan masyarakat India Malaysia miskin yang berdaftar dalam pangkalan data eKasih
96	Nisbah padanan akan ditentukan oleh skim Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada, antara lain, Unit Pelaksanaan Pelan Tindakan dan Kementerian Kewangan (MOF)
97	Tinjauan Ciri-ciri Isi Rumah 2010, Jabatan Perangkaan, Malaysia
98	'NEP to NEM: Who Cares? Wealth Distribution in Malaysia', Muhammed Abdul Khalid, UKM, 2011
99	Rancangan Malaysia Ke-11
100	Tinjauan bersemuka dengan 2,087 isi rumah IB40 masyarakat India Malaysia dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia pada bulan Julai hingga September 2016. Sekretariat MIB
101	Sebab-sebab lain termasuk ketiadaan atau kekurangan dokumen pendapatan, terutamanya pekerja harian atau kontrak
102	Memandangkan perkara ini menjadi perhatian umum, terdapat peningkatan usaha dalam beberapa tahun ini oleh syarikat perdagangan dan kerajaan negeri untuk menempatkan semula pekerja estet di kawasan perumahan kos rendah baharu; biasanya ini merupakan proses perundingan yang berterusan bersama berbilang pihak yang berkepentingan dan kejayaannya lebih berasaskan satu-satu kes tertentu

BAB 2: MEMENUHI KEPERLUAN ASAS

NO.	NOTA KAKI
103	Bilangan Pekerja Estet Berdasarkan Etnik (2015), Jabatan Tenaga Kerja
104,105	Temubual bersama Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang dan pakar lapangan
106	Inisiatif ini dilakukan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk membantu pekerja ladang sedia ada memiliki rumah. Sumber: "Kajian Tahap Sosioekonomi Pekerja Estet Tempatan dan Kaitannya dengan SKRE", Jabatan Tenaga Kerja, 2014
107	Pemohon juga tertakluk pada penaksiran kredit dan kelulusan oleh rakan kongsi saluran perbankan, Bank Simpanan Nasional. Syarat-syarat perlu dikaji semula, dengan kadar penolakan yang tinggi (81%)
108	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
109	Disebabkan oleh syarat yang lazim berkaitan dengan aras pendapatan minimum, status pekerjaan dan saiz estet
110	Kes-kes yang berlaku sebelum tahun 2017
111	Temubual bersama pegawai Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan yang lain
112	'Aspirations of Malaysian Indians Towards 2020' written by Dr. Denison Jayasooria, 2015
113	Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia, 2011
114,115,116	Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2014
117	Temubual bersama agensi dan pekerja komuniti
118,119	Temubual bersama pihak agensi kerajaan
120	'Current drinker' Peminum arak ditakrifkan sebagai mereka yang pernah mengambil minuman beralkohol dalam tempoh 12 bulan manakala binge drinker, peminum mengikut nafsu ialah mereka yang mengambil minuman beralkohol dalam kuantiti yang banyak pada satu-satu masa (enam atau lebih) Sumber: Tinjauan Kesihatan Kebangsaan & Morbiditi 2015 - Penyakit Tidak Berjangkit, Faktor Risiko & Masalah Kesihatan Lain, Kementerian Kesihatan
121	Berdasarkan garis dasar pada akhir tahun 2016
122	Intervensi penawaran terhadap pengambilan alkohol berlebihan diterangkan dalam bab tambahan

BAB 3: MEREALISASIKAN POTENSI SETIAP KANAK-KANAK

NO.	NOTA KAKI
123	Haveman, Robert & Smeeding, Timothy (2006) "The Role of Higher Education in Social Mobility" The Future of Children Vol. 16 No. 2 pp. 125-150
124	Ciri-ciri Pendidikan dan Sosial Berdasarkan Populasi (2010) Jabatan Perangkaan Malaysia
125	Jurang tersebut berkaitan dengan beberapa bidang, termasuklah Pendidikan prasekolah, infrastruktur dan kemudahan, guru dan latihan guru, pelajar dan pencapaian akademik, lokasi sekolah, kurikulum, pemulihan dan pendidikan khas, kepimpinan, penglibatan ibu bapa dan masyarakat serta hal ehwal kewangan
126	Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-Sekolah Tamil (PTST)
127	Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India

BAB 3: MEREALISASIKAN POTENSI SETIAP KANAK-KANAK

NO.	NOTA KAKI
128	Kadar keciciran tidak termasuk mereka yang dikenal pasti untuk penstriman ke dalam TVET dan / atau kemasukan ke program kanak-kanak berisiko & belia
129	Seperti yang diukur berdasarkan garis dasar 2016/17
130	Seiring dengan Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia yang bertujuan memastikan 100% pendaftaran prasekolah sebelum 2020
131	Penilaian risiko akan diwujudkan dan dilaksanakan pada 2017/18 berdasarkan faktor-faktor risiko yang dikenal pasti oleh pengamal bidang, seperti persekitaran keluarga, penggunaan bahan, pelupusan peribadi dan lain-lain
132	Greenstone, M; Looney, A; Patashnik, J; & Yu, M (2013) Thirteen Economic Facts about Social Mobility and the Role of Education, Policy Memo for The Hamilton Project
133	"Class and family in America: Minding the nurture gap" (2015, March 21) The Economist. Accessed at: http://www.economist.com/news/books-and-arts/21646708-social-mobility-depends-what-happens-first-years-life-minding-nurture-gap
134	Climbing the Ladder; Socioeconomic Mobility in Malaysia. Khazanah Research Institute, October 2016
135	"Pencapaian UPSR pada Peringkat Kebangsaan dan Kumpulan Etnik India", Kementerian Pendidikan Malaysia
136	"Pencapaian SPM pada Peringkat Kebangsaan dan Kumpulan Etnik India", Kementerian Pendidikan Malaysia
137	Periasamy, Santhi (2016) "Underachieving Youths and the Education System: A Case Study of the EWRP Research Programs" in Denison, J & Nathan, KS (Eds.) Contemporary Malaysian Indians, Bangi: KITA, pp. 409-425; CHILD submission for the 11th Malaysia Plan
